

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 20

Khamis

15 April 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 24)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2010	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.10, B.11, B.12,	(Halaman 25)
Maksud B.13	(Halaman 57)
Maksud B.21	(Halaman 84)
Maksud B.22	(Halaman 110)
USUL:	
Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2010	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.22	(Halaman 110)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 15 April 2010
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah pihak kementerian memantau iklan-iklan yang menawarkan pekerjaan di luar negara yang kadangkala boleh menjurus ke arah penipuan dan apakah langkah-langkah tertentu dalam menangani soal tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]: *Assalamualaikum*, selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom. Kementerian Sumber Manusia sentiasa memantau iklan yang menawarkan peluang pekerjaan di luar negara melalui semakan ke atas iklan-iklan di akhbar dan aduan yang diterima. Bagi agensi pekerjaan swasta yang mengiklankan jawatan kosong dalam sesuatu sebaran am, perlu patuh kepada peruntukan seksyen 18(1), Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Akta 246 yang perlu memaparkan nombor lesen dan maklumat pekerjaan.

Agensi pekerjaan swasta yang ingin melakukan penghantaran pekerja Malaysia ke luar negara perlu mendapatkan kebenaran atau endorsan terlebih dahulu daripada Jabatan Tenaga Kerja. Mereka perlu menyatakan dengan jelas nombor lesen, agensi pekerjaan mereka serta maklumat yang lengkap mengenai kekosongan jawatan yang ditawarkan seperti jumlah kekosongan dan syarat-syarat kelayakan yang perlu. Bagi membantu rakyat Malaysia yang ingin bekerja di luar negara, Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan empat Pusat Pengurusan Pekerja Malaysia Luar Negara iaitu di Cyberjaya, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu.

Pusat ini juga berperanan menyalurkan maklumat berhubung peluang pekerjaan di luar negara serta menyelaras agensi pekerjaan swasta yang sah bagi penghantaran pekerja ke luar negara. Untuk memastikan pencari kerja tidak ditipu, Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan surat pemberitahuan kepada semua akhbar tempatan. Memohon kerjasama mereka supaya tidak mengiklankan tawaran jawatan kosong oleh syarikat atau agen yang tidak mempunyai lesen yang sah daripada Jabatan Tenaga Kerja. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Kita melihat pada hari ini banyak kejadian yang berlaku berkenaan dengan penipuan pekerjaan. Kebanyakannya mangsa yang kita lihat ialah belia-belia dan

beliawanis dari luar bandar, yang mana sudah tentu mereka memang mengharapkan satu pekerjaan yang baik, yang mana boleh membantu masalah pendapatan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya melihat dalam laman web *JobsMalaysia* yang mana semuanya dilaksanakan melalui internet. Seperti mana jawapan Timbalan Menteri tadi, ada juga menubuhkan Pusat Pengurusan Pekerja Malaysia Luar Negara, di Kota Kinabalu ada satu. Bagaimana pula dengan pencari-pencari kerja yang berada di luar bandar? Akses untuk kepada internet amat sukar bagi mereka dan saya lihat dalam laman web *JobsMalaysia*, kebanyakannya memberi maklumat tentang pekerjaan ataupun agensi-agensi swasta di dalam negara kita. Akan tetapi dalam laman web itu tidak ada menyatakan agensi-agensi pencari kerja dari luar negara.

Saya ingin mendapat jawapan daripada pihak Timbalan Menteri, apakah langkah seterusnya supaya kebanyakannya masalah penipuan ini lebih-lebih lagi kepada golongan belia daripada luar bandar tidak akan berulang. Sebab kita lihat pada hari ini seperti mana satu kes di kawasan saya, ada seorang pemuda bekerja di Singapura tapi apabila sampai di Singapura, dia tidak mendapat apa yang diharapkan. Sebagai contoh soal gaji dan kadang-kadang terpaksa bekerja lebih masa. Jadi saya pohon jawapan daripada Timbalan Menteri.

Dato' Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan. Memang benar terdapat banyak kes di mana pekerja-pekerja kita yang tertipu. Untuk makluman bersama, daripada tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 122 aduan diterima terus oleh Jabatan Tenaga Kerja dan melalui pegawai atase buruh kita di Singapura.

Pada tahun 2008 sahaja terdapat 1543 aduan yang diterima dan sehingga Mac 2010, 86 kes penipuan telah dilaporkan dan untuk makluman Yang Berhormat Tenom dan Dewan yang mulia ini, khusus bagi Sabah dan Sarawak, perkara ini telah diberi perhatian oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja.

Saya sendiri Yang Berhormat, telah turun dua kali ke sana di mana kita telah juga berusaha mengadakan kempen kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin setempat. Mencetak risalah khas untuk memaklumkan supaya pemimpin-pemimpin dan juga mereka yang ingin mencari pekerjaan membuat melalui saluran yang sah.

■1010

Mereka juga diberikan alamat-alamat semua Jabatan Tenaga Kerja yang ada di seluruh negeri tersebut dengan nombor telefon dan lain-lain cara perhubungan bagi membantu mereka membuat semakan sebelum mereka menerima satu-satu tawaran dan sehingga ini kita memantau dan *insya-Allah* kita memberi perhatian yang terperinci mengenai masalah ini.

Berhubung dengan *Jobs Malaysia*, ia merupakan portal elektronik kerajaan yang percuma yang mana di situ ada diiklankan pekerjaan-pekerjaan kosong yang boleh mereka pohon sama ada melalui *online* terus ataupun melalui pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja yang ada 80 pusat di seluruh negara. Mereka boleh memohon borang dan membuat

permohonan secara manual sekiranya tidak ada kemudahan internet. Saya juga telah meminta supaya Jabatan Tenaga Kerja di Sabah dan Sarawak menempatkan borang-borang permohonan kerja ini di pejabat-pejabat wakil rakyat dan Ahli Parlimen di sana. Sekiranya masih tidak diperolehi dapat kiranya hubungi pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja kita. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah *Jobs Malaysia* ini akan turun untuk membuat program-program ataupun membuka kaunter kepada orang ramai sekiranya dijemput. Misalnya seperti pada 10 April yang lalu Sekretariat Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia telah membuat satu program Karnival Kerjaya di PPR Hiliran Ampang di dalam Parlimen Titiwangsa di mana di situ kerjasama dengan *JobsMalaysia* mereka membuka kaunter kepada orang ramai.

Jadi saya hendak bertanya, maknanya kalau sekiranya Pakatan Rakyat membuat program yang sama Karnival Kerjaya, adakah pihak kementerian akan menurunkan kakitangan mereka untuk membuka kaunter dalam Karnival Kerjaya seperti yang tersebut. Minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Maznah Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Tuan Yang di-Pertua, *JobsMalaysia* merupakan portal elektronik dan kita ada program 3P iaitu Program Penempatan Pekerjaan yang merupakan Karnival Pekerjaan di mana kita turun dan membawa selain daripada kemudahan internet kita juga membawa majikan-majikan turun ke karnival-karnival tersebut.

Sebenarnya karnival-karnival ini sudah dirancang sepanjang tahun dan tahun lalu sahaja kita ada hampir 200 lebih karnival tersebut yang diadakan di seluruh negara dan sebenarnya Kementerian Sumber Manusia ataupun Jabatan Tenaga Kerja bersedia bekerjasama dengan pihak-pihak lain dan memang Pemuda UMNO Malaysia merupakan salah satu daripada pihak yang sangat aktif menganjurkan dan membawa peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat... [Tepuk] Mana-mana pihak lain yang ingin bekerjasama dialu-alukan dan tertakluk kepada syarat-syarat dan juga giliran-giliran dan peruntukan-peruntukan yang ada, kita bersedia menimbangnyanya. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih. Jawapan yang positif dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2. **Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, apakah kadar penembusan *broadband WiMax* terkini berbanding syarat-syarat liputan yang diwajibkan dalam lesen perkhidmatan *WiMax* apabila empat lesen tersebut dikeluarkan oleh SKMM pada bulan Mac 2007. Apakah denda yang dikenakan terhadap pemegang-pemegang lesen yang gagal menunaikan syarat tersebut.

Timbalan Menteri Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memantau pencapaian setiap

pemegang lesen yang membekalkan perkhidmatan *WiMax* berdasarkan sasaran pencapaian liputan penduduk sebanyak 25% bagi tempoh Mac 2008 hingga Mac 2009.

Setakat 31 Mac 2009 sebanyak tiga daripada empat syarikat pemegang lesen yang membekalkan perkhidmatan *WiMax* gagal mencapai sasaran masing-masing dan boleh dikenakan denda bergantung kepada prestasi pelaksanaan dan pertimbangan terhadap rayuan yang telah dikemukakan. Pada masa ini SKMM sedang meneliti permohonan rayuan tersebut. Terima kasih.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengutip daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya kesal setelah mendengar bahawa daripada empat pelesen *WiMax* itu, tiga daripada mereka telah dikenakan penalti sedangkan rayuan sedang diteliti oleh SKMM.

Saya ingin kaitkan pemberian lesen *WiMax* dengan cita-cita Model Ekonomi Baru. Kalau kita menghalusi majalah Model Ekonomi Baru muka surat 18 dalam Jadual 'B' telah dikatakan mengenai ketelusan pasaran bahawa di bawah NEM ini tiadanya me *rental* iaitu *rent seeking* dan kuota dengan sokongan kepada perniagaan berdasarkan prinsip pasaran.

Saya rasa pemberian lesen dan juga spektrum frekuensi kepada pelesen-pelesen *WiMAX* itu adalah satu olahan polisi dan juga pelaksanaan dasar yang harus kita halusi kerana spektrum frekuensi apabila diberikan kepada pelesen *WiMax* dan sebagainya itu ialah satu pemberian yang mutlak kerana spektrum frekuensi merupakan satu aset negara yang *final*.

Jadi apabila spektrum diberi kepada syarikat seperti *Asiaspace* katakan dan itu akan diibaratkan sebagai lebuhraya di dunia di alam siber di alam *wireless*. Kalaulah lesen diberi dan spektrum diberi dan tidak diusahakan setelah tiga tahun lesen dikeluarkan maka saya rasa sudah sampai masanya kita tarik balik daripada mereka yang tidak menunjukkan kesungguhan untuk mengusahakan perniagaan *broadband WiMax* sedangkan kita ingin menempuhi 50% penembusan *broadband* menjelang akhir tahun ini.

Saya ingin hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada SKMM dan juga Kerajaan Pusat mempunyai kesungguhan untuk menarik balik lesen yang telah diberikan kepada *Asiaspace*.

Kalau tidak adakah ia tidak dikenakan tindakan kerana ia berpautan terus dengan salah seorang pemimpin Pemuda UMNO yang begitu kuat. Jadi mereka jadi kebal... [*Dewan riuh*] Jadi saya cabar supaya Kerajaan Pusat siasat dan membongkar secara telus sejajar dengan cita-cita NEM ini. Sekian, terima kasih... [*Dewan riuh*]

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong atas hujah yg panjang lebar dan memang betul spektrum atau frekuensi itu adalah terhad dan ianya adalah khazanah negara dan oleh yang demikian SKMM dan juga kementerian kami memang berhati-hari dalam memantau pelaksanaan pelan jalur lebar dan begitu juga *roll out plan* syarikat-syarikat yang telah diberikan lesen.

Berkenaan dengan *Asiaspace* yang disebutkan oleh Yang Berhormat, *Asiaspace* pun sedang menunjukkan ada prestasi yang sedikit menggalakkan walaupun ianya belum sampai ke sasaran yang dijanjikan oleh syarikat tersebut. Namun demikian, suka saya nyatakan di sini kesemua empat-empat syarikat yang telah diberi lesen untuk menyediakan perkhidmatan *WiMAX* menunjukkan prestasi yang positif dari masa yang kita katakan pada Mac 2009. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Asia Space pada 30 September tahun lepas telah mencapai 18% dalam liputan. Terima kasih.

■1020

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan liputan tentang *WiMAX* ini terutamanya di negeri Sabah dan secara khususnya, apakah inisiatif dan rancangan pihak kerajaan untuk memperluaskan lagi capaian *broadband* ini terutamanya di kawasan luar bandar di negeri Sabah dan seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Silam, kementerian ini melalui SKMM telah memberi dua lesen kepada pemberi perkhidmatan *WiMAX* untuk Sarawak dan Sabah.

Satunya ialah Red Tone yang telah pun memulakan *roll out plan* mereka, namun pencapaian belum begitu memuaskan. Setakat 30 September tahun lepas, di Sabah pencapaian hanya sedikit lebih 14% dan di Sarawak ialah 24.83%. Oleh yang demikian, maka kementerian melalui SKMM juga telah memberi lesen kepada P1 yang menunjukkan prestasi yang baik di Semenanjung Malaysia dan syarikat ini akan memulakan pekerjaan-pekerjaan untuk *roll out plan* mereka di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

3. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, pencapaian dan penambahbaikan yang telah dicapai bagi 27 sub sektor bidang perkhidmatan yang telah diliberalisasikan pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Walaikumussalam warrahmatullaahi taala wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia... [Dewan riuh][Ketawa] Apa pasal, tak bolehkah? Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Rembau di atas soalan ini. Kementerian telah menerima maklum balas yang menggalakkan daripada pertubuhan dan dewan perniagaan di luar negara seperti di Eropah, Amerika Syarikat, China, India dan Singapura.

Mengenai langkah kerajaan membuka pasaran terutamanya bagi 27 subsektor berkenaan. Menurut pertubuhan-pertubuhan dan dewan-dewan ini, langkah Malaysia membuka 27 subsektor pasaran sektor perkhidmatan secara serta-merta telah memberi isyarat yang positif mengenai dasar Kerajaan Malaysia untuk menarik pelaburan terutamanya ketika ekonomi dunia masih tidak menentu.

Menurut Laporan Pelaburan Dunia (UNCTAD) 2009, aliran masuk pelaburan langsung asing dunia telah merosot sebanyak 40% kepada USD1 trilion pada tahun 2009 berbanding USD1.7 trilion pada tahun sebelumnya. Di samping itu, publisiti yang dibuat secara meluas juga telah menarik perhatian pelabur-pelabur asing dalam sektor perkhidmatan di Malaysia. Beberapa perwakilan atau kedutaan asing di Malaysia juga telah melaporkan bahawa komuniti perniagaan di negara mereka telah menunjukkan minat untuk melabur dalam subsektor-subsektor perkhidmatan yang dibuka pasarannya pada masa hadapan. Kesan atau impak dari segi pertambahan pelaburan asing dalam 27 subsektor perkhidmatan ini masih awal untuk dinilai kerana biasanya keputusan untuk melabur memerlukan perancangan jangka panjang.

Walau bagaimanapun, setakat ini pelaburan dalam sektor perkhidmatan melibatkan projek-projek seperti taman tema yang berjumlah RM1.1 bilion iaitu bagi Projek Legoland Malaysia berjumlah RM750 juta dan projek *Indoor Theme Park* berjumlah RM350 juta, studio fileman iaitu Pine Wood Iskandar Malaysia Studio's yang berjumlah RM400 juta dan juga perkhidmatan pelancongan yang selainnya.

Dari segi penambahbaikan bagi menarik pelabur asing melabur dalam sektor perkhidmatan, kerajaan telah menyeragamkan garis panduan kemasukan pegawai dagang. Selain itu, kerajaan juga telah menyemak dan meminda undang-undang dan peraturan domestik berkaitan dengan 27 subsektor yang terlibat.

Di samping itu juga, kerajaan juga sedang mempertimbangkan untuk mengikat pembukaan pasaran bagi 27 subsektor ini di dalam Perjanjian Perdagangan Bebas seperti *ASEAN Framework Agreement on Services (AFAS)*, WTO dan lain-lain Perjanjian Perdagangan Bebas. Langkah ini akan memberi lebih keyakinan kepada pelabur asing memandangkan komitmen terikat akan memberi isyarat kepastian kepada rakan dagang bahawa negara tidak akan sewenang-wenangnya mengubah dasar pembukaan pasaran bagi 27 subsektor tersebut.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih kakanda saya, Timbalan Menteri... [Ketawa] Atas jawapan tadi. Tahniah kepada beliau dan juga kementerian... [Dewan riuh] Apa cemburu sangat ini PAS, cemburu sangatkah? Dengki betul, dengki ini, dengki.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, perkataan "kakanda", bukan *unparliamentary*. Sila Yang Berhormat Rembau, teruskan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, terima kasih. Saya melihat tujuh daripada sembilan sektor perkhidmatan termasuk perkhidmatan kerajaan berada di kategori penyumbang rendah kepada KDNK negara dan pertumbuhan sektornya yang rendah. Dua lagi iaitu kewangan dan insurans serta perdagangan borong dan runcit berada di kategori penyumbang KDNK tinggi dengan sumbangan *double digit percentage point*, dengan izin, tetapi masih lagi mengalami pertumbuhan yang rendah.

Namun, pertumbuhan pasaran tidak boleh berdasarkan kepada penembusan *market* ataupun pasaran tempatan semata-mata. Jadi soalan saya yang pertama, apakah subsektor

yang telah dikenal pasti bagi proses liberalisasi seterusnya pusingan kedua selaras dengan kepentingan pertumbuhan dan juga komitmen kita di bawah ASEAN sebab diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa akan ada *second wave of liberalization*, dengan izin, dan yang keduanya, apakah kerajaan bersetuju dengan pandangan bahawa kita punya *second wave* ini untuk dengan syarat bahawa sektor tersebut adalah sektor berpotensi tinggi untuk menjadi hab kepada pertumbuhan serantau.

Saya sebutkan ini sebab pusingan pertama ini apabila saya mencelah Yang Berhormat Menteri dahulu, mengatakan bahawa 27 subsektor ini adalah subsektor yang contohnya tidak ada penglibatan banyak ataupun yang besar daripada syarikat-syarikat bumiputera. Jadi saya hendak tahu dalam... [*Dewan riuh*] Sekejaplah, pusingan kedua ini, sama ada subsektor yang kita pilih adalah subsektor yang boleh dikatakan ada penglibatan daripada bumiputera dan boleh menjadi potensi..

Seorang Ahli: Soalan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Untuk pertumbuhan serantau. Dengki daripada tadi sebab saya baik dengan Yang Berhormat Jerlun. Teruk betul... [*Ketawa*]

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Rembau... [*Ketawa*][*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mahu dengar jawapan.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi di atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya memang benar MITI sedang dalam proses untuk melancarkan proses liberalisasi bagi subsektor perkhidmatan ini iaitu *second wave*. Akan tetapi buat masa ini, kami masih lagi dalam proses mengenal pasti subsektor mana yang akan memberi impak yang terbesar.

Oleh sebab itu, kita hendak lihat supaya subsektor yang terlibat ini, yang pertamanya dapat membantu dalam pertumbuhan ekonomi, tidak menjejaskan industri tempatan khususnya industri bumiputera malah kalau boleh akan merangsangkan lagi pertumbuhan ekonomi kita. Jadi buat masa ini, berbandingkan dengan 27 subsektor yang telah pun diliberalisasikan sebelum ini, kali ini kita akan berunding dengan lebih khusus kepada syarikat-syarikat luar khususnya yang terlibat dalam subsektor yang belum diliberalisasikan supaya setelah diumumkan pendekatan baru ini, maka mereka akan terus membuat pelaburan yang besar.

■1030

Kita akui bahawa dalam *first wave* yang telah diumumkan setahun yang lepas, oleh kerana keadaan ekonomi dunia yang agak lembap, maka pelaburan dalam subsektor tersebut ke dalam negara kita tidaklah pada tahap yang kita anggap pada peringkat awalnya.

Namun kali kedua ini - *second wave* ini, *insya-Allah* kita akan pastikan impaknya besar dan pada waktu yang sama usahawan-usahawan bumiputera juga akan dapat menubuhkan *business* mereka bersama dengan liberalisasi tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang saya tertarik dengan jawapan dan juga soalan... *[Dewan riuh]* Memang di dalam keadaan serba salah... *[Ketawa]* Memang saya mengakui bahawa di dalam tahun lepas itu, ekonomi tidak menentu. Maka mungkin ini menyebabkan prestasi yang tidak begitu baik.

Namun bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dengan pusingan yang pertamanya angka-angka yang kita capai dan yang keduanya mengenai dengan pusingan yang kedua ini? Apakah sebenarnya kelemahan-kelemahan? Adakah ini kena-mengena dengan itu konsep 1Malaysia ataupun konsep program transformasi dan sebagainya? Apakah itu - kerana di dalam pelaburan ini memang keyakinan. Apakah tahap keyakinan yang kita capai sekarang?

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir: Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kepong, yang pertamanya saya kira Yang Berhormat Kepong tidak perlu serba salah dalam mengemukakan soalan... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Dia teruja.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir: Dari pusingan pertama, kalau kita hendak lihat angka-angka pelaburan dalam sektor perkhidmatan. Kita dapati bahawa pelaburan asing dalam perkhidmatan ini memang menurun berbanding dengan tahun 2008 di mana pada tahun 2008, pelaburan asing dalam perkhidmatan berjumlah RM59.7 bilion berbanding dengan RM38.8 bilion pada tahun 2009. Untuk pelaburan domestik pula, dalam sektor perkhidmatan ini juga menurun daripada RM77.2 bilion kepada RM63.6 bilion.

Sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa antara sebabnya - kita tidak katakan semua berlandaskan sebab yang sama, tetapi pelaburan di seluruh dunia memang menurun pada tahun 2009. Kelemahannya saya kira seperti yang saya nyatakan tadi, iklim pelaburan dunia yang agak lembap tetapi kita cuba menangani masalah ini dengan dasar-dasar kerajaan, pendekatan baru yang menimbulkan keyakinan di kalangan pelabur mengenai menariknya Malaysia ini sebagai destinasi pelaburan. Seperti yang kita sedia maklum, kita sekarang ini bersaing dengan gergasi-gergasi besar seperti China dan India dan Indonesia dan Vietnam juga sebenarnya memberikan saingan yang agak sengit kepada kita untuk *investors dollar*, dengan izin.

Oleh kerana itu, saya dapati bahawa dengan dasar-dasar kerajaan seperti 1Malaysia, *Government Transformation Program*, KPI, NKRA dan sebagainya. Ini secara langsung memberikan keyakinan kepada pelabur bahawa Kerajaan Malaysia hari ini tetap *business friendly* dengan izin, dan kita sentiasa prihatin terhadap kehendak mereka. Contohnya insentif-insentif yang boleh kita berikan kepada pelabur asing supaya Malaysia tetap di dalam pemikiran mereka apabila mereka melihat ataupun meninjau rantau ini untuk satu destinasi pelaburan. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kakanda Tuan Yang di-Pertua, boleh tambahan satu soalan penting?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, kakanda...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, sudah panggil tetapi tidak menjadi juga... *[Ketawa]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Betul tidak bagi, ya Tuan Yang di-Pertua? Tidak dapat, Yang Berhormat Kuala Krai?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak.

4. Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai] minta Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi menyatakan:

- (a) status projek BioValley yang dianggar berjumlah USD160 juta pada 2003. Sila nyatakan kejayaan-kejayaan yang telah diraih oleh projek tersebut sehingga kini; dan
- (b) kaitan antara projek BioValley dengan projek Bionexus, dan bagaimana Kementerian memastikan perbelanjaan USD160 juta untuk projek BioValley tidak disia-siakan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Projek BioValley yang dirancang pada peringkat awal tahun 2001 ialah sebagai hab setempat bagi aktiviti bioteknologi dengan pembangunan tiga institut penyelidikan bioteknologi. Institut tersebut ialah Institut Agro-Bioteknologi (ABI), Institut Genomik dan Biologi Molekul (MGI) dan *Malaysian Institute of Pharmaceuticals and Nutraceuticals (IPHARM)* di Selatan Cyberjaya. Ia telah ditukar konsepnya kepada program Bionexus iaitu satu rangkaian pusat aktiviti bioteknologi yang menghubungkan kimia industri dan institut penyelidikan pada April 2005. Melalui program ini, Perbadanan Bioteknologi Malaysia ataupun (*BiotechCorp*) diwujudkan sebagai pusat sehati iaitu dengan izin, *one-stop centre* untuk memangkinkan industri bioteknologi melalui pengkomersialan dengan menghubungkan institusi penyelidikan dan industri dalam dan luar negara. Manakala ABI, MGI dan IPHRAM bertindak sebagai *catalyst* untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang bioteknologi yang lebih fokus. Ia juga mewujudkan hubungan dengan akademia dan institusi penyelidikan sedia ada bagi

menjalankan *Research and Development Commercialization (R&D&C)* dengan izin, untuk menghasilkan produk bernilai tambah mutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan peruntukan USD160 juta yang dibangkitkan dalam soalan (a) dan (b), ingin saya jelaskan bahawa jumlah sebenar yang diperuntukkan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi projek pembangunan BioValley ialah sebanyak RM180 juta dan bukannya USD160 juta. Siling bagi peruntukan tersebut telah dikurangkan kepada RM80.1 juta dan hanya RM28.5 juta digunakan bagi pembayaran yuran perundingan *Project Management Consultants (PMC)*. Sejumlah RM62 juta telah digunakan untuk makmal interim, untuk *co-facilities* tiga institut yang dimaksudkan. Baki selebihnya telah dikembalikan semua kepada kerajaan.

Untuk soalan,

- (b) Bagaimana yang telah saya katakan tadi, projek BioValley telah diganti kepada program Bionexus. *Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp)* ditubuhkan bagi tujuan menggalak dan mengukuhkan pembangunan industri bioteknologi yang merangkumi bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan di peringkat seluruh negara. Status Bionexus yang diberi kepada syarikat yang berkelayakan adalah langkah bagi menarik pelaburan melalui tawaran insentif cukai dan pelaburan serta jaminan kemudahan menjalankan aktiviti dan perniagaan di bawah piagam jaminan. Segala perbelanjaan yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi melaksanakan program Bionexus ini sentiasa dipantau oleh pihak kementerian dan adalah tidak disia-siakan.

Terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas penjelasan yang diberikan bahawa projek BioValley sudah gagal dan digantikan dengan Bionexus. Saya melihat kepada perbelanjaan untuk RMK-9 kerana disebut tadi bahawa selebihnya belanja yang diberi oleh kerajaan dipulangkan kembali untuk projek BioValley dan juga Bionexus.

Pertama sekali, dalam RMK-9 disebut perbelanjaan keseluruhan untuk bioteknologi ini - RM2 bilion infrastruktur bioteknologi, RM2.3 bilion perwujudan institut kanser forensik dan *oral health*, RM4.4 bilion tujuan memodenkan pertanian *agriculture* dan RM2.6 bilion untuk khidmat sokongan. Jadi, saya kurang faham bila dikatakan dalam RMK-8 sebegini dalam jangkaan dan RMK-9 nampak pertambahan yang begitu mendadak.

■1040

Soalan yang memang jelas projek BioValley tidak mencapai sasaran kerana disasarkan hasil perlu 250 syarikat bioteknologi yang akan mewujudkan lebih 17,000 peluang pekerjaan. Jadi, sehingga kini, berapakah keseluruhan perbelanjaan untuk projek BioValley yang digantikan dengan Bionexus dan anggaran hasil pulangan kepada negara setelah perbelanjaan sebesar ini digunakan. Mohon jawapan. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Untuk makluman, data-data yang dipetik itu adalah data-data yang sebelumnya semakan Rancangan Malaysia Separuh Penggal Kesembilan. Nanti saya bekalkan data-data yang lebih terkini. Ini sudah di peringkat Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi perbelanjaan sebenarnya sedang kita kemas kini. Hanya saya katakan bahawa berbanding dengan anggaran asal BioValley yang berjumlah RM3.1 bilion itu tidak termasuk pembelian tanah 1200 ekar yang dirancang pada awalnya. Bajet ataupun peruntukan sekadar untuk Biotech Corp. bagi lima tahun 2005 hingga 2010 hanyalah sekadar RM633.54 juta, ini belanja mengurus dan belanja pembangunan. Sememangnya ada kos infrastruktur untuk penubuhan kampus tetap ataupun pejabat (*office*) tetap ketiga-tiga institusi itu.

Jumlah keseluruhan nanti saya bekalkan secara bertulis kerana saya katakan telah disemak dan dalam proses pembinaan. Saya hanya katakan bahawa keseluruhannya dasar bioteknologi yang ada memerlukan tiga peringkat. Kita masih lagi dalam peringkat pertama dan nanti pada tahun 2011 mulai peringkat kedua dan seterusnya peringkat ketiga. Jadi untuk penilaian KPInya amatlah sukar untuk dilakukan setakat ini.

Hanya saya boleh katakan di sini bahawa sebanyak 155 syarikat Bionexus telah pun ditubuhkan. Jumlah pelaburan yang diluluskan untuk 155 syarikat ini adalah RM1.5 bilion yang mana RM1 bilion 67% telah pun dilabur dalam negara. Seterusnya penjana pendapatan oleh syarikat-syarikat bertahap Bionexus yang sebanyak 155 itu adalah berjumlah RM813.3 juta dan telah menghasilkan peluang pekerjaan sejumlah 2394. Mengenai data-data peruntukan yang spesifik, saya boleh bekalkan secara bertulis. *Thank you.*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini atas kehadiran rombongan Jabatan Pelajaran dan Majlis Guru-Guru daripada Parlimen P178 Sipitang... [*Tepuk*]

5. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:

- (a) langkah-langkah kerajaan dalam mempelbagaikan perusahaan perladangan dan komoditi, misalnya penanaman '*sugar palms*' (*Arenga Pinnata*); dan
- (b) sama ada pihak kementerian sedar bahawa negara sedang menghasilkan hasil hiliran daripada komoditi ini dan kalau ya, kenapa ianya tidak dikembangkan

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memberi keutamaan untuk memperkukuhkan pembangunan sektor komoditi semasa termasuk produk-produk sawit, getah, lada, koko dan kayu-kayan. Di samping itu tumpuan juga diberikan bagi pembangunan tanaman sumber pertumbuhan baru komoditi yang meliputi kenaf, sago, jatropha dan juga *sugar palm*. *Sugar palm* adalah *common name*, dengan izin untuk beberapa jenis spesies pokok palma yang mengeluarkan gula. Pokok palma ini terbahagi kepada beberapa jenis spesies seperti *Arenga Pinnata*, *Borassus*, *Caryota Urens* dan *Cocos Nucifera*. Daripada spesies-spesies yang dinyatakan tersebut, spesies yang terkenal dan digunakan secara meluas di Malaysia adalah *Nypa Fruticans* atau dikenali sebagai pokok nipah, *Arenga Pinnata* atau dikenali sebagai pokok kabung dan *Metroxylon Sago* atau dikenali sebagai pokok sago.

Pokok nipah digunakan untuk mengeluarkan nira dan *fermented* sebagai cuka (*vinegar*). Di samping itu *Nypa Fruticans* dan *Arenga Pinnata* boleh juga dijadikan sebagai sumber untuk penghasilan *bioethanol*. Melalui kajian yang dijalankan di dapati kedua-dua spesies berkenaan tidak dapat memberikan hasil yang lebih baik daripada pokok kelapa sawit. Walau bagaimanapun, kementerian akan melihat kepada potensi penanaman kedua-dua spesies ini di kawasan tanah yang kurang sesuai untuk penanaman sawit seperti di kawasan tanah yang marginal.

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Minyak Sawit Malaysia sedang bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak untuk membangunkan penanaman spesies palma yang lain iaitu sago di Sarawak diantara produk-produk hiliran berasaskan sago yang boleh dihasilkan adalah seperti tepung sago yang boleh digunakan untuk maksud penghasilan produk-produk bernilai tambah seperti maltodextrin, *sweetness* dan *bioethanol*. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan nombor 5. Selain daripada program kerajaan untuk menghijaukan negara kita dan komitmen kita selepas Copenhagen, 40% pengeluaran karbon dioksida ke atmosfera, adakah pihak kementerian sedar bahawa program ini seharusnya ada penyelarasan antara kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan perubahan cuaca. Jadi kalau kita lihat apa yang dihasilkan oleh bekas Ketua Menteri Sabah di

Balong, kita telah pun mengeksport hasil daripada palma-palma ini. Saya tidak melihat pihak kementerian begitu serius jika dibandingkan dengan pengeluaran kelapa sawit. Ini hutan hijau tidak memerlukan penjagaan yang begitu rumit seperti kelapa sawit.

Jadi menjurus kepada *national economic model* yang telah dirangsang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya minta persetujuan setuju atau tidak kalau pihak kementerian ini mendapat peruntukan yang secukupnya untuk memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti kementerian ini termasuk pengeluaran gula di negara ini. Contohnya sirap yang telah kita eksport di *Germany*, Jepun dan negara-negara lain daripada kelapa sawit sahaja, diperluas dan pelbagaikan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih sahabat saya daripada Putatan. Tuan Yang di-Pertua, soalnya bercampur-campur dengan pelbagai cadangan dan juga soalan. Akan tetapi walau bagaimanapun, saya hendak memberitahu bahawa malah dari kementerian ini sedang melihat komoditi-komoditi baru termasuklah pokok *sugar palm* atau lebih dikenali di India sebagai *toddy palm* - pokok palma todi. Jadi memang kita sedang buat kajian. Kita tahu dan sedar bahawa daripada pokok ini dia mengeluarkan bahan gula yang lebih baik kerana kualiti *glycemicnya* begitu rendah jika dibandingkan dengan gula daripada pokok tebu. Dia juga memberikan satu *nutrient content* yang agak tinggi yang lebih baik, kita faham dan sedar. Akan tetapi oleh kerana apabila kita tengok dari segi *economy returns* yang kita buat kajiannya, dibandingkan dengan pokok kelapa sawit - pulangan pokok kelapa sawit satu hektar lebih baik daripada tanaman pokok ini. Maka sebab itu mungkin bagi tanah-tanah yang marginal kita sedang buat kajian dan hari ini tanah-tanah marginal juga apabila kita lihat pokok sagu lebih menguntungkan daripada pokok ini.

■1050

Jadi, dari segi masalah tentang kedudukan *climate change* dan sebagainya, kita sedang buat kajian pokok-pokok yang seperti nipah, yang lain-lain yang boleh kita gunakan bagi kawasan-kawasan yang kita lihat sebagai kawasan yang marginal. Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada soalan tambahan tadi itu. Daripada Yang Berhormat Putatan itu, mengatakan bahawa hasil pulangan daripada menanam kelapa sawit ini jauh lebih *economic* daripada tanaman yang lain.

Saya rasa itu memang betul dan sebab itulah semua orang berpaling kepada kelapa sawit kecuali di tanah-tanah yang kelapa sawit tidak mahu tumbuh, seperti di tanah bris yang menanam tembakau dan boleh diganti dengan kenaf. Kalau boleh diganti dengan sawit, saya pasti orang akan tanam sawit. Akan tetapi, dalam konteks menghasilkan gantian pemanis atau gula ini mesti ada satu *political will*, bagi pihak kerajaan untuk menyediakan satu ruang tanah yang *significant*. Supaya tumbuhan-tumbuhan alternatif yang boleh menghasilkan gula yang lebih nutrisi, lebih bertenaga dan kurang glisemik seperti yang dikatakan tadi dapat diwujudkan, walaupun tidak memberikan *return* yang baik.

Kalau hendak bandingkan dengan kelapa sawit tidak ada benda lain yang kita boleh tanam, sawit sahaja. Akan tetapi oleh kerana ada kepentingan kesihatan di sana, kepentingan masa depan negara kita dari segi kepelbagaian tanaman ini. Apakah kerajaan bersedia untuk tidak hanya menggunakan tanah-tanah yang kalau ada baki-baki kah atau ada yang tidak hendak tanam lain, seperti di kawasan-kawasan paya, tepi laut kah atau pun yang tidak ada orang hendak pergi. Adakah kerajaan bersedia untuk memberikan...

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ini soalan, *very direct question*. Saya gulung soalan. Adakah kerajaan mempunyai *political will* dan bersedia? [Ketawa] Hendak gulung pun salah ya. Bersedia untuk menyediakan tanah yang seluasnya supaya ada *economic return* yang lebih munasabah kepada mana-mana pihak yang bersedia untuk masuk ke dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa elok kalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat gulung soalan... [Ketawa] Bermakna soalan singkat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menggulung jawapan saya... [Ketawa] Daripada soalan yang agak sama. Betul, saya sudah kata tadi, kementerian ini sedang melihat tanaman-tanaman lain yang boleh membantu dari segi pulangan komoditi yang ada dalam negara kita.

Sebab itu kita sedang mengkaji sama ada membuat polisi, berapa peratusan tanah untuk sawit, berapa peratusan tanah untuk kita tanam pokok getah, pokok koko dan sebagainya bukan hanya pokok *sugar palm*, dalam soalan ini. Dari segi *political will* untuk kita mengeluarkan gula. Ini juga sedang kita buat kajian kerana banyak daripada pokok-pokok yang ada. seperti pokok-pokok yang saya katakan tadi, sagu juga memberikan etanol yang ada di situ, yang boleh kita gunakan. Jadi, walaupun kita tahu bahawa banyak pokok-pokok palma ini boleh mengeluarkan *sugar* atau boleh mengeluarkan gula, tetapi pada keseluruhannya kita juga sekarang melihat untuk memberi pulangan yang agak baik kepada pekebun-pekebun kecil. Biarlah kita galakkan daripada pulangan yang lebih baik dahulu daripada hanya hendak melihat gula yang dikeluarkan oleh pokok-pokok ini. Sebab itu kita berikan tumpuan kepada keuntungan yang lebih, daripada *economic return* nya dahulu, daripada hanya melihat daripada pulangan gula yang saudara maksudkan. Terima kasih.

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua soalan Yang Berhormat. Saya tidak boleh beri lagi soalan ketiga. Minta maaf Yang Berhormat.

6. Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai] minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk membantu pembinaan masjid dan tempat rumah-rumah ibadat di kawasan Padang Serai dan jika ada berapakah perbelanjaan dari tahun 1990 mengikut pecahan masjid, tokong cina, kuil hindu, gurudwara, kuil siam dan lain-lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' S.K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai, rakan baik saya kerana soalan ini. Kejar daripada Yang Berhormat Padang Serai semalam.

Baik, terlebih dahulu saya mengucapkan selamat tahun baru untuk kaum Tamil di Malaysia kerana semalam adalah tahun baru dan Vasakhi kepada semua kaum Punjabi kerana meraikan tahun baru itu... *[Tepuk]* Kerajaan prihatin Tuan Yang di-Pertua dan berdasarkan kemampuan kewangan akan menimbangkan pemberian bantuan kepada pembinaan masjid dan rumah-rumah ibadat bukan Islam. Bukan sahaja di Parlimen Padang Serai tetapi juga di seluruh negara. Ringkasan bilangan dan nilai program berkenaan dari tahun 1990 hingga 2009 adalah seperti berikut: bagi keseluruhannya di dalam tempoh ini bagi masjid sebanyak RM1,489,400; bagi surau RM89,852.75; bagi kuil RM745,19.89; dan bagi tokong RM22,750. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih saudara saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saudara lama saya dari Pemuda MIC dahulu. Rumah-rumah ibadat...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terlalu sayang dengan saya kah? Rumah-rumah ibadat di negara ini menjadi tonggak cara hidup masyarakat-masyarakat Malaysia hari ini. Rumah-rumah ibadat ini hijrah bersama-sama dengan masyarakat-masyarakat ini yang datang membangunkan bersama-sama negara ini dengan masyarakat-masyarakat lain. Jadi, saya dengar tidak sampai RM3 juta, RM4 juta yang dibelanjakan untuk rumah-rumah ibadat di kawasan Padang Serai semenjak 20 tahun lebih ini. Mungkin kalau RM3 juta, RM4 juta sahaja yang dibelanjakan ini mungkin saya merasakan kerajaan tidak begitu prihatin tetapi tidak apalah. Yang lalu sudah, yang akan datang kita akan perbaiki. Saya hendak tanya...

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Seorang Ahli: Tanyalah soalnya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dengarlah, dengar. Dahulu jadi Menteri tidak buat, sekarang ada masa mahu buat, hijrah. Jadi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selain daripada beberapa juta yang dibelanjakan ini apakah langkah-langkah yang diambil seperti dasar-dasar yang akan diwujudkan untuk memelihara warisan rumah-rumah ibadat ini, adalah warisan dan budaya masyarakat-masyarakat Malaysia. Di antara dasar-dasarnya, bolehkah ia membantu? Bolehkah dasar-dasar ini diwujudkan untuk membantu pembangunan lestari di mana warisan dan budaya menjadi elemen-elemen yang penting dalam pembangunan lestari negara ini.

Dato' S.K. Devamany: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat ini ditujukan kepada kementerian-kementerian seperti Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Komunikasi dan Kebudayaan. Akan tetapi walhal kita tahu bahawa dalam agenda pembangunan negara, dalam Program Transformasi Nasional dan juga dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, wadah penting kita adalah modal insan. Salah satu komponen modal insan adalah pembangunan keimanan dan spiritual. Maka, itu akan dimasukkan secara holistik dalam pembangunan negara dalam tempoh yang akan datang. Semua kementerian akan terlibat merentasi kementerian kerana modal insan ini begitu luas.

Kedua Yang Berhormat, Yang Berhormat kena tahu di Kedah sendiri, tahun lalu kerajaan telah membelanjakan hampir RM1 juta untuk kuil-kuil, 25 kuil. Tahun ini pula, ada pula di negeri-negeri pembangkang seperti di Kedah, empat tahun ini. Selangor - 23; Pulau Pinang – 3; dan Kelantan pun ada di Gua Musang.

■1100

Maka inilah, memang ada tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, kerajaan negerilah yang menjadi penangung kepada pembangunan agama. Maka saya minta supaya kerajaan negeri pembangkang pun sama-sama memberi bantuan dalam memajukan program ini. Apa pula kerajaan negeri...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' S.K. Devamany: ...Nanti dahulu saya belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua. Nanti-nanti, duduk sekejap. Maka kerajaan negeri pula sama-sama berganding bahu dalam pembangunan modal insan ini kerana kita tahu material sahaja tidak begitu penting. Jasmaniah mesti diiringi dengan rohaniah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri datang ke sini dan jawab tetapi saya tidak faham kenapa Menteri datang ke sini dan tanya pula soalan kepada saya. Lebih baik hijrah sekarang daripada terlambat nanti... *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dari BN? Tidak ada, ya sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini ada cadangan daripada kerajaan untuk memberi *training* atau kursus kepada paderi-paderi Hindu. Apakah cadangan tersebut telah ada yang spesifik kerana kita menghadapi banyak kesusahan untuk memberi, membawa paderi-paderi dari negara India dan yang datang pun selalu tidak lama duduk di sini. Maka saya percaya ada cadangan kerajaan dan apakah cadangan dalam keseluruhannya mikro dan makro. Terima kasih.

Dato' S.K. Devamany: Saya menyambut baik permintaan dari Yang Berhormat Ipoh Barat. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteri Sumber Manusia telah pergi ke satu upacara pembukaan di Buntong, kawasan Yang Berhormat sendiri di mana ada satu pusat latihan untuk *archangel*, *archangel* ini adalah sami-sami. Itu adalah landasan kerajaan kerana kita tidak mahu

mengharapkan orang daripada India untuk datang menjalankan upacara-upacara ini. Maka sudah ada cadangan untuk membantu membina ataupun melatih sami-sami ini daripada Malaysia sendiri. Memang ada, itu hala tuju kerajaan. Terima kasih.

7. Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, adakah kementerian sedar bahawa terdapat penyeludupan minyak bersubsidi ke negara jiran. Adakah pemantauan dibuat dan agensi manakah yang memantau. Berapa banyak tangkapan yang dibuat selama lima tahun kebelakangan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat, kementerian memang sedar berlakunya aktiviti penyeludupan minyak ke negara jiran sama ada oleh warga jiran ataupun warga Malaysia sendiri. Ini disebabkan perbezaan harga minyak bersubsidi yang begitu tinggi di antara negara kita dengan harga di negara-negara jiran tersebut.

Oleh itu beberapa tindakan dilakukan oleh kerajaan, antaranya ialah pihak kementerian telah melaksanakan penguatkuasaan di sempadan melalui penempatan pegawai-pegawai di beberapa Pusat CIQ.

Bagi sempadan Malaysia-Thailand misalnya, pegawai penguat kuasa telah ditempatkan di beberapa pusat CIQ seperti berikut di negeri Kelantan di Bukit Bunga, Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor. Di negeri kedah di Bukit Kayu Hitam dan Durian Burung, di negeri Perak di Gerik. Di negeri Perlis di Kuala Perlis, Wang Kelian dan Padang Besar. Bagi sempadan Malaysia-Singapura, ditempatkan di CIQ Johor Bahru, di sempadan Malaysia-Indonesia ditempatkan di Tebedu Sarawak.

Selain daripada KPDNKK, agensi penguatkuasaan lain seperti Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Polis Diraja Malaysia turut membuat pemeriksaan mengikut undang-undang yang mereka kuatkuasakan. KPDNKK sentiasa mengadakan tindakan bersepadu dengan agensi penguatkuasaan berkenaan bagi mendapatkan tindakan yang menyeluruh. Pindaan undang-undang termasuk Akta Kawalan Bekalan 1961 juga dikuatkuasakan dengan lebih berkesan daripada segi penguatkuasaan di kawasan sempadan termasuk kuasa untuk memberhentikan kenderaan dan memeriksa kapal. Kerajaan juga telah pun mengadakan dasar menghadkan penjualan petrol dan diesel hanya 20 liter sahaja kepada kenderaan asing di dalam kawasan lingkungan 50 meter daripada kawasan sempadan. Kerajaan juga sehingga hari ini masih lagi membekukan lesen stesen minyak mini di seluruh negara.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pihak Menteri yang telah menjawab dan saya percaya penyeludupan adalah satu perkara yang begitu serius sekali. Ada baru-baru ini kita dapati penyeludupan yang berlaku

di Langkawi dan juga daratan melibatkan feri dan juga nelayan. Ada yang menyeludup ke negeri Thailand pun ada dan ada juga yang menyeludup pistol dan syabu yang ditangkap di Langkawi. Soalan saya adalah, sejauh manakah keberkesanan larangan jualan minyak kepada kenderaan asing di kawasan-kawasan sempadan dan berapakah tangkapan? Saya juga hendak tahu sama ada pihak kementerian ada memikirkan sesuatu yang boleh dikatakan memansuhkan subsidi feri nelayan supaya hanya mereka ataupun cara-cara yang tertentu yang boleh meringankan bebanan nelayan tanpa memilih subsidi. Ini kerana pemberian subsidi telah menampakkan bahawasanya kesalahlakuan yang berlaku di Langkawi dan kawasan lain. Minta jawapan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat, memang beberapa tangkapan telah pun dilakukan selepas larangan penjualan minyak kepada warga asing dilakukan di stesen-stesen minyak di dalam kawasan 50 kilometer radius dari kawasan sempadan. Sehingga daripada 16 hari bulan Disember iaitu mulanya dasar ini dilaksanakan sehingga ke hari ini sebanyak 64 tangkapan telah dilakukan iaitu 18 di Perlis, 38 di Kedah dan lapan di Kelantan dengan jumlah nilai tangkapan RM205,518.30 sen dengan pecahannya iaitu diesel sebanyak RM62,700 dan petrol sebanyak RM205,518.30 sen dengan jumlah liter iaitu petrol sebanyak 27,857.04 liter dengan jumlah nilai wangnya ialah RM108,178.27.

Manakala diesel sebanyak 62,700 liter dengan jumlah kewangannya sebanyak RM205,518.30 sen. Untuk makluman dan pemerhatian yang dibuat oleh pihak kementerian, sehingga hari ini terdapat kekurangan jumlah kenderaan asing sebanyak 20%-25% daripada datang ke Malaysia untuk mengisi minyak di stesen minyak di kawasan sempadan.

Mengenai subsidi nelayan sama ada kita akan memansuhkan subsidi nelayan tersebut, sukacita saya maklumkan bahawa makmal rasionalisasi subsidi sedang mengkaji perkara ini. Jadi perkara itu akan diumumkan saya kira oleh makmal tersebut.

■1110

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang tadi telah menjawab bahagian pertama soalan itu tentang pengehadan penjualan 20 liter kepada kenderaan-kenderaan luar dalam semua jenis petrol sama ada yang hijau, merah ataupun kuning. Biru sahaja tidak ada. Yang hijau, merah, kuning dihadkan kepada ataupun diesel kepada 20 liter.

Saya dalam perjalanan pulang dari Johor Bahru beberapa hari lepas merakamkan dalam kamera ini satu semacam poster yang ditampal di kios sebuah stesen minyak di Sedenak, dalam perjalanan balik ke Kuala Lumpur yang tertera dengan izin, "*All foreign registered vehicles are not allowed to fill petrol U-95 or diesel more than 20 liter but V-Power unlimited. Thank you. From Malaysian Government*". Yang ditulis oleh stesen minyak ini, yang saya tidak pernah jumpa di stesen-stesen yang lain dalam sepanjang perjalanan kita daripada utara sehingga ke selatan.

Adakah pihak kementerian sedar akan perlakuan sebegini dan apakah impak dan kesannya kepada polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Kalau semua orang mengambil gambar macam ini saya rasa lebih mudah pihak kementerian menyelesaikan masalah. Untuk maklumat Yang Berhormat minyak yang tidak dibenarkan untuk dijual kepada warganegara asing di kawasan sempadan adalah minyak yang bersubsidi. Minyak bersubsidi adalah RON 95 dengan harga RM1.80, RON97 RM2.05 sen dan juga diesel, tetapi V-Power adalah minyak premium yang tidak bersubsidi. Jadi harganya adalah harga mengikut pasaran dan pada hari ini saya difahamkan adalah berharga RM2.43 sen. Jadi oleh itu minyak ini tidak ada subsidi dan kita tidak ada sekatan kepada warganegara asing untuk membelinya. Terima kasih Yang Berhormat.

8. Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, berapa jumlah peruntukan yang diberikan kepada KEDA untuk membayar elaun JKKKP di Kedah pada pembayaran elaun bagi tahun 2008 dan 2009.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: *Walaikumussalam.* Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat daripada Pendang. Soalan yang begitu *straight forward*. Untuk maklumat Yang Berhormat penyaluran elaun-elaun bagi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan atau pendekkan kepada JKKKP Negeri Kedah adalah diselaraskan melalui Pejabat Pembangunan Negeri (PPN).

Manakala Lembaga Wilayah Kedah (KEDA) hanya berperanan sebagai agensi pembayar. Soalannya pada tahun 2008 keseluruhan elaun JKKKP Negeri Kedah berjumlah RM15,375,051 dan telah dibayar melalui PPN Negeri Kedah. Pada tahun 2009 jumlah keseluruhan peruntukan elaun JKKKP negeri Kedah adalah sebanyak RM27,565,207. Daripada jumlah itu hanya sebanyak RM4,970,400 disalurkan dan dilaksanakan melalui KEDA. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita tahu KEDA ini sebuah agensi pusat yang berada di 89% kawasan di negeri Kedah. Apabila saya semak fungsi KEDA sebenarnya untuk pembangunan sama ada pertanian, perumahan, industri dan juga perniagaan yang memerlukan pemantauan secara berterusan.

Dalam seksyen 4(4), Akta 249 ini disebut ia hendaklah mendapatkan – *“The Lembaga shall, before discharging any of its functions, first consult the State Government in all matters involving developing planning.”* Maknanya setiap perkara yang hendak dilakukan mesti melalui perundingan dengan kerajaan negeri. Senario yang saya hendak bawa adalah seorang yang memohon perumahan daripada KEDA telah diluluskan. Lembaga KEDA telah meluluskan dan Pengarah KEDA telah pergi dan mengatakan kalau hendak buat rumah kena robohkan dahulu

rumah dia. Nama dia Mohd Sobri bin Rotin di Kampung Telok Yan. Apabila dirobuhkan kontraktor sudah datang membawa bata dan juga batu serta pasir tetapi ada tangan-tangan, saya tidak tahu itu yang saya tanya berhubung dengan JKKKP tadi ini. Ada tangan-tangan yang di atas menghalang kontraktor membuat rumah sampailah enam bulan, sehingga sekarang dia masih belum lagi mendapat rumah tersebut.

Saya berharap pihak kementerian dapat memberikan jawapan berhubung dengan masalah ini, kerana dia merupakan rakyat yang miskin dan memerlukan bantuan daripada pihak KEDA. KEDA telah meluluskan dan kalau KEDA tidak meluluskan itu lain cerita. Ada tangan-tangan lain mungkin lah Pengerusi KEDA Negeri Kedah ini dia hendak ambil alih daripada Menteri agaknya saya tidak tahulah. Itu cerita-cerita politik saya tidak mahu bincanglah. Saya berharap pihak kementerian dapat memberi jawapan berhubung dengan siapakah yang lebih berkuasa di antara JKKKP ini dengan pegawai-pegawai KEDA yang menjalankan tugas yang diamanahkan oleh pihak kementerian? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya memikirkan tadi soalnya banyak tertumpu kepada JKKKP, tetapi dikaitkan juga dengan KEDA. Oleh kerana itu saya sebenarnya bagi pihak kita, kita senantiasanya mengambil pendekatan untuk berbincang, berunding dengan pihak kerajaan negeri. Misalnya kedudukan KEDA ini sendiri di negeri Kedah. Sudah ada tempoh tamat dan sekarang ini kita telah mengadakan perundingan dan keputusan akan dibuat bermaksud kita sepanjang masa sentiasa mengadakan perundingan ini.

Berkenaan dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Pendang mengenai seksyen 44 itu jelas pada saya. Begitu juga dengan keadaan permohonan-permohonan perumahan yang disalurkan melalui KEDA ini pun kalau ada satu kes spesifik yang tertentu, sudah lulus kemudian ada tangan-tangan lain saya hendak beritahu tangan mana yang mengganggu ini? Ini sebab kalau ada bukti yang jelas, tidak apa, nanti duduk dahulu.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Saya minta kajilah.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Nanti dahulu. Kalau misalnya cukup bukti-bukti jelas maklumkan kepada saya, *insya-Allah* kita akan bertindak tegas sebab kita tidak hendak tangan-tangan belakang ini. Yang belakang-belakang kita tidak mahu. Kita hendak benda yang di hadapan kita. Kalau cukup bukti *insya-Allah* saya akan membantu Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah tadi. Terima kasih.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian ataupun kerajaan bercadang untuk menaikkan elaun ini dalam tempoh yang terdekat ini memandangkan kenaikan harga barang dan taraf hidup penduduk-penduduk dalam negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua dan soalan daripada Yang Berhormat Sekijang terima kasih. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar elaun ini.

Walau bagaimanapun pihak Kerajaan Persekutuan memang ada peruntukan sebanyak RM400 sebulan yang kita bayar. Kalau keadaan itu memerlukan kemungkinan kerajaan negeri juga boleh membantu dari segi penambahan kadar elaun tersebut. Ini terpulang kepada kerajaan negeri masing-masing. Untuk kita buat masa ini belum ada lagi perancangan untuk tujuan itu. Terima kasih.

[Soalan No. 9 – Y.B Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing (Tuaran) tidak hadir]

10. Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, bilakah tempat-tempat di bawah ini akan ditambah:

- (a) sebahagian tebing Sungai Golok dalam daerah Pasir Mas dan Tumpat; dan
- (b) sebahagian Pantai Sabak Khas di Kampung Pulau Panjan, Pengkalan Chepa serta nyatakan peruntukan bagi kedua-dua tempat tersebut.

■1120

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPS atau Jabatan Pengairan dan Saliran telah dan sedang menjalankan beberapa projek penstabilan tebing sungai di Sungai Golok. Pelaksanaan projek menstabilkan tebing Sungai Golok telah bermula semenjak Rancangan Malaysia Kelapan dengan menelan belanja RM34 juta dan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan peruntukan RM40 juta. Cadangan untuk meneruskan projek ini bagi beberapa lagi kawasan kritikal akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Untuk menjawab persoalan,

- (b) Ahli Yang Berhormat dan untuk makluman seterusnya, pihak JPS melaksanakan projek-projek dalam empat fasa untuk mengawal hakisan di Pantai Sabak dengan mendirikan benteng batu atau lapis lindung di kawasan-kawasan yang terlibat. Tiga fasa itu melibatkan kos berjumlah RM7.44 juta dan panjang pantai tersebut ialah 2.1 kilometer telah pun siap. Kerja-kerja pengemasan fasa 1 melibatkan untuk mempertahankan Masjid Kampung Kemeruk dan pantai bersebelahnya telah siap juga pada Februari 2003 dengan kos sebanyak RM1.91 juta. Manakala fasa 2 yang meliputi sebahagian kawasan Pantai Sabak dan bersebelahan Kampung Kemeruk telah pun siap pada Februari 2004 dengan kos RM1.56 juta. Kerja perlindungan tambahan fasa 3 dengan kos sejumlah RM3.97 juta telah siap pada Februari 2007. Cadangan projek fasa 4 di Pantai Sabak termasuk di kawasan Kampung Pulau

Panjang akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Panjang pantai yang terlibat dalam fasa 4 adalah 1.3 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, apabila siap projek yang saya sentuh sebentar tadi itu ialah melibat pembaikan pulih Sungai Golok. Setelah ini kita berharap sangat agar ia dapat mengurangkan masalah banjir di sungai itu.

Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa memberi laluan kepada saya.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kementerian sedar bahawa dengan pembinaan tembok ataupun pembinaan benteng untuk menstabilkan tebing Sungai Golok sebenarnya tidak menyelesaikan isu masalah banjir. Itu hanya mengurangi masalah hakisan di tebing sungai. Isu yang sebenarnya ialah tebing Sungai Golok yang di sebelah Malaysia adalah sangat rendah berbanding dengan tebing Sungai Golok di sebelah Thailand menyebabkan apabila berlakunya hujan lebat, air banjir melimpah ke negara kita. Ini menyebabkan berlakunya banjir yang semakin berbahaya sejak-sejak akhir ini apabila Thailand berjaya membina benteng yang tinggi daripada Malaysia. Jadi kami rakyat negeri Kelantan memerlukan satu benteng sungai yang tinggi, bukan penstabilan tebing semata-mata tetapi tembok yang tinggi. Jadi apakah program yang dibuat oleh pihak kementerian sejak daripada RMK-7 sampai sekarang ini kita lihat masih lagi belum selesai. Tahun lepas sahaja lima kali banjir berlaku. Jadi apa sebenarnya penyelesaian pihak kerajaan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya kita sedar tentang masalah banjir Sungai Golok ini, tetapi apa yang penting bagi kita untuk berbuat sekarang ialah untuk membaiki tempat-tempat yang kritikal sekali. Ini untuk jangka masa pendek, tetapi berkaitan dengan jangka masa panjang, saya sudah cakap di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh pun kita juga akan memohon peruntukan lebih kurang RM100 juta untuk membaiki tempat-tempat yang kritikal.

Saya cakap sebentar tadi bahawa kita sedar berkaitan dengan masalah-masalah banjir ini. Maka sebab itulah kita menjalankan beberapa kajian. Kajian itu ialah yang dinamakan *integrated uproots* di mana di dalam negara kita ini sudah empat lembangan yang telah dikenal pasti di mana ia sedang dikaji dan kita berharap apabila ini dapat dilaksanakan, ia menjadi model seterusnya dan Sungai Golok itu juga akan dibangunkan seperti apa yang kita buat sekarang ini. Itulah sebenarnya perancangan jangka masa panjang kita.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri, saya harap perkara ini diberi perhatian sebab ini pintu masuk negara.

11. **Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, apakah perkembangan terkini jaminan Kerajaan untuk campur tangan dalam menangani masalah kekurangan pekerja di ladang-ladang kelapa sawit di Sabah.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempermudah proses pengambilan pekerja asing bagi menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Kerajaan telah pun menubuhkan pusat kelulusan setempat pekerja, *one-stop centre* di mana keputusan boleh diberikan pada hari yang sama sekiranya permohonan adalah lengkap dan mengikut kriteria serta syarat-syarat yang ditetapkan.

Wakil kementerian KPPK juga ada di pusat ini untuk mempermudah dan menimbangkan permohonan dalam bidang perladangan. Kerajaan juga masih membenarkan pengambilan pekerja asing untuk bekerja di ladang-ladang sawit yang mana syarikat dibolehkan mengambil pekerja asing berdasarkan nisbah seorang pekerja untuk lapan hektar ladang kelapa sawit. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin meminta kalau boleh pihak kerajaan melihat penyelesaian tentang kekurangan pekerja-pekerja ladang kelapa sawit terutamanya di negeri Sabah ini sebagai satu isu yang jauh merentasi permasalahan ladang sahaja. Kekurangan pekerja ladang kelapa sawit di negeri Sabah ini akan mengundang syarikat-syarikat ini untuk mengambil pekerja-pekerja luar seperti mana yang dikatakan oleh Menteri tadi.

Akan tetapi saya ingin bertanya, apakah tindakan-tindakan yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan pekerja-pekerja tempatan diberi keutamaan. Antara lain masalah yang memang pun kementerian faham ialah tentang masalah gaji, masalah kelengkapan, kemudahan sosial di kawasan ladang, masalah kemudahan rumah dan sebagainya. Jadi apakah pihak kerajaan akan menentukan bahawa permasalahan ini dapat diselesaikan dengan mengambil kira bahawa dengan menyelesaikan masalah kebajikan pekerja-pekerja di ladang ini dan dengan peningkatan pengambilan pekerja-pekerja tempatan akan juga dapat menyelesaikan masalah yang begitu menghantui kita di Sabah iaitu pekerja asing yang berlambak ataupun pendatang asing tanpa izin juga dan ini akan dapat mengurangkan jenayah, masalah sosial.

Jadi banyak perkara yang boleh diselesaikan jika kerajaan mengambil satu pendekatan yang begitu fokus untuk memastikan pekerja-pekerja di ladang-ladang, terutamanya di negeri Sabah ini adalah daripada pekerja tempatan. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam menangani isu pekerja asing untuk kita kurangkan pekerja-pekerja asing, kegunaan pekerja asing bukan hanya di Sabah tetapi di seluruh negara dan juga untuk menggalakkan pekerja-pekerja tempatan dalam ladang-ladang sawit yang ada dalam negara ini, kerajaan sedang membuat beberapa kursus. Kita berikan kepada belia-belia dan juga sesiapa

sahaja yang berminat dalam negara untuk diberikan kursus secara mendalam dari segi perladangan itu sendiri.

Kerajaan juga sedang membuat kajian dari segi kegunaan mekanisasi dalam ladang-ladang yang ada dalam negara kerana apabila dapat kita mengadakan kursus-kursus yang baik yang dianjurkan oleh kerajaan ini, kita akan memberi peluang kepada pekerja-pekerja tempatan untuk mengambil alih di dalam beberapa yang ada di ladang-ladang tersebut.

■1130

Kita bukan hanya hendak mereka bekerja di bahagian-bahagian yang agak berat kepada pekerja-pekerja tempatan, tetapi juga kita berikan peluang-peluang kepada mereka untuk dapat menggunakan kaedah mekanisasi yang saya sebutkan tadi. Ini kerana kaedah mekanisasi dalam ladang ini mempunyai beberapa peringkat, bermula daripada tanamannya sehingga dalam peringkat prosesnya. Maka sebab itu kita memberikan kursus-kursus ini untuk melihat atau memberi peluang kepada pekerja-pekerja tempatan. Apabila mereka telah pun mengikuti kursus-kursus ini, kita minta supaya ladang-ladang atau syarikat-syarikat perladangan ini memberikan gaji yang agak lebih baik daripada pekerja-pekerja asing.

Dari segi kebajikan, kita juga sedang berbincang dengan syarikat-syarikat perladangan tentang bagaimana untuk melihat kaedah *cooperate social responsibility*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagi memberikan kebajikan yang lebih baik kepada pekerja-pekerja tempatan yang diambil dalam ladang-ladang tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Setem 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Wira Chor Chee Heung]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2010) 2010****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2010****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2010 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2010 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kedua]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.10, B.11, B.12 di bawah Kementerian Kewangan. Minta Yang Berhormat Langkawi sambung berucap.

11.32 pg.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Pengerusi, saya hanya ada satu perkara iaitu B.10 – LADA. Tuan Pengerusi, sebelum itu saya mengucapkan terima kasih di atas segala yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir Mohamad. Tanpa perhatian beliau maka Langkawi mungkin tidak akan jadi macam sekarang ini, di mana berjuta-juta orang datang ke Langkawi, 2.4 juta dan semuanya amat baik sekali. Begitu juga kepada pihak LADA yang telah banyak membantu membangunkan Langkawi. B.10 iaitu gaji ataupun elaun sambilan dan juga kontrak-kontrak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi, masalahnya ialah saya haraplah pekerja sambilan ataupun kontrak dapat memantapkan lagi kerja-kerja dan usaha-usaha LADA untuk membangun Langkawi. Saya harap dengan adanya pertambahan pegawai dan kakitangan, maka Langkawi akan terus maju ke depan dan ia dapat mencapai sebagai tempat pelancongan terulung negara dan juga di rantau ini dan juga di dunia. Saya difahamkan bahawasanya LADA akan memanggil tender untuk Kota Mahsuri iaitu tempat permakaman Mahsuri.

Difahamkan LADA akan membuka tender untuk memberi laluan kepada orang lain. Pada saya, pengurusan sesebuah tempat hendaklah dilakukan oleh orang yang betul-betul minat dan

juga ada kemahuan ataupun kesungguhan untuk memajukan sedemikian. Kota Mahsuri sekarang ini dilakukan oleh seorang pengusaha yang begitu minat, yang betul-betul minat – saya *repeat* saya ulangi, yang betul-betul minat dalam usaha-usaha sebegini. Kalaulah diambil orang lain, saya percaya Kota Mahsuri tidak akan jadi macam sekarang ini.

Perlu diingatkan bahawasanya terdapat kawasan yang dilakukan oleh hotel tertentu ataupun Hotel Lagenda Kota Melaka yang telah lama beroperasi tetapi tidak mendatangkan penglibatan yang begitu aktif sekali. Jadi saya mintalah kepada pihak LADA supaya mengekalkan Kota Mahsuri yang sekarang ini yang diterajui oleh Yang Berbahagia Encik Ismail Hanafiah dan juga Cikgu Ungku Ahmad yang telah betul-betul sekian tahun telah mendidik ataupun melakukan sesuatu untuk kebaikan Kota Mahsuri dan juga ramai pelancong datang.

Tuan Pengerusi, Kota Mahsuri ialah tempat di mana Mahsuri dilahirkan dan dimakamkan. Ia mengandungi aspek-aspek muzium, aspek-aspek yang kemuliaan, aspek-aspek yang lain yang sudah tentu akan menggamitkan pelancong. Kalaulah ia diberikan kepada orang-orang tertentu, sudah tentulah ia tidak dapat mencapai hasrat. Saya sekali lagi ingin mengatakan di sini bahawasanya pelancong datang ke Langkawi ialah kerana hendak melihat Makam Mahsuri dan juga keindahan pantai dan sebagainya.

Alhamdulillah, pihak LADA telah mengadakan baru-baru ini Water Festival dan juga akan mengadakan pertandingan joran iaitu Langkawi-Phuket atau Langkawi-Telok Baru untuk mengadakan pertandingan memancing. Satu lagi perkara saya minta supaya pihak LADA mengambil tindakan untuk memberikan peruntukan supaya kebersihan Langkawi dan keindahannya terus dijaga. Ini kerana baru-baru ini saya balik ke Langkawi dan kami telah bersempang dengan pihak pusat peranginan Pelangi dan juga telah mengatakan Pelangi ialah 100% *full* dan ke semua lokasi, semuanya 100%. Oleh sebab itulah kalau tidak dijaga dengan baiknya maka sudah tentulah tidak akan datang pelancong.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja satu perkara yang saya bangkitkan. Sekali lagi saya ulangi bahawasanya janganlah tender diubahkan kepada orang tertentu penjagaan Kota Mahsuri kerana ianya akan membangkitkan keadaan tidak terurus. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

11.39 pg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ribuan terima kasih Tuan Pengerusi, selamat pagi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan, khasnya butiran berkenaan RM25 juta bantuan kewangan kerajaan kepada Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. dan juga RM13 juta untuk bantuan kewangan kerajaan kepada Syarikat Southern Waste Management Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi, apabila saya membaca bantuan kewangan RM25 juta untuk Alam Flora, RM13 juta untuk bantuan kewangan untuk Syarikat Southern Waste Management Sdn. Bhd., telah terlintas dengan pintasnya dalam fikiran saya mengapakah bantuan kewangan diberikan

kepada kedua-dua buah syarikat ini? Kita telah meluluskan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada tahun 2007.

■1140

Kita telah ambil maklum bahawa kedua-dua syarikat ini akan diberi hak pengurusan zon tengah dan zon selatan pengurusan sisa pepejal. Tiga zon akan dibahagikan iaitu zon utara, zon tengah dan zon selatan. Mengapa apabila kita telah ada akta untuk menswastakan pengurusan sisa pepejal dan kita di Dewan ini diminta meluluskan RM25 juta dan RM13 juta untuk kedua-dua syarikat ini. Apakah selepas ini zon utara, syarikat yang akan diberi hak untuk menguruskan sisa pepejal di zon utara iaitu Syarikat E-Idaman juga akan datang ke Dewan ini meminta kita untuk meluluskan bantuan kewangan?

Kerajaan telah meluluskan akta untuk mengambil alih menswastakan pengurusan sisa pepejal. Mengambil alih kuasa dari Pihak Berkuasa Tempatan. Mengapa bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat ini? Apakah ia selepas ini akan menjadi sejarah yang kembali semula seperti IWK? Apabila syarikat ini tidak mampu? Meminta kerajaan mengambil alih syarikat tersebut seperti IWK? Jadi apabila kerajaan akan memberi – akan mengadakan perjanjian dengan syarikat-syarikat ini, tiga buah syarikat konsesi untuk menguruskan sisa pepejal.

Apakah jaminan pada orang ramai? Hak-hak orang ramai apabila ketiga-tiga syarikat ini; jika mereka gagal menjalankan tugas mereka dengan baik. Saya masih ingat apabila akta ini dibentangkan di Dewan ini. Kita ada bertanya di mana syarikat-syarikat, di mana kerajaan boleh mengadakan perjanjian untuk memberi mereka menguruskan pengurusan sisa pepejal ini. Mereka boleh mengutip *fee*, *charge* dan levi ke atas *consumer*, orang ramai kerana memberi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal ini dan pembersihan awam.

Jadi saya juga hendak ambil kesempatan ini tahu, apakah kerajaan ada memastikan bahawa tiga Syarikat E-Idaman, Syarikat Alam Flora, Syarikat Southern Waste ini adalah mempunyai kedudukan kewangan yang kuat. Kita tidak mahu nampak *bill up*. Kita tidak mahu nampak lagi berulang IWK. Selepas penetapan sasaran ini dijalankan sebab saya membaca laporan yang menyatakan bahawa Akta Pengurusan Sisa Pepejal akan dikuatkuasakan. Bagaimanakah kerajaan akan memastikan bahawa ketiga-tiga syarikat ini tidak akan mengenakan *charge* atau *fees* yang berat ke atas orang ramai?

Saya ingin tahu apa tujuan bantuan kewangan kepada kedua-dua syarikat ini? Seterusnya berkenaan lesen, apabila akta...

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Boleh minta penjelasan sedikit? Boleh Tuan Pengerusi. Saya berminat dengan E-Idaman ini. Kalau boleh Yang Berhormat Batu Gajah beri penjelasan. Dalam E-Idaman ini 50% dimiliki oleh *UEM Environment* dan 50% lagi Metacorp. Jadi adakah Yang Berhormat Batu Gajah mengetahui siapa pemilik sebenar UEM dan Metacorp ini? Boleh jelaskan kepada Dewan, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, maaf Yang Berhormat saya tiada maklumat tersebut. Saya harap kerajaan boleh telus, *accountable...* [Tepuk] Terma-terma kerajaan dengan ketiga-tiga syarikat konsesi ini diketahui umum, *become a public document*. Agar kita tahu bahawa kerajaan tidak akan menandatangani satu perjanjian dengan terma-terma yang berat sebelah. Yang tidak memihak kepada rakyat akan tetapi sebaliknya kepada ketiga-tiga konsesi ini. Jadi saya pohon penjelasan perkara ini. Tadi berkenaan dengan lesen Akta Pengurusan Sisa Pepejal, bilakah ia akan dikuatkuasakan? Selepas dikuatkuasakan bukan sahaja *fees* boleh dikenakan oleh syarikat ini. Saya ingin tahu apakah ia akan menjejaskan kehidupan ataupun perniagaan, persatuan atau syarikat kecil yang sudah menjalankan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal seperti kitar semula. Sebab mereka memerlukan lesen daripada pihak yang bertanggungjawab, pihak berkuasa bagi menjalankan atau meneruskan perniagaan mereka.

Apakah kementerian telah menyenaraikan persatuan-persatuan kebajikan, persatuan-persatuan amal daripada dikecualikan dikenakan lesen, apabila mereka menguruskan pemungutan atau pemindahan sisa pepejal ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

11.46 pg.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bahas Maksud B.10 Perbendaharaan, Butiran 010000 – Perkhidmatan Kewangan, Pengurusan Am. Saya merujuk kepada perkembangan terkini daripada Kementerian Kewangan, Perbendaharaan iaitu satu pusat maklumat Perolehan Kerajaan yang dinamakan MyPROCUREMENT. Satu pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Objektif perolehan kerajaan adalah untuk memastikan semua perolehan kerajaan diurus berlandaskan dasar dan prinsip perolehan bagi menjamin perolehan yang terbaik dan berkesan. Di samping dibuat secara telus. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah melancarkan MyPROCUREMENT web portal. Di sini diiklankan tender terkini dan juga diberi keputusan tender yang berjaya.

Akan tetapi pada masa yang sama, saya ucapkan tahniah kepada sahabat saya. Dia tidak ada hari ini, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kerana dia telah mengenal pasti berapa kesilapan yang telah dibuat dalam MyPROCUREMENT ini terutamanya dari segi *amount*, tender yang telah berjaya.

Contohnya *amount* yang telah dikenal pasti yang silap *key* inputnya, *typo* nya adalah satu bekalan untuk Kementerian Pertahanan, makanan *ration* bagi askar sampai RM6 bilion. Sebenarnya adalah RM6 juta sahaja, tetapi itu kesilapan *typo* dan saya minta supaya kementerian ataupun Perbendaharaan dapat meningkatkan lagi menambahkan baik portal tersebut supaya tahap kecekapan dan juga ketelusan dapat diperbaiki dari masa ke semasa. Saya harap perkara ini menjadi *benchmark* kepada negara kita dan juga kepada kerajaan-kerajaan negeri yang lain. Bagi memastikan bahawa ketelusan dalam pemberian kontrak, dalam

pemberian projek dapat disebarkan ataupun ditayangkan kepada umum dengan jelas dan dengan telus supaya tidak ada masalah.

Akan tetapi di sini Tuan Pengerusi saya ingin menarik perhatian kepada Perbendaharaan. Satu pepatah, "*Mengata dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih*". Sebab apabila kita hendak melihat kepada standard ataupun *benchmark* yang terbaik untuk *procurement* ini. saya juga tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Apabila dia mengulas tentang MyPROCUREMENT, *website* daripada Perbendaharaan ini. Dia telah memberi kritikan dalam *Twitter* nya. Dengan izin, saya petik "*That is the problem with MyPROCUREMENT portal. No details on date, quantity, specification or number of bill, useless*".

Ini tuduhan yang datang daripada pembangkang. Seolah-olah perkara ini usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan ini *useless*. Jadi saya buat kajian, saya hendak tengok apakah *benchmark* yang terbaik di Malaysia ini, sekiranya adalah *benchmark* yang terbaik untuk MyPROCUREMENT ataupun *website* portal perolehan tersebut. Jadi saya pergi kepada portal ataupun *webpage E-Procurement* Kerajaan Pulau Pinang. Jadi saya tengoklah sama ada dia ada *quantity, specification and number of bill*. Sebab kalau tidak sama *useless* lah portal ini. Jadi saya tengok-tengok memang tidak ada *details on quantity, specification or number of bills there had been disclosed*. Jadi *useless* lah kira, *useless... [Tepuk]*,

Seorang Ahli: Sama-sama *useless* lah

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sama-sama *useless* lah walaupun kita hendak memperbaiki *portal* MOF ini. Jadi saya pergi lihat *E-Procurement* Selangor. Saya hendak lihat sama ada *quantity, specification* ataupun *number of bills*. Semua tidak ada. *Useless!*

Beberapa Ahli: Lagi *useless... [Ketawa]*

■1150

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Lagi *useless... [Tepuk]* Lagi dahsyat daripada *useless*. Ia hampir-hampir *bloody useless [Ketawa]* Sebab apa? Saya punya kajian Selangor *is more secretive than* Penang sebab kalau kita nka tengok tender *result* contohnya di Kementerian Kewangan Persekutuan Perbendaharaan kita.

Kita boleh tengok, siapa-siapa pun boleh tengok siapa yang dapat tender *but if you want to find out the tender result in* Selangor dengan izin, *it can only be viewed by registered companies... [Dewan riuh]* Jikalau bukan kontraktor yang tidak mendaftar tidak boleh tengok.

Bloody useless dengan izin, *bloody useless*. Jadi, di sini satu perkara yang serius sebab saya melihat contohnya kita dengar daripada pihak sana hendak *transparency* contohnya CAT apa benda CAT ini? *Competency, Accountability, Transparency* dan tidak *transparent, incompetence* pula itu. Di Selangor contohnya, kita hendak tahu *transparency* disebutkan oleh pimpinan Kerajaan Negeri Selangor bahawa apabila Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor, unjuran hasil pasir akan dinaikkan sampai RM120-200 juta.

Saya buat *research*, saya tengok kenyataan di Dewan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor, pungutan hasil daripada pasir yang dikatakan boleh naik sampai RM200 juta di bawah Pakatan Rakyat hari berapa? Hari ini berapa? RM11 juta sahaja...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jadi, tetapi tidak ada *procurement* yang *transparent*. Saya pergi kepada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Oh! Okey Yang Berhormat Kota Belud. Sila.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Rembau.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebelum cakap panjang lebar Yang Berhormat Rembau ada empat minit lagi.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini kalau ikut standard Yang Berhormat Ipoh Timur ini patut ditubuhkan *Royal Commission Inquiry...* *[Ketawa]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya setuju.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Oleh sebab RM150 juta, 'taruk' RM11 juta sahaja.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya setuju.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Masya-Allah*. Ini bahaya ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta laluan. Minta laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Royal Commission, all the procurement of state government.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Rembau, minta laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No*, tidak payah... *[Dewan riuh]*
Useless.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No*, nanti...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Takut takut.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Nanti saya bongkarkan rahsia di luar nanti apa kita bincangkan di luar. *You* duduk, duduk. Duduk dulu.

Beberapa Ahli: Duduk, duduk.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Pengerusi, kita pun tidak tahu sebab kita hendak tahu unjuran pasir itu siapa yang dia bagi pasir... *[Disampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini UMNO...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya pergi *website* kumpulan...

Seorang Ahli: Sudah, duduk.

Beberapa Ahli: Duduklah...

Seorang Ahli: Beri laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya pergi...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hendak jadi Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya minta maaf menggunakan perkataan *useless*. Itu perkataan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya Cuma kenakan kepada mereka. Saya pergi ke *website* Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Selangor yang ditugaskan oleh kerajaan negeri merakyatkan ekonomi negeri Selangor...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cerita lah tentang tingkat empat Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Untuk dapatkan hasil pasir. Akan tetapi, tidak ada apa-apa maklumat tentang tender pasir siapa yang dapat pasir, siapa yang jual pasir di Selangor ini. Mungkin sebab itu lah unjuran ini lari daripada RM150 hingga RM200 juta sampai hanya ke RM11juta sahaja Yang Berhormat Sri Gading saya rasa *useless* ini. Memang *useless*. Satu lagi, itu baru Selangor dengan Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada hubung kait dengan Kementerian Kewangan Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini ada hubung kait sebab ia *benchmarking* kepada e-Procurement Kementerian Kewangan, Perbendaharaan dan saya rasa Tuan Pengerusi pun setuju. Jadi di sini... [Disampuk]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Yang Berhormat memang mahir sebab dulu duduk di tingkat empat Jabatan Perdana Menteri. Mesti ada dia pandai...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya, tidak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat... [Dewan riuh]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Rembau sudah biasa kewangan Jabatan Perdana Menteri di tingkat empat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk, duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila,sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat Padang Serai duduk Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Pengerusi, dua minit sahaja. Apa ini baru sebut tentang Selangor dan Pulau Pinang.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Akan tetapi kita ingin tahu bahawa Pakatan Rakyat ini dia ada *common policy framework* kena ada seragam daripada Pulau Pinang, Selangor, Kelantan dan Kedah. Jadi, saya pergi lah kepada Kedah dan Kelantan hendak tengok kalau sama ada ketulusan dalam perolehan ini.

Seorang Ahli: Tidak ada kerja lain kah?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya tengok Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Negeri Kedah langsung tidak ada. Langsung tidak ada.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Rembau macam mana? Negeri Sembilan... *[Disampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Memang tidak ada.... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Rembau macam mana? Johor...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: e-Perolehan tidak ada.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Johor macam mana, Pahang macam mana?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kelantan dia hanya ada ole-ole sahaja. Ole-ole apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bumbung runtuh di Terengganu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Pengerusi, saya pergi tengok - Ada satu...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terengganu punya bumbung runtuh macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jangan macam ini Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Oleh sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: ...Apa salah dengar orang punya cerita.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kedah dengan Kelantan langsung tidak ada e-Perolehan. Mereka cuma ada ole-ole sahaja. Saya hendak bagi bukti sebab kita dengar banyak cerita tentang pembalakan dan macam-macam lagi lah. Jadi, kita hendak tahu apa *transparency* nya, ketelusan dalam pemberian balak dan sebagainya ada satu maklumat yang saya dapat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Contohnya di Kelantan sebab kita hendak tahu sahlah atau tidak tetapi saya tidak boleh hendak *check* sebab tidak ada e-Perolehan di negeri Kelantan. Ada satu surat yang ditulis oleh Jutapan Sdn. Berhad yang berpangkalan ataupun beribu pejabat di Gua Musang Kelantan. Dia tulis surat kepada Pengarah PASTI di negeri Kelantan. Dia kata "*Bahawasanya Jutapan Sdn. Berhad sebagai pemohon bagi tanah seluas 500 ekar yang berada di Mukim Pulau, Daerah Galas, Jajahan Gua Musang dan bahawasanya telah dipersetujui bersama di antara pihak tuan dengan kami untuk memberi sumbangan derma seperti berikut. Sumbangan tunai kepada PASTI, Tadika PAS dengan jumlah sebanyak RM350,000...*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Sumbangan derma ini akan diderma keluar kepada pihak tuan setelah kelulusan oleh projek permohonan Jutapan Sdn. Berhad dari pihak Jawatankuasa Pertanian, Pembangunan Luar Bandar dan Industri Malaysia Negeri Kelantan." Ini untuk balak.

Tidak, saya hendak *check*. Saya tidak tahu, betul atau tidak. Akan tetapi bila saya pergi kepada *webpage* Kerajaan Negeri Kelantan tidak ada. Langsung tidak ada ketulusan sebab tidak ada e-Perolehan. Jadi, soalan saya kepada Timbalan Menteri Kewangan apabila kita hendak guna *benchmarking* ini di mana...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ceritalah sedikit tentang negeri Terengganu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kita hendak cari *benchmark*. Jelas dan nyata Pulau Pinang *useless*, Selangor pun *useless*. Kedah dan Kelantan *non-existence*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jadi, saya harap Timbalan Menteri dapat bagi jawapan sejauh mana kita hendak...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hendak dapat kontrak kah?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Mempertingkatkan lagi ketelusan kita. Kita kena jelas dan nyata kalau telus ini Barisan Nasional lah yang paling telus di sini. Terima kasih... *[Tepuk]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Silap tempatlah Yang Berhormat Rembau.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Paling korup.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Ayo-yo...!* *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Silakan Menteri.

11.57 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]: Okey, Tuan Pengerusi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam

perbahasan Tuan Pengerusi dengan izin di peringkat Jawatankuasa dan oleh sebab permintaan ramai supaya saya menjawab Yang Berhormat Rembau dahulu... *[Ketawa]* Maka saya jawablah Yang Berhormat Rembau dahulu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya akan jawab yang lain-lain. Bertenang dan sabar. Pertamanya saya mahu ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau kerana telah memperjelaskan saya rasa dengan lebih nyata pada pagi tentang kedudukan MyPROCUREMENT ini yang sememangnya terdapat sedikit sebanyak kesilapan dan kita akui, yang mana silap kita akuilah. Oleh sebab ia baru diperkenalkan sudah tentu ada kesilapan terutama sekali dari segi *typing error* nya lah, terlebih kosong dan sebagainya. Akan tetapi, itu tidak semestinya merupakan *excuse* lah. Di peringkat kementerian kita akan pastikan dan ini sahaja bukan di peringkat Kementerian Kewangan tetapi juga melibatkan kementerian-kementerian yang lain kerana *inputting* ini datangnya daripada kementerian yang lain juga.

Jadi, pihak kerajaan keseluruhannya akan lebih teliti lah memastikan supaya kesilapan tersebut tidak berlaku lagi. Akan tetapi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau kerana telah membandingkan dengan *procurement portal* yang terdapat di negeri-negeri yang lain dan saya rasa dengan penjelasan yang telah dibuat pagi ini jelaslah yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah lebih baik dan lebih telus. Saya sebagai pemimpin dari Kelantan hendak kata saya pun tengok surat yang telah disebut oleh Yang Berhormat Rembau itu saya juga begitu sedih melihat bagaimana hasil balak di Kelantan ini telah kalau apa yang dikatakan dalam surat-surat tersebut itu benar dan ini perlu diselidiki.

Kita minta pihak-pihak yang berkenaan selidik apakah hasil-hasil balak ini boleh diberikan sewenang-wenangnya. Jadi, ini satu yang – Petaling Jaya Utara. Okeylah, kita beri Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sedikit.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Timbalan Menteri. Kami tidak menafikan bahawa sistem perolehan di kawasan negeri memang lebih lemah.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

■1200

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Rembau tidak salah tetapi masalahnya memang bajet bagi kerajaan negeri begitu kecil berbanding dengan bajet persekutuan... *[Dewan riuh]* *I am not giving excuses, this is reality.* Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau adalah benar dan apa yg saya katakan sekarang juga benar.

Okey, kerajaan Pulau Pinang, bajet ia setiap tahun RM400 juta, satu-satu kontrak dalam e-Procurement portal telah melebihi RM400 juta. So saya tidak mempertikaikan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau. Soalan saya ialah bagi kerajaan pusat, kalau benar-benar berhasrat untuk menjadikan MyPROCUREMENT portal itu sebagai satu portal yang cukup

telus, cukup memberikan keyakinan kepada rakyat, saya rasa ada banyak lagi peningkatan yang perlu dibuat termasuklah...

Seorang ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya selalu baik. Termasuklah seperti kalau katakan kita hendak beli kasut wanita, kulit wanita yang sekarang Kementerian Pertahanan kata bukan RM27 juta, adalah hanya RM2.7 juta kasut wanita untuk kakitangan umum. Kita hendak tahu berapa pasang kasut yang ada di dalam? Tidak ada maklumat di dalam, langsung tidak ada maklumat. Saya tidak tahu satu kasut dibeli dengan RM500, RM50 atau RM5,000 dan di dalam pun kita tidak ada spesifikasi tentang setiap pembelian.

Kita tidak tahu berapa *bidders* yang masuk dalam tender tersebut. Adakah tiga *bidder*, satu *bidder* ataupun sepuluh *bidder* dan kita tidak tahu sama ada barang-barang ini beli dengan harga yang terendah atau tertinggi. Ini merupakan satu maklumat yang *basic* yang diperlukan untuk menjadikan satu MyPROCUREMENT portal. Kita berhasrat supaya MyPROCUREMENT ini berjaya. Saya rasa untuk berjaya, maklumat-maklumat *basic* ini mesti ada dalam MyPROCUREMENT portal dan saya harap Menteri boleh beri satu jaminan bilakah masa itu kita dapat melihat maklumat-maklumat seperti ini, kalau tidak MyPROCUREMENT portal memang kegunaannya amat terhad.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sudah habis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, bagi kalau Yang Berhormat mencelah, tanya itu, minta tolong bertanyalah, jangan berceramah.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Berapa lama?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkas, minta soal-soalan minta ringkaskan kerana Yang Berhormat punya *floor* sebenarnya.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma hendak kata satu sahajalah, apa yang kita sering kedengaran, *charity begins at home*. Apa-apa kebaikan yang kita hendak buat, seharusnya kita contohkan dari dalam rumah kita dulu, di kalangan keluarga kita dulu. Jangan kita andaian yang besar lain daripada yang kecil. Kalau peruntukan yang besar Kerajaan Pusat dan peruntukan negeri-negeri tidaklah sebesar maka tidak jadi *excuse* supaya yang kecil ini tidak menjadi telus, yang kecil ini boleh diperlindungi. Ini yang paling senang untuk Yang Berhormat cadangkan dan dilaksanakan kecuali Yang Berhormat tidak diterima oleh pakatan. Ini *begins at home*. Cukuplah Yang Berhormat, saya tidak mahu layan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya rasa saya bertanyakan soalan yang senang dan mengapa pula dipolitikkan menjadi soalan politik pula?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak ada, ini Tuan Pengerusi ini *floor* saya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya cadangkan bantu Kerajaan Persekutuan, ini bukan jawapan yang perlu diberi oleh seorang Menteri.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: MyPROCUREMENT portal ini dicadangkan oleh Perdana Menteri dan saya menganggap portal tersebut dengan serius dan saya harap Menteri menganggap perkara itu dengan serius juga.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Same like*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ya betul, yang dibuat oleh Federal, Kerajaan Persekutuan dianggap yang penting, yang dibuat oleh negeri-negeri pun penting juga. Mengapa buat kalau tidak penting, mengapa buat kalau tidak penting?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Cukuplah, cukup. Saya hendak pergi kepada...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Senator, *Federal Government*.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, tidak apa. Itu pun saya bagi pun satu kebaikanlah itu. Jadi saya hendak tanya supaya jangan ada *double standard*, itu yang penting. Prinsip itu penting, saya tidak mahu *argue detail* yang itu ada, yang ini tidak ada, tidak ada. *Double standard* kita tidak boleh terima dari mana sahaja.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ya, satu soalan sahaja. Tuan Pengerusi saya hendak tanya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkas Yang Berhormat ya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Pembangkang ini ada macam gajah depan tidak nampak tetapi kuman seberang laut nampak. Begitulah, adakah itu sebagai gambaran?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Siapa yang kuman, siapa yang gajah. Persekutuan itu gajah... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okeylah, tidak apa saya hendak kembali kepada urutan Ahli-ahli Yang Berhormat bertanyakan soalan dalam perbahasan. Cuma pertamanya saya hendak jelas, Yang Berhormat Indera Mahkota sebenarnya menyentuh hampir keseluruhan peruntukan yang telah diberikan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas lah, saya beri Yang Berhormat Pasir Mas dulu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat sebut tadi hendak jawab ikut urutan sebab dua, tiga kali sudah saya bangkit, tidak terjawab.

Jadi saya ingat Yang Berhormat tolong jawablah selepas ini, saya hendak ingatkan takut terlupa. Satu saya ada bangkit semasa dasar pun tidak terjawab, sebelum baru ini pun tidak

terjawab. Nombor satu, bila saya rujuk kepada buku Profesor Amy Chua mengenai dengan *World on Fire*, mengenai dengan konsep ekonomi yang market *force* ini. Jadi apakah kerajaan bercadang untuk mengundang Profesor Amy Chua memberi ceramah atau pandangan, jemput beliau datang ke sini supaya dia dapat menerangkan apa maksud apa yang terkandung dalam buku tersebut kerana ini boleh memberi kefahaman kepada mereka yang tidak faham dengan *affirmative action* yang diperlukan dalam konteks market *force* ini demi menjaga pertengahan kaum majoriti.

Kedua mengenai dengan apakah kementerian sudah *check* bahawa saya di dakwa oleh Yang Berhormat Machang, kata saya ini ada saham judi. Adakah kementerian ada *check*. Ini pun penting juga, tugas Yang Berhormat juga sebab berbangkit dalam Dewan Rakyat. Saya minta perkara ini di *clear* kan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey Yang Berhormat Pasir Mas, pertamanya saya telah meminta pegawai-pegawai membuat penyelidikan di Kementerian Kewangan dan juga pegawai telah pun meminta maklumat daripada SSM dan didapati Yang Berhormat Pasir Mas tidak ada mempunyai apa-apa saham judi. Ini mengikut kajian kita di Kementerian Kewangan, ini satu. Keduanya tentang Profesor Amy Chua adalah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tunggu saya jawab dulu. Profesor Amy Chua adalah seorang profesor di Yale Universiti dan Yale Universiti adalah sebuah universiti *Ivy League* di Amerika Syarikat, sebuah universiti yang terkenallah.

Jadi seorang yang mendapat status profesor di universiti ini memang dikatakan cukup baik dan memang dia telah menulis buku, *The World On Fire*, saya pun ada kesempatan untuk membacanya. Buku itu merupakan kajian di seluruh, hampir di seluruh dunia, di Afrika, di Latin Amerika, bahkan di Rusia, di Asia. Dia mengetengahkan idea bahawa kuasa pasaran ini, sekiranya tidak dikawal dengan tindakan-tindakan kerajaan yang konstruktif melalui *affirmative action* dan sebagainya boleh mewujudkan keadaan di mana akan timbul *ethnic hatred* dengan izin. Kemarahan etnik, kemarahan kaum, kalau Yang Berhormat Kepong minat, saya boleh bagi Yang Berhormat Kepong, Kita boleh bagi buku itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tunggulah dulu, sebut nama sudah bangun, tunggu sekejap. Jadi, dalam buku itu ada sebut contoh-contoh di negara-negara di kenal pasti pun kumpulan manakah yang didapati menguasai kekayaan dan kuasa ekonomi sehingga boleh mencetuskan perasaan cemburu, tidak senang hati oleh golongan majoriti. Golongan ini dipanggil minoriti yang menguasai. Ini disebut contoh-contoh, di Rusia nya siapa, di Latin Amerika nya siapa, di Afrika nya siapa, kumpulan mana, di Fiji, di Asia dan sebagainya.

Jadi, buku ini menjadi satu *best seller* di Amerika. Mungkin ini ada kebaikannya dan disebut pun Malaysia, sekiranya Malaysia tidak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru atau pun

oleh kerana pelaksanaan dasar ekonomi baru mengikut Amy Chua, maka keadaan di Malaysia ini jauh lebih baik daripada negara-negara lain. Yang Berhormat Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya memperingatkan Yang Berhormat, kalau di peringkat dasar memang baik juga mendengar ilmiah dari profesor ini tetapi di peringkat Jawatankuasa ini kita kurangkan sedikit, biarlah masa lain Yang Berhormat ya.

■1210

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, okey. Saya bagi Yang Berhormat Kepong sahajalah, selepas itu saya teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, memang Yang Berhormat Bachok ini memang dia terangkan dengan baik. Itu *World on Fire*, saya pun tunggulah bila sampai kepada saya, memang baik, buku itu baik. Saya ada dengar dan saya sudilah membaca. Saya tunggulah dan itu sahaja Yang Berhormat. Yang penting sekali itu - masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu, kita mesti melaksanakan dasar merit dan keperluan. Itu memang terpenting sekali ya.

Apabila kita melaksanakan dasar seumpama ini, kita mesti mempunyai kemampuan untuk memantau supaya dasar ini tidak disalahgunakan sehingga segelintir orang sahaja dapat manfaat. Masalah jurang itu tidak dapat diselesaikan dan kerana ini bumi manusia, kita tidak boleh memastikan tidak ada jurang. Tidak ada jurang, misalnya di Perlis walaupun negeri itu sebenar ini sahaja ya... *[Menggayakan dengan jari]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...*[Ketawa]* Kalau banding dengan Kelantan itu, ia sebesar ini sahajalah... *[Menggayakan dengan jari]* Di situ pun ada jurang juga. Kita pun berharap orang seperti Yang Berhormat Padang Besar pun, dia mesti mengambil perhatian. Jangan dasar merit keperluan ini disalahgunakan. Itu sahaja yang kita tekankan sentiasa tekankan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah pandangan yang cukup munasabah. Kerana memanglah dari segi pelaksanaan kita tidak boleh lagi tidak mengambil kira kepentingan yang lebih umum, yang lebih menyeluruh. Bahkan dalam dasar atau dalam Modal Ekonomi Baru inilah bagi saya, satu pendekatan *inclusiveness* yang akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh kerajaan nanti.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Mengenai apa ini Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tadi jawapan tentang Yang Berhormat Pasir Mas ini, saya mahu *clarification*.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak perlu. Nanti yang lain-lain boleh masuk. Saya hendak ini...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah... Yang Berhormat Timbalan Menteri umumkan tadi sudah *check* semua, Yang Berhormat Pasir Mas memang tidak terlibat. Saya cuma hendak tahu ramai Ali Baba di negara ini. Sudah *check* kawan-kawan Yang Berhormat Pasir Mas semua itu, kalaulah ada seorang yang memegang saham atau apa? Saya cuma mahu tahu sebab saya selalu jumpa Yang Berhormat Pasir Mas di galeri semua. Jadi saya mahu tahu supaya saya boleh selesalah, "*Oh, ini clear. Very-very clear.*" Ini mengenai Pengerusi 'perkosa'.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak perlulah Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: So, sudah. Cukup, cukup.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, dia sebut tadi perkataan, "perkosa", minta dia tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak perlulah Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tarik balik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Perkasalah!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak perlulah Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hah, bagus!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pengerusi Perkasa.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hah, bagus! Yang tadi itu tidak betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, jadi sudah *check* semua ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Pengerusi Perkasa ini, adakah dia ada jadi Ali Baba atau tidak ada? Sebab kita mahu tahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Sebab bila saya melihat di jalan-jalan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Mesti jawab ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat... *[Dewan Riu]* Yang Berhormat ini bukan soalnya, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya bagi nasihat dengan ikhlas Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Hendak pastikan tidak ada, mana tahu ada orang lain yang jadi Ali Baba.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Mas tidak perlu, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih, saya hendak kembali kepada Yang Berhormat Indera Mahkota.

Yang Berhormat Indera Mahkota ada menimbulkan satu soalan yang agak pokok jugalah saya kira. Yang Berhormat Indera Mahkota mengatakan ini Maksud B.10 dan Maksud B.11 yang begitu besar ini, adakah kerana Ringgit Malaysia kita susut nilai ataupun di valuasi dikatakannya.

Saya ingin menyatakan sejelas-jelasnya bahawa ini tidak kena mengena dengan nilai Ringgit Malaysia dan tidak. Saya ingat Yang Berhormat Kuala Selangor pun tahu, tidak ada kena mengena kecuali sekiranya kita membuat perolehan dari luar negara ya. Ini peruntukan untuk kastam, untuk bayar perolehan semua tempatan tidak ada kena mengena. Tidak ada kena mengena dengan pembelian import.

Keduanya, saya tidak tahu bagaimana persepsi Yang Berhormat Indera Mahkota mengatakan Ringgit Malaysia ini susut nilai. Hari ini, Ringgit Malaysia ini sebenarnya di antara yang terkuat di rantau, kukuh nilai, naik nilai bukannya turun nilai. Umpamanya yang saya lihat, yang terakhir baru ini RM3.2 berbanding USD1. Sejak bila kita dapat lihat RM3.2? Dahulunya RM3.8, RM3.6, RM3.5. Ini bermakna kurang Ringgit Malaysia untuk USD1 Amerika. Maknanya naik nilai, bukannya turun nilai.

Jadi saya terkejut ya Yang Berhormat Indera Mahkota apabila bercakap mengenai ini. Biasanya Yang Berhormat Indera Mahkota apabila dia bercakap sesuatu yang baik, dia dapat lihat di mana *typing error...* *[Ketawa]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jadi tidak baik?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: ...Bukan, yang ini tidak betul, jadi agak pelik. Jangan tunjuk kelemahan kita sangat. Jadi malu dekat orang, jangan tunjuk kalau kita tidak tahu... *[Ketawa]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bertanya berkenaan dengan dasar ataupun isu ini ataupun kejadian yang

berlaku di luar kawalan kita, sebab memang peranan Bank Negara mempunyai kuasa juga untuk melaksanakan Dasar Valuasi. Ada ketika tertentu seperti kita buat *packing monetary*, itu antara polisi yang dipilih ataupun keadaannya. Saya bertanya semalam kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah keadaan ini diluar kawalan kita menyebabkan kita terpaksa memperuntukkan tambahan belanjawan kerana akibat penurunan dalam selisih ataupun kadar relatif itu?

Perkara ini saya tanyakan, saya ajukan kerana minggu lepas kita ada satu permintaan daripada Kementerian Pertahanan yang mengatakan terpaksa meminta belanjawan akibat kenaikan nilai apabila naiknya harga petroleum dan minyak pelincir. Kementerian Pertahanan meminta tambahan kerana *estimation* atau anggaran itu jauh menyimpang disebabkan berlaku kenaikan dalam sesuatu produk itu disebut sebagai petroleum dan minyak pelincir. Ini juga membayangkan wujudnya kejatuhan dalam nilai Ringgit Malaysia kita.

Ini persoalan yang agak sebenarnya mudah kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut, mengakui bahawa kita wujud sedikit selisih antara nilai itu menyebabkan kita perlukan tambahan. Cuma soalan yang saya sebutkan semalam, kalau selisih itu diambil kira, yang kita mohon sekarang ini melebihi daripada RM12 bilion untuk keseluruhannya. Untuk Maksud B.10, B.11 dan B.12 itu sudah tentu berpokok kepada isu ini. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak ada kena mengena, maka barangkali permintaan daripada Kementerian Pertahanan juga membayangkan yang tidak perlu, jadi kena beri penerangan lain barangkali. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Jadi saya jelas sedikitlah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul [Pasir Salak]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh sekali tidak?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar menggunakan suara*] Belakang, belakang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul [Pasir Salak]: Belakang.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Boleh, boleh.

Dato' Haji Tajuddin Abdul [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Pengerusi. Sebelum saya mengemukakan minta penjelasan. Saya ingin mengalu-alukan rombongan daripada JKKK Pasir Salak... [*Tepuk*] Akan tetapi ini bukan tanda bawa penyokong ya. Jangan salah faham pula, ini lawatan biasa.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa perbezaan turun naik mata wang ini perkara biasa, tertakluk kepada keadaan ekonomi, pasaran dan sebagainya. Turun naik ini ada hikmahnya, masa naik pun kita untung masa ia turun pun ada untung. Ini terutama sekali kerana kita negara pedagang, *trading nations*. Contohnya apabila kadar nilai mata wang kita turun, eksport kita bertambah, banyak permintaan kepada barangan eksport kita.

■1220

Bila bertambah barangan eksport, eksport kita bertambah, kita dapat untung banyak daripada cukai eksport dan sebagainya. Tidak terkira, mungkin bukan RM1 bilion – RM2 bilion, mungkin berpuluh bilion menjadi pendapatan kepada kerajaan dan negara. Jadi Yang Berhormat Indera Mahkota perlu melihat perkara ini secara keseluruhan. Jangan ingat tengok dalam satu kes sahaja. Saya ingat Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Pertamanya, saya hendak katakan terutama sekali adanya rombongan dari Pasir Salak ini, bahawa kalau kita dengar percakapan Yang Berhormat Pasir Salak dengan lemah lembut, dengan tertib... [*Dewan riuh*] Maka segala tuduhan bahawa Yang Berhormat Pasir Salak ini agresif tidak betul, tidak betul... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*].

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini kerana penyokong dia ada sini.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Cantik cakupnya. Jangan ada prasangka Yang Berhormat Taiping.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hari inilah, hari inilah. Hari ini dia macam itu.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Cantik cakupnya, lemah lembut. Jadi saya rasa kalau tidak ...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Setuju, setuju. Saya bersetuju.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang keduanya, mana pula itu..., oh, tidak ada!? Yang keduanya, saya begitu kagum Yang Berhormat Pasir Salak ini faham pasal *exchange rate* ini... [*Tepuk*] Memang faham. Yang Berhormat Taiping hendak sibuk apa lagi, Yang Berhormat Taiping? Tidak payahlah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Timbalan Menteri, *self-praise is no praise*. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Apa pula itu? Kadang-kadang saya pun tak faham dalam Dewan yang mulia ini, bercakap ini ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Blow your own trumpet*.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Allah, Yang Berhormat Ipoh Barat pun satu hal lah! Okey, jadi dia faham, dia faham. Jadi saya hendak kembali kepada jawapan Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat Indera Mahkota, kalau Yang Berhormat Indera Mahkota bertanya permohonan mana-mana kementerian kerana kenaikan harga terutama sekali harga minyak, memang betul tapi harga minyak ialah harga di mana sahaja adalah dalam Dolar Amerika. Kena tahu dia tidak jual dalam Ringgit, dia jual dalam Dolar Amerika. Jadi kalau Ringgit kita sudah semakin kukuh hari ini, bermakna harga yang Amerika ini apabila ditranslatekan kepada Ringgit, maka kurang Ringgit, lagi bagus.

Jadi bermakna kenaikan harga ini bukan kerana *exchange rate*, tidak ada. Faktor *exchange rate* ini tidak ada. Tambah-tambah bila Ringgit semakin kukuh, tidak ada. Jadi naik itu kerana harga minyak naik seluruh dunia. Tidak apalah, kita kena tanggung kita tanggunglah tapi

tidak ada kena mengena dengan *exchange rate*. Jadi saya harap jelas Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor, saya hendak nasihatkan sebelum bertanya, saya mintalah semua Ahli Yang Berhormat tidak kira siapa *refer* kepada B.10, B.11 dan B.12. Kalau terkeluar daripada itu, minta tolong, Yang Berhormat maknanya penglibatan kita dalam perbahasan ini telah terkeluar. Bukan tunjuk kebijaksanaan tetapi kita sudah keluar Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey, minta Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri yang boleh beri penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi sekarang kalau Yang Berhormat minta berhubung dengan B.10, B.11 dan B.12 itu, silakan kerana menteri sudah beri laluan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Timbalan Menteri yang bijaksana, saya minta sungguh-sungguh Timbalan Menteri memberikan penjelasan. Meskipun Yang Berhormat Indera Mahkota isunya tadi adalah tentang minyak yang bersifat *Dollar* di *dominated* itu memang benar seperti mana yang Timbalan Menteri sebutkan. Apakah Timbalan Menteri juga bersedia menerima bahawa kalau berbanding dengan *currencies* yang lain seumpama dengan Indonesia dan juga Korea, *currency* Korea Selatan, Don kita mengalami susutan dan laporan-laporan GLC's bersabit.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Oh ya, Won. Maaf! Transaksi GLC's seumpama yang membuat *overseas investment* termasuk juga beberapa perbankan kita dengan Indonesian Rupiah mengalami *Forex losses*. Itu pun mesti Timbalan Menteri akui dan *contingent liabilities* juga mengambil kira perkara ini. Jadi daripada segi kebetulan dan keadilan perbahasan ini, saya ingat mesti ada kesediaan untuk menerima seluruh hujahan ini dan tidak boleh dipandang pandangan-pandangan kami sebelah sini hanya untuk *attack* kerajaan sahaja kerana kami lakukan untuk kebaikan bersama. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya sebenarnya tidak hendak panjangkan hujah ataupun perdebatan *exchange rate* ini. Kita boleh, cuma masa dan tempatnya tidak sesuai. Saya cuba jawab tadi dalam konteks pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota yang bertanyakan adakah peruntukan B.10 dan B.11 kerana susut nilai. Jadi saya jawab itu sahaja, tidak pula ditimbulkan tentang pelaburan, tentang susut nilai berbanding mata wang. Tidak ada. Saya rasa jarang ada mana-mana *currency* yang naik nilai keseluruhannya berbanding dengan *currencies* lain, tidak ada. Sebab itulah yang lebih pentingnya ialah konsep *weighted average, composite basket*. Makna kita hendak tahu dengan dunia ini bagaimana kita. Kita kalau hendak tengok

bilateral exchange rate itu satu hal. Kita ada yang lebih kukuh, ada yang kurang kukuh tapi ini banyaklah. Soalan ini saya rasa kita ketepikan dahulu. Kita tumpukan kepada soalan yang lebih penting.

Saya, beberapa perkara yang agak penting yang ditanya oleh Yang Berhormat Indera Mahkota. *Custom Net* dan VSAT ini. Sebenarnya saya boleh bagi jawapan tapi saya rasa Yang Berhormat Indera Mahkota minat sangatnya hendak tahu ialah apakah ini melibatkan pelaksanaan GST. Sebenarnya tidak, ini tidak, ini biasa. *Custom Net* ialah talian yang disewa daripada TM Sdn. Bhd untuk menyambung semua pejabat kastam seluruh negara yang menggunakan sistem maklumat kastam dengan Ibu Pejabat Kastam. Nilai kontrak dengan TM Sdn. Bhd. berjumlah RM11.8 juta setahun.

Kemudian, pelaksanaan sistem maklumat kastam telah diperluaskan di seluruh negara manakala VSAT iaitu *very small aperture terminal* ialah penggunaan satelit bagi menyambung pejabat kastam yang tiada kemudahan talian telefon tetap ke ibu pejabat bagi penggunaan SMK, ini menggunakan satelit sebab dia tak ada talian. Jadi ini adalah infrastruktur yang *basic* lah untuk mendapat sistem maklumat ini.

Satu lagi yang ditanya ialah penyelenggaraan pejabat perumahan baru, sewaan bangunan baru, utiliti KDRM. Akibat penstrukturan semula Kastam Diraja Malaysia, terdapat tambahan 1500 orang anggota baru pelbagai gred yang memerlukan tambahan ruang pejabat. Anggaran sewaan pejabat ialah RM20.6 juta. Untuk menjamin pejabat menyelenggara dengan baik, perkhidmatan cuci pejabat dan sebagainya, maka ini peruntukannya. Jadi Yang Berhormat Indera Mahkota juga tanya yang ...

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]: Sedikit fasal VSAT tadi boleh?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ya?

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]: Pasal VSAT.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Di bawah mana Yang Berhormat? Saya hendak tanya Yang Berhormat, di bawah mana?

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]: B.10 (ii).

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: B.10, B.11 yang mana?

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]: B.10 (ii) yang berkenaan *Custom Net* dengan VSAT.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebanyak RM35 juta adalah diperlu bagi menampung keperluan penstrukturan semula Kastam Diraja Malaysia (KDRM) termasuk penambahan gudang berlesen dan pejabat baru dan peningkatan kawalan selia KASTAM Net serta VSAT?

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]: Betul, betul. Pertanyaan saya, untuk anggaran Belanjawan 2010 memang kita ada peruntukan di bawah *title* ataupun tajuk yang sama iaitu sebanyak RM65 juta diperuntukkan untuk talian tambahan kastam, perkara yang sama. Jadi,

peruntukan tambahan ini, RM35 juta ini hampir separuh tambahan baru. Adakah ini melibatkan penambahan cawangan baru ataupun perjanjian baru yang kita buat dengan *service provider* termasuk VSAT? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ia kedua-duanya. Kadang-kadang kita buka pejabat kastam yang baru, cawangan baru. Kalau VSAT ini, kita gunakannya di Pandaruan dan Sungai Dua di Limbang. Ada juga penambahan talian yang di bawah kontrak yang sama dengan Telekom umpamanya, jadi kedua-duanya tapi kalau nak *detail* sangat itu bolehlah kita. Saya tidak ada halangan tapi tidak ada sesuatu yang hendak disembunyikan di sini saya kira.

Seterusnya, ini mungkin lebih menarik barangkali ialah tentang peruntukan untuk subsidi bayaran bil elektrik RM20 ke bawah. Ditanya berapa buah rumah RM150 juta ini, banyak juga. Ini satu anggaran kerana berdasarkan pada tahun 2009, perbelanjaannya ialah sebanyak RM145,208,238.23 sen. *Average* akaun jumlah rumah lebih kurang adalah 1,077,081 buah rumah. Ini mengapa lebih sejuta RM20 bermakna macam lebih. Sebab *average usage* dengan izin, untuk satu akaun sebenarnya kurang daripada RM20. *Average usage* nya RM11.13 sahaja. Jadi kita peruntukkan banyak untuk itu.

■1230

Saya hendak bagi sedikit gambaran, negeri paling tinggi menerima rebat ini jangan ingat negeri-negeri yang kecil, negeri yang terkebelakang yang terima banyak, bukan. Negeri Selangor purata 187,000 pengguna sebulan, negeri Johor 158,000 pengguna sebulan, negeri Perak 144,000 pengguna sebulan. Ini tiga negeri yang teratas.

Satu lagi Yang Berhormat Indera Mahkota sebut Tabung Pusingan Pinjaman Perumahan Berpendapatan Rendah adakah sama dengan Tabung Pinjaman Perumahan. Tidak sama. Tabung Pusingan Pinjaman Perumahan Berpendapatan Rendah tidak sama dengan tabung ini kerana yang rendah ini sebenarnya untuk bantuan di Sabah dan Sarawak sahaja dan tabungnya pun tidak besar. Sedia ada pun RM10 juta sahaja. Jadi ditambahnya lagi RM2.5 juta. Yang banyak yang RM130 juta itu sebenarnya kepada Lembaga Peperiksaan Yang Berhormat. Yang Berhormat sebut mungkin sebab ada RM132.5 juta. Yang Berhormat ingat yang ini banyak. Sebenarnya untuk tabung itu RM2.5 juta sahaja. Untuk Lembaga Peperiksaan itu yang RM130 juta kerana kita sudah batalkan yuran peperiksaan. Jadi kita kena tanggung sepenuhnya Lembaga Peperiksaan. Manakala Tabung Pinjaman Perumahan adalah untuk kakitangan awam dan anggota pentadbiran yang buat pinjaman rumah yang biasa.

Yang ditanya, mohon penjelasan secara terperinci berhubung peruntukan tambahan bagi sugu hati yang berjumlah RM9.7 juta Yang Berhormat. Sebanyak RM9.7 juta pun bagi Yang Berhormat penting, maka hendak tanya. Ini ialah sebanyak - daripada jumlah RM9.7 juta hanya sebanyak RM1.5 juta adalah untuk bayaran bagi skim *ex-gratia* bencana kerja. Ini pegawai-pegawai kerajaan yang cedera akibat pekerjaan. Kalau swasta ada PERKESO tapi dalam perkhidmatan awam tidak ada. Jadi bayarannya pun tidak banyak. Bila saya *check*

maksimumnya RM1,440 yang minimumnya hanya RM100 lebih pun ada. Jadi tidak ada banyak sangatlah.

Yang Berhormat Jasin, apakah tujuan penyediaan peruntukan sejumlah RM25 juta untuk Alam Flora serta RM13 juta untuk Southern Waste. Ini juga Yang Berhormat Batu Gajah sudah timbulkan. Mengapa masih bayar lagi ini? Yang Berhormat Batu Gajah memang ada *pointnya*. Memang kita bayar lagi kerana penswastaaan sepenuhnya hanya dijangka akan siap dan dilaksanakan pada akhir tahun. Jadi untuk tahun ini tidak ada penswastaaan lagi.

Masih lagi dalam peringkat perbincangan. Jadi kena tanggung lagilah sedikit. Diharapkan tahun depan Yang Berhormat. Sebab itu peruntukan ini mula-mulanya kita tidak masuk dalam belanjawan asal kerana dijangkakan penswastaaan ini boleh diselesaikan tapi biasalah perjanjian sana sini ubah, penelitian dan sebagainya, maka oleh kerana pelaksanaannya dijangkakan akhir tahun, maka belanja untuk tahun ini perlu lagilah diperuntukkan sebanyak RM25 dan RM13 juta.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan sedikit.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Macam inilah Tuan Pengerusi, saya cadangkan kalau diterima oleh Tuan Pengerusi, hanya mereka yang menimbulkan isu sebelum ini sahaja saya bagi susulan. Sebab yang lain-lain takut nanti dia bawa isu-isu lain yang tidak habis kita macam ini. Macam mana Tuan Pengerusi?

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tak boleh? Kalau macam itu tak ada peluang langsung.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itu saya serah dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai *floor* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masa Jawatankuasa boleh bagi tak bagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, kerana tidak ada peluang untuk berucap.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya bagi Yang Berhormat Titiwangsa satu.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bermakna peruntukan sebanyak RM25 juta diberi kepada Alam Flora. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari prestasi yang ditunjukkan oleh Alam Flora ini memang dipersoalkan oleh semua pihak. Jadi kita bagi lagi sedangkan prestasi mereka tidak meningkat. Malah di Kuala Lumpur sendiri di mana di tengah-tengah kota metropolitan sangat teruk. Sampah-sarap, tong-tong sampah yang tidak diganti, yang sudah berlubang-lubang, yang sudah pecah, jadi kita bagi lagi sedangkan mereka tidak melakukan apa yang sepatutnya mereka lakukan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Kita bagi ini kerana mereka memerlukan peruntukan ini untuk menjalankan tugas.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Kalau tidak lagi teruk kerana mereka kesuntukan. Jangan gelak. Adakah kita mahu biarkan sampah-sampah ini terbiar? Jadi sebab itulah penswastaan ini mengambil masa sedikit. Kita hendak tekan apa yang perlu dibuat, apa yang perlu ditambahbaikkan. Ini yang hendak buat.

Bila diswastakan betul-betul kita harap mereka akan melaksanakan seperti mana yang sepatutnya. Sekarang mereka kata tidak boleh hendak naik tarif, duit tak ada dan memang sumbangan ini diberi begitu dan memang ada audit. Bukannya kita bagi sahaja mereka minta. *Auditor General* pergi kaji, tengok kewangan, apakah sumbangan ini munasabah dan perlu. Jadi saya teruskan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan itu sukar untuk saya menerimanya. Persoalan ialah kita mesti memastikan syarikat yang akan diberi untuk mengendalikan pengurusan ini selepas penswastaan memastikan kerjanya adalah baik sekarang. Bukan selepas penswastaan dijalankan baru dilihat berkesan. Sekarang mesti dipastikan ia berkesan dan persoalannya ialah bantuan kewangan, bukankah PBT ada membuat perjanjian dengan konsesi ini di mana terma-terma itu jelas, bagaimanakah konsesi ini akan dibayar dan mengapa boleh sampai ke Persekutuan sekarang ini meminta bantuan kewangan. Saya juga hendak tahu kedudukan kewangan tiga syarikat ini agar ia tidak menjadi IWK selepas ini.

Perkara kedua adalah, bilakah akta pengurusan akan dikuatkuasakan sebab yang saya risau selepas ini tiga konsesi ini boleh mengenakan caj dan *fees* levi ke atas isi rumah. Kami buang sampah Tuan Pengerusi, selepas ini kena bayar kepada perkhidmatan yang walaupun tidak memuaskan dan kami telah membayar cukai pintu. Jadi yang itu saya sangat prihatin. Pohon penjelasan ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sama.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Sama sedikit.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada berhubung kait dengan persoalan yang sama.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya tambah sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Cukuplah, nanti banyak sangat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya ada soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk soalan tambahan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Jasin ada soalan tentang perkara itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri *floor* untuk memberi laluan oleh kerana perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Jasin itu memang ada hubung kait dengan 11(8) itu.

Itu sebab saya benarkan. Kalau tidak saya tak akan benarkan orang mencelah berhubung dengan perkara lain.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Perkara yang sama.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya perkara yang sama.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Perkara yang penting.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Perkara yang sama.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sekali gus, sekali gus.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Okey, yang mana Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkas, jangan berucap Yang Berhormat. Tanya kalau hendak tanya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Selepas saya, Yang Berhormat Taiping ya. Dua syarikat ini ialah untuk zon selatan dan zon tengah. Untuk zon utara itu MPSP dan MPPP yang jalankan tugas. Mengapa tak ada beri sumbangan? Bolehkah sumbangan diberi juga kerana dia ditanggung oleh MPPP dan MPSP di Pulau Pinang? Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekiranya kita meneliti dalam kertas perintah ini, muka surat lapan. Sebenarnya bukan sahaja RM25 juta. Ia angka besar, RM63 juta diberikan kepada tiga syarikat konsesi. Persoalan pokok di sini adalah sekiranya Idaman, Southern Waste Management dan juga Alam Flora yang dikurniakan dengan status monopoli untuk menguruskan pengurusan sisa pepejal ini tetapi mereka tidak ada kemampuan, maka apa rasionalnya kita berikan konsesi kepada mereka.

Yang kedua, mengapa modalnya, syarikat ini yang tidak ada modal terpaksa dibiayai oleh pembayar cukai seperti kita. Rakyat yang tanggung, keluarkan modal untuk dia tetapi dialah pula yang mengaut keuntungan. Apabila mereka rugi, dia cari balik kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta lagi. Sebab itu ini adalah satu keputusan yang merugikan rakyat dan negara. Mereka tidak ada kelebihan jika dibandingkan dengan semua 146 buah kerajaan tempatan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tarik modal ini, gunakan wang ini bantu rakyat yang betul-betul perlukan bantuan dan bukannya bantu konsesi ini, kroni besar. Sekian, terima kasih.

■1240

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bakri. Satu soalan penjelasan sahaja.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [*Bangun*]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Jauh lagi apa..

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Setiap tahun, PBT terpaksa memberikan sebahagian besar daripada kutipan mereka kepada syarikat-syarikat tersebut untuk pengurusan sisa pepejal. Peruntukan untuk bantuan kewangan dari tahun 2000 sampai sekarang. Minta penjelasan..

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Boleh, Jasin? Terima kasih Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, saya akan beri Yang Berhormat Jasin. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri gulungkan. Habiskan Alam Flora ini RM25 juta yang disebutkan dalam...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Syarikat konsesi yang dilantik sejak tahun 1996 ini yang kita telah tandatangani sebenarnya mempunyai peranan masing-masing. Walaupun Akta Pengurusan Sisa Pepejal akan dikuatkuasakan setelah akta ini nanti, syarikat ini mungkin akan diperlukan melalui PBT. Akan tetapi, apa yang saya hendak sebutkan di sini, kita ada lebih kurang sebanyak 120 *landfill*.

Daripada jumlah tersebut, hanya 10% sahaja sampah yang dilupuskan ini menggunakan *sanitary* dan 90% lagi menggunakan *dump sites* yang tidak mengikut standard daripada alam sekitar. Soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Mengapa kerajaan tidak menggalakkan syarikat-syarikat konsesi ini membina *sanitary* yang lebih mendatangkan kebaikan kepada semua? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, saya hendak...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada kalau tidak salah saya, lapan soalan yang ditanya. Jadi atas Yang Berhormat Timbalan Menteri lah menjawab. Minta tolong jawab.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, saya jawab secara menyeluruhlah mengenai isu ini dan saya berharap kita boleh terus ke isu lain. Walaupun Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam diluluskan dan diwartakan pada tahun 2007, tetapi penguatkuasaan hanya dijangka dilaksanakan pada akhir tahun 2010.

Oleh itu, buat sementara waktu ini, bantuan masih diperlukan. Bantuan ini sebenarnya ialah untuk menampung hanya 3% daripada kos pengurusan. Bukan banyak pun, 3% sahaja yang kita tampung dan membayar cukai jalan bagi kenderaan yang telah diambil alih oleh syarikat-syarikat ini daripada pihak berkuasa tempatan dan membayar pekerja yang telah diambil alih ini seperti membayar KWSP, membayar PERKESO dan membayar subsidi faedah pinjaman perumahan kakitangan yang diambil alih. Maknanya syarikat-syarikat ini sebenarnya telah mengambil alih pekerja-pekerja ini, kenderaan dan sebagainya. Kita juga membayar sedikit supaya mereka dapat menampung pekerja-pekerja ini yang dahulunya merupakan kakitangan

pihak berkuasa tempatan. Soal tarif belum dimuktamadkan, sedang dibincangkan dengan syarikat. Ini dalam perbincangan.

Oleh sebab itu ia belum selesai. Sekiranya pelaksanaan sepenuhnya syarikat-syarikat konsesi tidak akan lagi mengalami masalah kutipan dengan pihak berkuasa tempatan kerana menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk memastikan pembayaran tidak tertanggung, operasi mereka juga akan dapat dipertingkatkan. Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Cukuplah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akhirnya terma-terma perjanjian, bolehkah ia menjadi satu *public document* perjanjian tersebut, sebab kalau caj selalu tinggi..

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Sebelum akhir tahun ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Orang ramai enggan membayar akan dikenakan denda tidak lebih RM5,000 atau setiap hari RM50. Jadi, *make it the public document*. Kerajaan telus, *accountable* dalam ia tidak akan menjadi satu perjanjian yang berat sebelah.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, okey..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Akan diambil, pandangan Yang Berhormat diambil kira.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: alaysia boleh!

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tak payahlah boleh tak boleh Yang Berhormat. Jangan kita buat macam budak sekolah, bolehkah tak boleh?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini sangat penting.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tahu, tetapi Yang Berhormat Ipoh Barat itu...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini semua warga.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Ipoh Barat buat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Meliputi semua warganegara punya kepentingan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, terima kasih Yang Berhormat berminat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih. Semalam Yang Berhormat bagi donat dekat saya, saya makan habis... [Dewan riuh][Ketawa]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Apa kena-mengena ini Tuan Pengerusi? Ini bukan Dewan *Dunkin Donuts*.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Apa lagi..., apa lagi hendak telus? Donat bagi pun, bagi tahu... [Ketawa] Ada sahabat saya kata, "Dato', *you* berani makan donat dia?"... [Disampuk] Saya kata, "Donat dia sedap. Terima kasih."

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sekarang ini masalah isu sisa pepejal, bukan donat. Harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Taiping, dahulu saya belanja cendol Yang Berhormat Taiping... *[Dewan riuh][Ketawa]* Dia orang Taiping, minum cendol dengan saya. Saya belanja dia...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini jadi Timbalan Menteri makankah? Kementerian makankah ini?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Betul tak Yang Berhormat Taiping?

Seorang Ahli: Tak boleh jawab.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya buat pengakuan, kita bukan makan cendol sama Timbalan Menteri. Saya bayar sendiri. Itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kedekut, dia tidak bayar... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, okey. Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan kita ringankan kerja kita di dalam Dewan inilah. Saya ingat kita membincangkan perkara yang serius.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Yang Berhormat Jasin, merujuk kepada peruntukan sebanyak RM30 juta kepada UDA Holdings sebagai pembina 300 buah rumah kedai di desa. Mengapa perlu UDA Holdings membina rumah kedai di kawasan desa yang mana ia jelas menyimpang daripada hasrat utama UDA Holdings diwujudkan? Pembinaan kedai-kedai yang dimaksudkan sebenarnya dibuat di kawasan Majlis Perbandaran di seluruh negara. Maknanya tidak desa sangatlah daerah itu, di pekan di satu-satu daerah. Rasional penyediaan tapak oleh... Dia macam ini. Yang Berhormat Jasin ada sebut, ini 300..

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat Jasin, sudahlah.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: RM30 juta hendak menampung 300 buah rumah, hendak beli tanah dan sebagainya, mana cukup? Sebenarnya tanah disediakan oleh majlis daerah secara percuma untuk dibangunkan kedai-kedai ini yang dijangka bernilai di antara RM100,000 hingga RM200,000 satu unit, dua tingkat. Sewanya akan dikutip untuk majlis perbandaran tersebut menyelenggarakan. Ini untuk sumbangan kepada peniaga-peniaga di luar bandar ataupun dalam majlis tersebut. Jadi saya berharap, soal peruntukan tidak cukup, itu jelas ya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ya, Yang Berhormat Jasin...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Sebenarnya tujuan saya bertanya tentang RM30 juta daripada UDA itu, sepatutnya UDA membantu golongan usahawan bumiputera di bandar. Kalau boleh, kita beli mana juga bangunan-bangunan yang diperuntukkan kepada bumiputera yang tidak dijual supaya bumiputera dapat memiliki bangunan tersebut. Bukan kita buat kepada desa yang sebenarnya adalah tugas agensi yang lain. UDA sebenarnya untuk membantu usahawan-usahawan memiliki bangunan-bangunan di bandar. Kita mahu kalau boleh agensi-agensi kita mendapatkan dana yang lebih besar, beli bangunan-bangunan yang tidak terjual itu dan kita utunkan kepada usahawan-usahawan bumiputera. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Timbalan...

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Apa yang dibuat oleh UDA ini tidak menyimpang daripada matlamat asal UDA. UDA tetap di bandar, dia tetap. Ini, peruntukan yang diberikan oleh kerajaan khusus untuk program membangunkan tempat-tempat perniagaan di majlis-majlis daerah. Bukannya di desa, di pekan. Bukan bandar, pekan ya. Jadi, saya rasa tidak menyimpanglah. Ini kerajaan bagi. Boleh bagi orang lain bina. Akan tetapi oleh sebab pengalaman UDA yang membina dan menguruskan premis-premis perniagaan ini, maka diserahkan kepada UDA. UDA pun mempunyai kapasiti hendak buat. Saya rasa tidak menjadi masalah. Kalau UDA tidak buat, orang lain kena buat. Jadi hanya dilihat bahawa UDA mungkin dapat membuatnya dengan baik.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada atau tidak data iaitu daripada 300 unit kedai desa ini, berapakah yang masih beroperasi ataupun telah beroperasi?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Belum buat lagi Yang Berhormat. Peruntukan baru diadakan. UDA sedang berbincang dengan majlis-majlis untuk mengenal pasti tanah dan diberitahu bahawa sudah ada 12 buah majlis yang telah menyediakan tempat. Jadi diharapkan, boleh dibuatlah. Jadi dengan kelulusan ini, ia boleh disegerakan dan akan dibuat untuk yang 300 unit. Saya ingin teruskan kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak ada, ringkas. Satu, dua perkara yang ini secara menyeluruhlah. Skim Persaraan 1Malaysia ada disebutkan juga oleh Yang Berhormat Indera Mahkota.

■1250

Ini dijangka – dia bagi RM60 seorang sahaja untuk menggalakkan mereka-mereka yang tidak berpendapatan tetap untuk mencarum. Dijangka dua juta - untuk manfaat dua juta orang, *gaping* Bank Pertanian. Bank Pertanian diminta untuk menyediakan pinjaman kos. Pinjaman yang mempunyai kadar faedah rendahlah iaitu 3.75% kepada petani dan ini telah melibatkan perbelanjaan oleh Bank Pertanian sebanyak RM1.3 bilion dan kerajaan hanya bersetuju untuk menampung kadar faedah yang sebanyak lebih kurang 4%. Jadi peruntukan ini ialah untuk memenuhi keperluan menampung kadar faedah Agrobank ini akibat daripada skim yang diminta untuk dilaksanakan oleh kerajaan.

Ada disebut mengenai – okey, saya hendak sebut satu dua perkara untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain takut-takut terasa macam ketinggalan, ya. Sebenarnya Yang Berhormat Batu, saya ada hujah. Akan tetapi saya takut ini Tuan Pengerusi akan mendedahkan kepada satu perbahasan. Cuma saya hendak sebut satu sahaja, Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu sebab Yang Berhormat Batu nampaknya memberikan hujah-hujah mengenai mengapa IMF tidak diterima oleh kerajaan - Program IMF, bukannya soal IMF sebagai sebuah badan. Program yang disarankan oleh IMF semasa mengatasi krisis kewangan antarabangsa yang mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu ialah soalnya seolah-olah kerajaan tidak mahu menerima IMF kerana mahu *bailout* syarikat-syarikat besar.

Saya hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat Batu kerana semasa itu saya berada di Bank Negara Malaysia. Saya merupakan penolong gabenor yang melaksanakan dasar kawalan wang, *exchange control* pada 1 September 2008. Jadi saya tahu. Apa yang disarankan oleh IMF ialah satu pakej dasar. Satunya untuk menambahkan kadar faedah, *increase interest rate*. Kedunya *free exchange rate*, jangan kawal-kawal *exchange rate* dan kalau ada masalah *bankruptcy* kerana syarikat-syarikat ini sudah tidak mampu, *exchange* nya sudah melambung dengan pinjaman dari luar negara yang banyak, maka kalau perlu *bankruptcy, so obey*. IMF kata tidak apalah. Yang ini kuasa pasaran. Pasaran yang menentukan.

Yang keempatnya, ada syarikat-syarikat yang bermasalah termasuk institusi kewangan ini kalau ada perlu dijual, *fire sale* termasuklah kepada *foreignness*, ini berlaku di negara-negara lain. Malaysia tidak menganggap bahawa ini adalah pendekatan yang terbaik pada masa itu kerana kita merasakan bahawa satu pendekatan lain yang lebih baik kerana kos kepada *adjustment, adjustment cost* sekiranya kita memilih pakej IMF ini adalah terlalu besar. Begitu ramai, begitu banyak syarikat-syarikat yang akan gagal. *Exchange rate* kita mungkin pergi 5% mungkin pergi 6% pada masa itu. *There's no gaping*. Bank Negara tidak boleh mempertahankan kadar *exchange rate* pada masa itu kerana kita akan kehabisan rizab seperti mana yang berlaku di Thailand, seperti mana juga yang berlaku di Indonesia, di Korea pada masa itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Kita tidak sanggup menghabiskan *reserve* kita semata-mata untuk mempertahankan sesuatu yang kita tidak boleh pertahankan. Maka sebab itu, oleh kerana ini dilihat sebagai suatu pakej yang tidak boleh memberi faedah kepada kita, maka kita mengambil tindakan supaya kita *kept exchange rate 3.8%*. Apa pun terjadi, *exchange rate* kita tidak berubah. Apabila *exchange* kita tidak berubah, kita tidak terdesak untuk menaikkan kadar faedah yang tinggi kerana tidak ada lagi kapital *inflow* dan *outflow*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Maka dengan itu syarikat-syarikat masih lagi dapat bertahan dan kita ada skim-skim yang lain. CDRC, dana modal, dana harta dan hari ini terbukti jelas apa yang...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, sikit sahaja.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Sekejap. Terbukti jelas apa yang disarankan oleh IMF dan negara-negara maju pada masa itu yang melihat negara kita Malaysia melawan arus, menentang keadaan pasaran. Namun apa yang berlaku di Amerika baru-baru ini? Di UK baru-baru ini? Dia ada dana modal, dana harta cuma dia tidak panggil dana modal, dana harta. Bermakna apa yang dibuat di Malaysia ini sudah menjadi contoh. Sudah menjadi satu vindikasi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Kepada keadaan yang sebenar. Itu yang...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sikit saja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit saja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak, tidak, Yang Berhormat. Saya, sebelum Yang Berhormat tanya hendak tunjuk di bawah mana Maksud B.10, B.11 dan B.12 kepada soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya, saya bangkit semalam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya, saya menerima Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sedikit ruang untuk bercakap tetapi kalau kita hendak cerita benda yang di luar B.10, B.11 dan B.12, Yang Berhormat, saya tidak setuju.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, semalam di dalam perbahasan saya, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini perbahasan, Yang Berhormat. Kita tertakluk kepada benda ini, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, ya. Saya semalam saya membangkitkan isu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, saya tahu Yang Berhormat sudah bangkit tetapi di sini kita dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dalam peruntukan isu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini Jawatankuasa B.10, B.11 dan B.12, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, saya boleh jelaskan sebab saya kata krisis sekarang ini adalah *housing crisis*... [Disampuk] Ini dalam peruntukan rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang, yang...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang ganjil kita di Parlimen ini, kalau kita menegur orang soal peraturan, kita boleh tegur tetapi bila saya menegur, Yang Berhormat cari alasan-alasan yang tertentu untuk...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, tidak, tidak. Saya tidak...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya sudah beritahu. IMF tidak ada masuk dalam ini. Tunjuk!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, ya. Saya tidak bangkitkan isu IMF. Saya sebenarnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak jelaskan. Saya tidak bangkitkan isu IMF... [Dewan riuh]

Saya percaya pada waktu itu, kerajaan ini tidak berbeza banyak pendapat. Saya hanya jelaskan Menteri Kewangan waktu itu juga tidak pernah jemput IMF dan tidak setuju dengan menerima pakej IMF. Kerajaan konsisten waktu itu. Hanya sedikit perbezaan di antara Perdana Menteri dan Menteri Kewangan waktu itu ialah sama ada *bailout* itu *target* kepada korporat-korporat besar atau kita bina *safety net*. Saya sokong pendirian yang kita tidak ambil pakej IMF waktu itu. Saya anggap ini akan mengkropomikan pendirian dan kedaulatan negara. Negara lain sudah tentu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, Yang Berhormat. Sudah, Yang Berhormat... [Dewan riuh]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hanya kata...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hanya berbeza pendapat hanya manalah sektor yang kita harus bantu dan saya anggap itu tidak berbeza besarnya. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan Ketua Pembangkang waktu itu tidak pernah menjemput untuk menggunakan pakej IMF.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bagi kebijaksanaan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana benda ini tidak ada, yang dibangkit tidak ada dibangkit dalam B.10, B.11 dan B.12.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Cuma, cuma saya hendak jawab. Yang Berhormat, saya berada di Bank Negara pada masa itu. Apabila IMF datang, kita tahu apa yang kita

bincangkan dengan IMF. Kita tahu siapa yang menyokong, siapa yang tidak menyokong. Yang Berhormat tidak ada dalam itu. Yang Berhormat hanya dengar *hearsay*. Cuma saya tidak mahu panjangkanlah di sini. Saya menghormati Ketua Pembangkang sebagai Menteri Kewangan pada masa itu. Jadi tidak perlu saya hendak dedahkan kecuali dipaksa. Namun saya hanya hendak beritahu Yang Berhormat, saya mengetahui, saya mengetahui segala-galanya.

Itulah sahaja. Saya hanya – satu lagi perkara. Langkawi, Langkawi kenalah satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita ada dua minit lagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Berapa minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dua minit.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Hendak mengucapkan kepada Yang Berhormat Langkawi berbilang-banyak terima kasih kerana membawa soal syarikat yang mengendalikan Kota Mahsuri ini. Kita ambil perhatian permintaan Yang Berhormat Langkawi ini. Cuma saya hendak sebut, syarikat ini ada sedikit masalahlah. Tidak bayar dia punya sewa tertunggak itu. Jadi kalau boleh – jumlah pun banyak juga ini RM85,000. Jadi LADA terpaksa mengambil tindakanlah. Kita tidak boleh berpanjangan benda macam ini. Hasrat Yang Berhormat Langkawi itu sudah tentu kita ambil perhatian. Jadi saya sekali lagi ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada semua. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar] Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM171,392,600 untuk Maksud B.10; RM802,175,000 untuk Maksud B.11 dan RM132,500,000 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM171,392,600 untuk Maksud B.10; RM802,175,000 untuk Maksud B.11 dan RM132,500,000 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan pada sesi pagi ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula pada 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.13 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur. Kita masih ada had limit 10 minit Yang Berhormat.

2.33 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya Tuan Pengerusi, terima kasih. B.13. *Close to point.* Saya masuk mengenai lawatan Perdana Menteri ke United States dan soalan yang perlu kita tanya ialah apa faedah Malaysia dapat daripada lawatan Perdana Menteri ke United States? Apa yang faedah yang dapat dilihat daripada pertemuan Perdana Menteri dengan Presiden Obama selama 40 minit sahaja? Dan tidak ada lain. Ada pertemuan dengan pegawai-pegawai US yang lain dan memang nampaknya *the most direct benefit in terms of a photo opportunity and image projection at home in Malaysia.* Itu sahaja. Apa yang kita dapati daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke US?

The *Washington Post* hari ini ada satu laporan, “*In nuclear submit, Obama seeks global help in sanctioning Iran*”. Di mana ada satu perenggan dengan izin, “*Obama also met Monday with Prime Minister Najib Razak of Malaysia. As a condition for Najib attending the summit, the Obama administration demanded that the Malaysian Government adopt stricture import and export controls to prevent the country from being used as a transshipment point for smuggled nuclear materials and technology, officials said*”.

Kita berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi apa yang sebenarnya kedudukannya. Bagaimana satu *sovereign country* seperti Malaysia boleh tunduk begitu? Sehingga untuk mendapat satu pertemuan dengan Presiden US, perlulah buat *compromise* sehingga berlaku nampaknya pertukaran dasar ekonomi luar negeri termasuk kita nampaknya tukar daripada pendirian-pendirian NAM dan OIC. Di sini didapati beberapa isu ada dibincangkan sebelum lawatan ini dipersetujui yang antara lain ialah *caning*.

The settlement of caning issue, kita tahulah *caning issue* Kartika. *Caning issue was crucial and done earlier via diplomatic channels after the US had pulled up Putrajaya sharply.* Adakah benar? Saya harap kita ada satu penjelasan.

Trafficking issue. *The trafficking issue statement which was raised in the Senate was also crucial.* Dan lagi mengenai *the joining of the TransPacific Partnership.* Inilah satu pengiktirafan *de facto.* *This was a recognition de facto that an FTA (free trade agreement) could not happen, but the Malaysians are staying at the table.* Inilah *informant* saya. *I understand that J.J (Datuk Jamaluddin Jarjis) is pushing for a mutual investment agreement, but this is not going to actually benefit much.* Adakah ini benar? Apakah jawapannya?

Iran issue. The Iran issue was from the US rights of critical importance. It would appear that Malaysia will allow some checks on the flow of capital from there. This was crucial for the US. This could impact on Petronas. Benarkah?

Agreement to work with the new Obama non-proliferation framework, in short to get a personal meeting, the Malaysians delivered on many fronts.

Apa yang kita untung daripada pertemuan dan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke US? Nampaknya *pattern* di mana kita perlu bayar untuk *access* untuk jumpa Presiden US teruskan. Lapan tahun dahulu perlulah menggunakan Jack Abramoff dan lobi yang bayar RM4.6 juta. Sekarang supaya Perdana Menteri kita berjumpa dengan Presiden US, nampaknya perlulah *engage* APCO, bayar RM77 juta. Apabila ada di Washington Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberi satu ucapan yang penting – satu ucapan yang penting yang dianjurkan oleh *the Centre for Strategic and International Studies* yang bertajuk “*US - Malaysia Relations: Looking Ahead at Key Pillars of Cooperation*”.

Itulah satu kesimpulan seorang yang ada menghadiri seminar itu dan ada mendengari ucapan dan dengan izin, “*I am left underwhelmed by this oration. There is nothing about vision or even a coherent theme. It is essentially a rehash of recent pronouncements and a repetition of slogans many of which are either stale or hardly of interest to an audience in Washington DC.*

The first part, the so-called international part, is largely silent about the issue of the global economy, something that should be of concern to a small open economy such as Malaysia. There is nothing about global financial re-engineering that is needed. He could have easily made mention of the G20 and how it is attempting to bring about a transition to a more equitable global system of economic governance. What role does Malaysia wish to play; what does it propose to contribute? He could have taken the high road by wishing to call for an open trading environment and to urge that the big powers do not slip towards protectionism. While lamenting the failure to agree on a FTA, what alternatives are there? What does Malaysia seek? How will it move forward?

Mahathir would have used the occasion to bash the West to catch the headlines for the wrong reasons. Najib should have attempted a very different approach by being bold in arguing the case for reform both globally and domestically.

The second part of the speech is rather wishy-washy. All those abbreviations are fine but where is the substance? What are the means that will be employed to get to the goals and to escape the “middle income trap”? He missed an opportunity to elaborate on a whole slew of issues and failed to address the skeptics. No attempt was made to counter the bad press Malaysia enjoys as regards human rights, the breakdown in the rule of law, the perverted judicial system and the increasing intolerance. He did not attempt even in a modest way to assert that Malaysia aspires to remain a moderate Islamic state contrary to what the international media project. He could have mentioned the Inter-Faith dialogue that is planned.

This is not the speech of a reformer or a visionary leader. It is more the speech of a bureaucrat who is somewhat lost and is fumbling after a year in office. Alas, APCO has failed him by not guiding him to speak about issues that are high on the list of friends of Malaysia”.

■1440

Itulah nampaknya satu kesilapan, saya tidak tahu dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beritahu sama ada *the ridiculous, the laughable launching of the caucus US-Malaysia Congressional Caucus* diadakan atau ada di *postponed* yang kita nasihat di sini. Kalau tidak ini lagi satu *clown jokes of a trick of a ridicule* yang kita beri makna atau martabat atau *dignity* kepada negara kita. Saya harap perkara ini bolehlah mendapat jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian terima kasih.

2.42 ptg.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Menteri tentang latihan yang diberikan kepada pegawai-pegawai kita di luar negara. Saya lihat kita mempunyai cukup ramai pegawai-pegawai kita yang bertugas di kedutaan-kedutaan kita. Apakah sebahagian daripada peruntukan ini boleh kita gunakan untuk melatih pegawai-pegawai kita ini supaya dia menjadi sebahagian pegawai-pegawai yang bertindak untuk mempromosi pelancongan negara dan juga mempromosikan Malaysia untuk menjadi destinasi pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam negara kita.

Jadi untuk membolehkan pegawai-pegawai ini bertugas sebagai agen mempromosikan negara, latihan-latihan khusus berkaitan dengan perkembangan terkini, maklumat-maklumat tertentu mestilah diberikan kepada pegawai-pegawai kita kerana kos untuk mempromosikan pelancongan dan juga negara kita amat mahal dan haruslah kita gunakan peluang ini dengan sebaik mungkin.

Keduanya ialah berkaitan dengan model ekonomi baru negara kita, ianya ada kaitan juga dengan pembangunan dan juga sejauh mana pelabur-pelabur negara lain datang membawa duit untuk melabur dalam negara kita bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Oleh yang demikian kita berharap segala anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab memburukkan negara kita di luar negara yang akhirnya nanti akan menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur luar untuk melabur di negara kita akan dapat dibanteras, diatasi dengan memberikan penjelasan yang sebaik mungkin kepada semua mereka di luar negara melalui pegawai-pegawai kita.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya fikir apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib selaku Perdana Menteri kita adalah tepat, bertemu dengan Presiden Obama. Dahulu kita telah pun dapat naikkan sehingga RM38 bilion hubungan dagangan antara Malaysia dengan Amerika.

Saya yakin dan percaya dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib berbaik-baik dengan Obama, kita akan dapat meningkatkan lagi hubungan dagangan antara

Malaysia, antara Kuala Lumpur dengan Washington, antara Malaysia dengan Amerika dan sudah tentulah barang-barang komoditi negara kita seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya akan banyak dapat dipasarkan di luar negara terutama sekali di Amerika. Barang-barang keluaran elektrik kita, mikrochip kita, kilang-kilang yang banyak menawarkan pekerja-pekerja dalam negara kita boleh kita pasarkan ke Amerika. Jadi Yang Berhormat Menteri jangan dengar kata Yang Berhormat Ipoh Timur ini, rugi rakyat. *[Ketawa]* Terima kasih.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Bolehkah saya tanya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga turut mahu memberikan sedikit fokus kepada peruntukan yang diminta sebagai tambahan perbelanjaan di bawah Maksud B.13. Saya memerhatikan sebanyak RM60.33 juta dikehendaki untuk memberikan perbelanjaan tambahan khususnya bagi pembayaran pegawai dan penjawat awam tempatan kontrak seluruhnya dan begitu juga saya lihat rata-ratanya adalah untuk – Termasuk juga di situ tentang RM19 juta yang diperlukan untuk tambahan emolumen, gaji, upahan, KWSP.

Saya kira tidak ada masalah untuk kami di sebelah sini mahupun kawan-kawan di sebelah sana untuk memberikan segala yang terbaik untuk pegawai-pegawai kita. Namun Tuan Pengerusi – Kita menghadapi masalah teknikal di situ *[Sambil merujuk kepada masalah teknikal yang berlaku di tempat Yang Berhormat Kinabatangan]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, masalah komputer.

2.45 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Namun Tuan Pengerusi, jangan ada *espionage* daripada mana-mana cukuplah *[Ketawa]*. Baik, saya ingin terus untuk bertanya kepada kementerian dan Menteri, sementara kesemua ini boleh kita sokong tetapi yang lebih penting juga di situ ialah bagaimana keupayaan dengan izin kompetensi, *skill set* dan juga keupayaan pegawai-pegawai kita di Wisma Putra khususnya di sini untuk mereka itu diberikan *continues retraining* dengan izin supaya pada akhirnya mereka mampu untuk memberikan khidmat yang terbaik.

Akan tetapi, amat malang tahun lalu seorang diplomat veteran yang berkhidmat dalam *Board of Governors* kita di IAEA itu, tatkala telah membuat katanya kesilapan dan terpaksa dipecat. Kesemua itu menunjukkan bahawa persoalan kompetensi, keupayaan pegawai-pegawai kita ini semacam dipertikaikan. Sama ada langsung bersabit masalah ataupun kesilapan yang dibuat oleh kementerian ataupun dikatakan kononnya pegawai.

Jadi semua ini Tuan Pengerusi kalau kita membelanjakan belanjawan tambahan sebanyak RM60 juta ini, yang kami mahu pastikan ialah sejauh mana mereka itu diberikan *retraining* dan saya minta perkara itu di *continues*, penambahbaikan ataupun penambah keupayaan mereka. Begitu juga dengan apa yang diberikan dalam Maksud B.13 itu di bawah

KWSP. Rata-ratanya KWSP ini mempunyai prestasi kebelakangan ini yang bolehlah kita berikan sedikit pengiktirafan. Akan tetapi yang juga saya ingin minta Menteri dan kementerian memberi penjelasan adalah sejauh mana *performance* dan prestasi *investment* khususnya dari sudut apa pun bentuk portfolio sama ada dalam negara ataupun di luar yang telah diizinkan pelaburan di luar dibuat. Ini kerana perkara ini adalah penting sebab apa, tambahan dan emolumen tambahan ini mesti disekalikan dan berpandukan kepada produktiviti dan *performance*.

Akhir sekali saya juga ingin menyambut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi, kebelakangan ini kita lihat semacam kecenderungan khususnya di bawah Perdana Menteri memberikan apa yang kita sebutkan sebagai *dancing to the tune of Obama*. Apa yang jelasnya adalah satu yang sudah pun terkeluar daripada pendirian *None Aligned Movement* (NAM) dan juga OIC.

Saya kira perkara ini tidaklah perlu kita dengan izin *bend down too low* seperti itu, sebab kita-seperti mana yang saya telah tegaskan beberapa hari yang lalu, perlu menunjukkan sikap kita dalam hubungan luar kita dan dasar hubungan kita bahawa kita adalah negara yang punya wibawa dan kedaulatan dan tidak perlulah untuk menunjukkan sikap kita yang terlalu *curry favor* dengan izin untuk membodek mana-mana *super power* kerana dengan itu sebenarnya perkara ini akan dapat kita tunjukkan wibawa dan integriti kita ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi atas juga B.13 itu, apabila disebutkan di sini sebanyak RM2 juta diberikan ataupun diperuntukkan untuk penerangan membendung laporan-laporan negatif mengenai negara Malaysia. Sebenarnya yang menjadi sebab kesemua ini diambil oleh badan-badan seumpama *Political and Economic Risk Consultancy (PRC)* contohnya yang berpangkalan di Hong Kong sedikit waktu dahulu memberikan gambaran semacam negara ini tidak stabil.

■1450

Kesemuanya itu adalah diambil daripada media-media perdana, media-media milik BN, media-media arus perdana. Jadi, persoalannya, bukan sekadar untuk sekadar *showcase*, memperagakan apa yang baik dan cantik. Kalau kita sendiri dengan segala keserabutan dan dengan segala pertelingkahan atas isu rotan, atas isu nama Allah, atas isu perkara yang sepatutnya kita tunjukkan perpaduan yang sebenarnya atas slogan dan mantera keramat 1Malaysia itu dapat kita benar-benar peragakan dan *showcase* kan.

Tidak perlu sangat hendak melibatkan belanjawan seperti RM76 juta APCO dan sebagainya. Kita sendiri mesti konsisten, mesti *coherent* dalam dasar-dasar seperti ini dan segala-galanya bermula *from home*, rumah kita sendiri. Jadi, kalau kita telah lakukan yang terbaik dengan betul-betul konsisten dengan apa yang dislogankan oleh Perdana Menteri, tidak perlu sangat *all the public relation exercises* melibatkan perunding-perunding, *public relation* yang semahal ini.

Jadi, atas RM2 juta ini, persoalannya boleh kita berikan tambahan ini tetapi kita minta Yang Berhormat Menteri supaya benar-benar konsisten untuk membuktikan bahawa apa pun

dasarnya sama ada termasuklah model ekonomi baru ini jangan sebut, jangan kata, jangan slogan sahaja. Ketika bercakap tentang keterangkuman *inclusivity* kita bercakap tentang kemapanan kalau kita sendiri yang sebenarnya mensabotaj segala dasar ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

2.51 ptg.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada satu perkara iaitu Langkawi International Dialogue. Saya harap saya hendakkan kepastian daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Langkawi International Dialogue ini akan diadakan di Langkawi dan bukan tempat lain.

Keduanya, saya hendak ucap terima kasih kepada kerajaan bahawa yang telah mengadakan LID sejak beberapa tahun telah ditunda. Sekarang ini kalau dibuat di Langkawi, *Alhamdulillah*. Saya percaya dengan adanya Langkawi International Dialogue ini akan mengumpulkan ketua-ketua negara yang membangun untuk mencari sesuatu yang berfaedah di Langkawi.

Saya percaya dengan adanya dengan LIMA dan Le Tour de Langkawi, saya difahamkan Le Tour de Langkawi akan berada di Langkawi pada tahun depan. *Iron Man, Regatta* dan seterusnya. Saya percaya dengan adanya sedemikian rupa di Langkawi, sudah tentulah akan menaikkan imej Langkawi dan Malaysia amnya.

Belanjawan seperti yang dianggarkan RM14 juta, saya ingat ini sudah tentulah agak kecil sedikit kerana kalaulah diberi pihak pelancong datang atau pun pihak Kementerian Pelancongan menggunakan *events* di London, di Paris, dan juga Asia Tenggara, sambutan ataupun lingkungan yang diadakan LID ini akan terus menggilap Langkawi sebagai tempat kita berbincang dan mencapai permasalahan yang dihadapi.

Saya harap LID akan menjadi satu forum seperti Davos di Switzerland dan itu akan menaikkan lagi imej Malaysia. Ini kerana selalunya LID ini dibuat berselang seli dengan SID atau South Africa International Dialogue. Di situ kita selalu ambil bahagian pada sesi lepas dan juga mereka membincangkan *informal* forum, *very informal*. Saya percaya dengan adanya persahabatan yang diterapkan di persidangan ini sudah tentulah kita sebagai Malaysia, sebagai sebuah negara yang *Truly Asia* sudah tentulah akan mendapat habuan kita.

Di mana *captain of industry* akan dapat berbincang dengan *captain industry other nation* dan seterusnya dapat menggabungkan atau pun berniaga dengan sebaik mungkin. Selain daripada *government to government exposure*, seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membantu yang telah mengadakan program ini sejak dari dahulu lagi.

Saya percaya ianya telah memberi peluang kepada Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun di mana pihak Petronas sendiri telah menggunakan *oil* itu untuk... sesuatu

untuk membolehkan ia berkembang di luar negara. Saya percaya juga dalam forum tersebut, kita telah mengadakan perbincangan dua hala untuk membolehkan Malaysia menjual apa juga yang kita ada.

Seterusnya, saya mintalah kalau boleh masukkan Ahli Parlimen Malaysia kah dalam pusingan tersebut kerana saya tahu banyak yang boleh kita bincangkan misalnya dengan Afrika Selatan, dengan Belanda, atau pun dengan Uganda, dengan Zambia dan lain-lain. Kita boleh bincangkan. Jadi, Tuan Pengerusi itulah sahaja daripada saya dan saya ucapkan terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

2.56 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung dari Yang Berhormat Langkawi tadi. Saya ingin sebut dalam Maksud B.13 - Dialog Antarabangsa Langkawi (LID). Saya anggap RM14 juta untuk forum yang dihadiri oleh lebih daripada 20 negara dunia ketiga ini memang kecil sangat.

Kalau APCO kita boleh bayar RM77 juta, RM14 juta untuk Langkawi Forum Langkawi. Kita harus ingat forum LID ini atau Dialog Antarabangsa Langkawi dicetuskan oleh Perdana Menteri dahulu Tun Dr. Mahathir. Jangan sebab Kedah sekarang dalam Pakatan Rakyat, kita anak tirikan Langkawi.

Saya hendak imbas semula apa tujuan Langkawi Forum ini. LID menggalakkan perkongsian kepintaran di antara negara-negara antara jiran. Jangan harapkan Barat kerana mereka ada agenda tersembunyi. Jiran yang baik adalah jiran yang membantu, membincangkan masalah dunia yang dihadapi bersama di kalangan negara-negara membangun. Merapatkan komunikasi Malaysia dengan negara-negara Afrika dan negara-negara membangun kerana kita berkongsi aspirasi dunia yang sama.

Ini adalah pendirian negara kita semasa kita mengadakan LID. Sangat membanggakan kerana kita adalah *spoke person* untuk negara-negara ini. Jauh berbeza hari ini sekarang, Perdana Menteri kita secara terbuka *declare* mereka adalah pro Amerika. Semalam kita dengar prioriti sekarang kita menuju ke Amerika Syarikat. Hari ini Washington Post menyatakan Malaysia telah bersetuju untuk mengurangkan Malaysia menjadi pangkalan *terrorist* dan *weapon of mass destruction*.

Saya pernah sebut di sini sepatutnya kita pergi ke pentas dunia ini untuk mempengaruhi dunia bukan kita dipengaruhi oleh kuasa barat. Saya pernah tanya kerana Jonathan Winer adalah pengurus APCO yang *in charge* di Malaysia. Dia pernah sebut. Saya pernah baca di sini Al-Taqwa yang berpangkalan di Malaysia ini ada hubungan dengan JI. Amerika Syarikat menganggap Al-Taqwa ini memberi bantuan kewangan kepada Osama Bin Laden dan juga Al-Qaeda dan Malaysia merupakan satu hab untuk mengeksport *terrorist*.

Ini adalah *statement* Pengurus APCO di *Senate Committee on Government Affairs* pada 31 Julai 2003. Sekarang kerajaan kita setuju dengan APCO bahawa kita adalah pangkalan

pengeksporan *terrorisme*. Saya anggap ini kita harus ingat dalam LID ini kita mempertahankan kedaulatan dunia ketiga. Dengan itu, saya juga merasa kesal pendirian Malaysia apabila kita menghadiri Summit Nuklear ini.

■1500

Negara China dan India sebelum menghadiri, mereka secara tegas menyatakan ketidakhadiran Korea Utara dan Iran dalam forum (*summit*) ini sangat tidak adil kerana kita tidak boleh menguruskan hal ehwal dunia ini secara unilateral. Obama di *summit* itu secara terbuka menyatakan, "*Sanction against Iran within weeks.*" Ini kerana *summit* itu telah disokong oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Saya ingin tahu apa pendirian kerajaan kita? Adakah kita setuju untuk mengadakan *sanction* terhadap Iran? Kita tidak setuju. Betul semalam Yang Berhormat Menteri jelaskan kita setuju nuklear ini hanya untuk menjana tenaga. Itu kita setuju, tetapi sama ada kita *go one step further* selain dari kata tidak ada senjata, adakah kita setuju dengan Obama untuk mengadakan *sanction* terhadap Iran? Kenapa kita tidak berdiri bersama India dan China yang mengatakan *very clearly* kepada Amerika Syarikat tidak boleh mengadakan *sanction* terhadap Iran? Ini adalah dua jiran besar kita dan juga mereka adalah *trading partner* yang lebih besar daripada Amerika Syarikat yang mempunyai potensi yang lebih besar.

Akan tetapi saya kesal kita telah jauh beralih daripada pendirian berdaulat ini. Itulah sebab saya berharap kita kembali kepada pendirian dahulu yang kita sebut. Sekali lagi saya tegaskan penasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu APCO ini yang membantu kita bertemu dengan Amerika Syarikat ada hubungan yang saya ada laporan di sini. *Israel occupied territory* - ini laporan dari Amerika Syarikat. *APCO Associates* dan *GCI Group* - ini adalah agen *country government of Israel*. Projek USD120,000 untuk apa? Untuk membantu kerajaan Israel dalam komunikasi. Inilah agen-agen yang membantu Israel. Sekarang kita mengambil nasihat mereka untuk bertemu dengan Amerika Syarikat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Syarat pertemuan ini adalah... Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya ada kebimbangan dan saya gelisah mendengar hujah-hujah parti pembangkang ini. Daripada mula mereka mempertikaikan kenapa kita menjalin hubungan baik dengan Amerika? Dahulu bukan main, asal ada perkara-perkara yang membimbangkan dalam perkara ini Yang Berhormat merujuk kepada Amerika. Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbaik-baik dengan negara Amerika salah juga.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu silap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada motif di sebalik ucapan ini? Boleh jelaskan kepada saya hujah apa.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Motif saya tidak ada

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi Yang Berhormat, apa matlamat Yang Berhormat dan rakan-rakan yang lain?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya yakin okey. Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Seolah-olah menidakkan ada hubungan baik Malaysia dengan Amerika. Kenapa?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya faham. Saya faham. Kita harus ingat perbezaan kita. Di kalangan kita ada perbezaan politik tetapi perhubungan luar dalam isu kedaulatan kita sepakat. [*Dewan riu*] Ini sebab saya tidak ragu-ragu untuk *quotation* dari Tun Dr. Mahathir. Sungguhpun kita tidak bersama dalam satu parti tetapi saya menghormati pendirian Tun Dr. Mahathir sewaktu itu dan pendirian Tun Dr. Mahathir yang pro dunia ketiga - yang menjadikan kita bangga dalam pentas LID ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini ucapan *double standard*! Dahulu kadang-kadang masalah dalam negara rujuk Amerika.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbaik-baik dengan Amerika cakup juga. Ini tidak betullah!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak... Yang Berhormat tidak boleh bahas macam itu. Kita tidak boleh bahas macam itu.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Kinabatangan baru kahwin cuba sabar sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak boleh. Nanti personal komen Yang Berhormat. Tidak boleh buat macam itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau mahu kahwin tambah, kalau perempuan tidak mahu? Kalau cemburu kahwin lagilah, kalau berani.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau Yang Berhormat hendak kahwin, Yang Berhormat boleh kahwin.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita bincang tentang isu negara. Itu sebab saya anggap...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh sedikit?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: LID...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kota Belud, Kota Belud.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berpendapat bahawa kedudukan kita dengan negara-negara Afrika *vis-à-vis Langkawi International Dialog* ini masih berterusan. Malah saya pernah menghadiri satu *conference* iaitu

Southern Africa International Dialog (SAID) bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada waktu itu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Just give me a minute. Thank you.* Terima kasih. Pada waktu itu soal tentang penekanan kita kepada negara Afrika ini tidak langsung malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu-satunya pemimpin luar daripada *Southern Africa* yang dijemput untuk hadir pada hari itu. Itu satu.

Maknanya saya rasa walaupun kita sekarang ini mungkin cuba untuk memperbaiki hubungan kita dengan Amerika Syarikat tetapi hubungan kita dengan negara-negara luar tidak terganggu. Itu satu.

Keduanya saya ingin bertanya dan meminta penjelasan dari Yang Berhormat. Saya faham kekhawatiran Yang Berhormat tetapi pada masa yang sama juga kita juga kadang-kadang terkeliru sebab Ketua Pembangkang juga selalu mengadakan perhubungan dengan pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat. Pada masa-masa yang tertentu malah cuba melobi untuk mendapatkan sokongan Amerika Syarikat. Jadi ternampak sedikit ada *double standard* ataupun ketidakkonsistenan di antara...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, saya hendak habiskan dengan ini. Amerika Syarikat, kita dalam isu-isu tertentu kita sokong dan kita harus bezakan perhubungan kita secara peribadi dengan pemimpin Amerika Syarikat dengan pendirian negara.

Seperti Amerika Syarikat ambil satu pendekatan untuk mengkritik China menekankan minoriti Muslim. Kita setuju. Hak asasi manusia yang dibawa oleh Amerika Syarikat kita setuju tetapi dalam isu menekan kedaulatan negara-negara lain kerana mereka berkuasa besar. Amerika Syarikat tidak pernah menyebut tentang Israel. Apa yang saya kesal ialah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bertemu dengan Amerika Syarikat. Kenapa kita tidak boleh ambil pendirian seperti China, seperti Cuba, seperti Venezuela yang menyatakan kita sokong *non-peripheral* tetapi *do not punish Iran. Iran has the rights to self-defense.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu yang kita tidak dapat penjelasan. Saya hendak habiskan. Betul kalau LID itu penting. Saya hendak tanya bila kita akan adakan LID yang akan datang? Adakah kita ada *official website* Langkawi forum sudah hilang? Sebelum saya berucap saya hendak cari tetapi tiada. Mengapa tidak ada peruntukan untuk ini? Ini *smart partnership* - perkongsian *smart partnership* sepatutnya banyak idea. Sepatutnya kita jadikan macam Davos, macam forum yang lain.

Itu adalah impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu, bukan secara individu tetapi kerana dia mewakili Malaysia, mewakili semua rakyat Malaysia untuk menjadi satu negara yang berdaulat di mata dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak. Selepas itu saya beri satu peluang untuk Yang Berhormat Sungai Siput selepas Yang Berhormat Menteri menjawab. Sudah tujuh orang Yang Berhormat.

3.08 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga mengambil bahagian untuk membahaskan. Tadi Yang Berhormat Batu telah membangkitkan soal hubungan dengan Amerika dan mempertikaikan inisiatif yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya merasa hairan kenapa beliau masih lagi berkeras. Manakala Yang Berhormat Menteri semalam telah pun memperjelaskan dengan sejelas-jelasnya iaitu hubungan Malaysia dengan Amerika, dan ini bukan bermakna kita hendak ikut semua apa yang Amerika suruh buat ataupun hendak buat.

Saya rasa Amerika pun tidak akan memaksa Malaysia untuk berbuat sesuatu yang dia tahu bahawa kita negara Malaysia mempunyai pendirian yang tertentu berhubung dengan dasar luar kita dengan negara-negara lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Orang yang arif dan faham hubungan Malaysia dengan negara luar. Sedar atau tidak Yang Berhormat bahawa pembangkang terutama sekali Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Ipoh Timur dan lain-lain. Mereka melencong jauh daripada hasrat sebenar. Mereka berhujah atas gimik politik mungkin kerana pilihan raya Hulu Selangor dan bukan kerana keikhlasan bahawa negara kita ini ada masalah sekiranya ada hubungan baik dengan negara-negara besar. Saya tidak nampak bahawa pendirian negara mungkin Yang Berhormat pun maklum, tegas.

■1510

Soal-soal melakukan serangan terhadap Iraq, Afghanistan pun kita tidak setuju tetapi Yang Berhormat Batu dan pembangkang dari awal minggu lalu dalam *Supplementary Budget*, mereka menghujah dan motif mereka meremehkan kerajaan yang ada ini semata-mata berbuat baik dengan negara-negara besar. Minta penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sekilas ikan di air, kita sudah tahu jantan betinanya. Ada udang di sebalik batu ataupun sekarang orang panggil ada udang di sebalik mi. Jadi saya ingat itu sudah memadai jawapan saya kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya ingin menegaskan sekali lagi iaitu pendirian Kerajaan Barisan Nasional dan kita sebagai *Backbenchers* BN di sini pun amat mengetahui dan mengikuti dasar kerajaan.

Umpamanya hubungan dengan negara-negara Islam. Amerika tahu dan memahami hubungan kita dengan negara-negara Islam, dasar-dasar kita berhubung dengan negara Islam dan mereka tidak memaksa kita untuk menukar dasar kita. Dengan izin, *they know our constraint, they know our limitation, they know our situation*. Jadi kenapa ianya ada dituduh-tuduh sedemikian seolah-olah kita ini tidak boleh menggunakan *discretion, prerogative*, budi bicara, bengong, ikut telunjuk Amerika Syarikat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Oh Kota Belud ada, okey sila.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Pasir Salak, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan dan pandangan Yang Berhormat Pasir Salak. Tadi kita dengar Yang Berhormat Batu mengatakan bahawa hubungan Ketua Pembangkang dengan pemimpin-pemimpin Amerika ini adalah berdasarkan persendirian atau *personal relationship*, tetapi saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Pasir Salak, apakala nanti Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Perdana Menteri, apakah hubungan Amerika Syarikat dengan kerajaan pada waktu itu akan berdasarkan perasaan dan juga hala tuju perasaan peribadi beliau? Apakah itu nanti akan mempengaruhi kerajaan pakatan yang akan menjadi Kerajaan Persekutuan ini dan mempengaruhi hubungan dua hala itu?

Keduanya, Yang Berhormat Pasir Salak, apakah Yang Berhormat Pasir Salak setuju kalau saya mengatakan bahawa dengan hubungan Ketua Pembangkang dengan negara-negara luar ini menggunakan pengaruh-pengaruh negara luar untuk menekan negara kita berkenaan dengan isu-isu tertentu yang ada hubung kait dengan Permatang Pauh akan mempengaruhi hubungan Malaysia dengan negara-negara tersebut, jika, ha itu besar juga "jika" ini, mereka menjadi kerajaan. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Hubungan kita tidak personal, hubungan Kerajaan Malaysia dengan mana-mana negara bukan hubungan peribadi, hubungan antara kerajaan dengan kerajaan yang mana berbeza hubungan pemimpin-pemimpin parti pembangkang dengan negara-negara tertentu, banyak hubungan peribadi. Dia tidak mewakili aspirasi kepentingan negara dan kepentingan rakyat, lebih kepada kepentingan peribadi untuk mendapatkan sokongan kelompok dan peribadi di dalam negara kita ini.

Ini sepertilah yang berlaku pada zaman dulu-dulu apabila tokoh-tokoh pemimpin sebelum merdeka, zaman pemerintahan sebelum pramerdeka, kita hendak mendapatkan kuasa, kita menjemput orang-orang asing, meminta sokongan daripada orang asing dan akhirnya kemenangan yang diperolehi adalah tidak menguntungkan negara. Yang memerintah, yang berkuasa ialah penjajah yang telah menyokong di atas kemenangan seseorang itu. Jadi ini bezanya dan saya harap kita jangan berbicara soal yang boleh mengelirukan rakyat. Berbalik kepada Amerika, kita tegas.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pasir Salak, laluan, laluan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tegas.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Laluan, laluan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pasir Salak, kita tahu bagaimana hubungan Yang Berhormat Permatang Pauh dengan Amerika Syarikat, malah banyak ruang digunakan untuk menjayakan matlamatnya kerana ketika itu hubungan mereka dengan Amerika cukup baik. Itu pentadbiran dahulu, pentadbiran Amerika sebelum Barrack Obama. Hari ini Barrack Obama pemimpin Amerika, dasarnya sudah berubah, pendekatannya kepada dunia Islam cukup berbeza dan Amerika melihat bahawa Malaysia adalah negara berpotensi untuk membantu Amerika dalam soal meningkatkan imej Islam, misalnya, dan perkara-perkara lain.

Kita lihat apabila langkah Perdana Menteri kita ke Amerika menjalinkan hubungan baik, ini sebenarnya menimbulkan rasa cemburu kerana Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Batu tidak dapat masuk untuk mendekati Amerika Syarikat. Apakah Yang Berhormat bersetuju?

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Pasir Salak, minta sambung. Sambung sedikit sahaja. Boleh, Yang Berhormat Pasir Salak? Sedikit sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak ada masa.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Boleh sedikit sahaja?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia ada sedikit masa lagi. Tidak payahlah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Oleh kerana tidak ada masa, saya minta maaf kepada Yang Berhormat yang lain. Dalam perkara ini, saya pun tidak tahu sebenarnya sama ada Yang Berhormat Permatang Pauh ini mempunyai pengaruh di Amerika Syarikat. Sebab saya pergi ke Amerika Syarikat baru-baru ini, tidak ada pula tanda-tanda yang beliau begitu berpengaruh. *[Disampuk]* Jadi uar-uar, ini cuma digembar-gemburkan seolah-olah dia berpengaruh. Sebenarnya saya rasa tidak berpengaruh. Cuma biasa-biasa sahaja. Cumanya mungkin adalah satu, dua orang yang dia kenal. Akan tetapi ini digembar-gemburkan oleh media-media, hendak menunjukkan ketokohan dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum lagi habis jawapan itu.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, oleh kerana nama saya disebut, kalau boleh, terima kasih banyak. Tuan Pengerusi, ini satu penghormatan kerana nama saya disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak tetapi juga oleh Yang Berhormat Ketua Belud yang berhempas pulas hendak mempertahankan APCO dan Israel. Dia dengan Yang Berhormat Rembau sekarang jadi jurucakap APCO. Paling malu bagi umat Islam ini bila orang Melayu Muslim bangun hendak pertahankan APCO daripada kepentingan Islam. [Tepuk] Itu yang pertama.

Kedua, Tuan Pengerusi, saya tidak pernah mengatakan saya berpengaruh di Amerika. Pendirian saya konsisten, tidak hipokrit. Kita pertahankan hubungan baik dengan semua negara termasuk Amerika Syarikat. Sebab itu saya tidak berbohong kalau saya ada pertemuan berkala dengan bekas naib presiden, Al-Gore sampai sekarang. Bezanya ialah pimpinan kerajaan hari ini untuk mendapat dokongan Amerika terpaksa bayar RM78 juta kepada APCO. [Tepuk] Dahulu RM4 juta kepada Jack Abramoff, tauke judi maha besar di Amerika Syarikat. Ini kenyataan, Yang Berhormat Pasir Salak, jangan pertikai, jangan cabar saya untuk keluar bukti kerana bukti itu sudah keluar. Yang Berhormat Kota Belud tidak berani bangun untuk pertahankan ini.

Keduanya, saya hendak sebut juga, untuk kita berbaik dengan Amerika tidak apa, tetapi untuk melutut, menyokong dasar Amerika menentang Iran, memusnahkan Afghanistan, itu pengkhianatan kepada umat Islam, Tuan Pengerusi. [Tepuk] Apa kenyataan Perdana Menteri dalam isu Iran? Kalau kita katakan Iran tidak ada hak menggunakan kekuatan nuklear untuk senjata, munasabah. Akan tetapi mengapa Israel boleh? Mengapa diam tidak berani menegur Israel dan melutut kepada Amerika Syarikat, mengecam Iran di depan, di *White House* tetapi tidak berani menegur Israel. Diam terhadap pembunuhan, kekejaman terhadap orang-orang Palestin. Ini yang kita tentang. Pendirian UMNO, ini yang kita tentang. Disebut juga Afghanistan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita ambil sikap, saya katakan keputusan Obama undur dari Iraq, kita setuju, walaupun belum undur. Keputusannya undur, bagus. Akan tetapi keputusan dia menyerang Afghanistan, Yang Berhormat Kinabatangan, dari awal kita tentang.

■1520

Perdana Menteri Malaysia, Yang Berhormat Sri Gading, pergi ke *White House* mengatakan, "Ya, kami terima, kami boleh hantar training Afghanistan." Training apa? Umat Islam dibunuh di Afghanistan. Ini dia bezanya, Yang Berhormat Pasir Salak. Jadi ucap terima kasih, saya memang menghargai, bersetuju perhubungan baik dengan Amerika tetapi tidak mengemis dan jadi hamba abdi kepada dasar Amerika Syarikat. [Tepuk]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pasir Salak. Sedikit sahaja.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak boleh tambah masa Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh habiskan ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya boleh bersuara tinggi mungkin lebih tinggi daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Akan tetapi saya [*Disampuk*] tidak berhajat untuk berbuat demikian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pun hairan kenapa Yang Berhormat Pasir Salak hari ini *slow* sangat Tuan Pengerusi, minta dia gagah sedikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Permatang Pauh, perlu kita melihat kepada sejarah latar belakang iaitu semasa Yang Berhormat Permatang Pauh dalam kerajaan dahulu pun kita menjalinkan hubungan dengan negara-negara luar. Apa yang kita ada perbezaan dari segi pendirian dan dasar. Tidak bermaknanya apabila kita menghadapi sesuatu masalah dengan sesebuah negara itu atas satu-satu isu. Maka, kita tidak boleh menjalin hubungan dalam aspek-aspek tertentu. Ini yang dilakukan sekarang. Kita *being consistent* daripada dahulu sampai sekarang.

Kita bekerjasama, berbaik untuk urusan-urusan tertentu. Dengan Amerika Syarikat pada hari ini saya rasa tidak beza dasar dahulu dan dasar sekarang. Kita hendak mengadakan hubungan baik dalam perdagangan, dalam ekonomi, dalam kewangan. Kita tidak berhubung soal Iran, Afghanistan, Iraq dan sebagainya. Saya rasa kalau Yang Berhormat Permatang Pauh hendak menafikan bahawa kita di sebelah sini juga tidak kurang semangat perjuangannya untuk melihat bahawa orang-orang Islam di Iraq, di Afghanistan juga terbela, juga di Iran. Kita juga pejuang-pejuang Islam. Jangan Yang Berhormat Permatang Pauh menganggap bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh seorang sahaja memperjuangkan Islam. Ini tidak betul sama sekali.

Jadi ini perlu difahami bahawa apabila kerajaan dan kita sokong kerajaan, Perdana Menteri membuat hubungan dengan Obama pada hari ini, tidak bermakna kita mesti melutut, kita tidak menyembah kepada Amerika Syarikat. Akan tetapi kita mengadakan hubungan atas dasar dunia yang global pada hari ini di mana kita mempunyai realiti, hubungan ekonomi, hubungan teknologi. Kita jangan berpura-pura bahawa negara Amerika Syarikat merupakan negara penting bagi negara kita untuk mengadakan hubungan perdagangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi tidak betul. Sebagai *point* yang terakhir saya ingin menyeru kepada Kementerian Luar Negeri iaitu selain daripada mengadakan hubungan diplomatik, menekankan hubungan diplomasi dengan negara-negara luar. Pastikan kakitangan, kedutaan, pegawai-pegawai kerajaan juga mempromosi ekonomi Malaysia. Saya dapati umpamanya banyak negara-negara yang di mana produk-produk keluaran negara kita

tidak di promosi. Ini merugikan. Kita mempunyai kedutaan, mempunyai duta dan juga kakitangan yang berbelanja besar di luar negara.

Jangan hendak hanya hubungan diplomasi dengan jamuan-jamuan, dengan *ceremonies*, dengan *convention*, dengan *conference* tetapi satu hasil pun, tidak ada satu produk pun yang dijual di negara di mana kita mempunyai kedutaan. Ini merugikan. Kalaulah negara Thailand boleh menjual produk pertanian mereka di Amerika Syarikat. Mengapa Malaysia tidak boleh jual hasil produk pertanian kita? Negara kita juga makmur, kita punyai tanah yang subur, cuaca yang baik, hasil mahsul yang banyak. Akan tetapi promosi dan pemasarannya, perniagaannya tidak dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kita.

Saya pernah pergi ke New York, saya dapati umpamanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya dapati pejabat-pejabat yang mempromosi barangan daripada Malaysia sunyi sepi. Pegawai pun tidak tahu di mana dan tidak ada nampak keceriaan, tidak ada aktiviti, tidak ada dinamik aktiviti di pejabat menunjukkan adanya minat daripada bakal-bakal pelanggan ataupun pelabur yang datang. Manakala kita berbelanja, setiap tahun kita memperuntukkan berjuta-juta, beratus-ratus juta di kedutaan-kedutaan. Kita tidak mahu duta-duta kita hanya menyambut VIP-VIP.

Ini Yang Berhormat Permatang Pauh pernah dahulu jadi Timbalan Perdana Menteri sambut dengan begitu hebat sekali. Jangan tradisi itu kita teruskan zaman sekarang. Menteri-Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dan isteri Perdana Menteri juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, duduklah Yang Berhormat Batu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dan isteri Perdana Menteri juga yang tidak pasti...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, *landinglah* Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Landinglah*.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini hendak *landinglah*. Jadi ini yang penting saya hendak cakapkan, saya hendak berbicara sini berkenaan dengan kepentingan negara, kepentingan rakyat. Saya tidak mahu berpolitik macam rakan-rakan di sebelah sana. Tidak habis-habis apabila dapat wang untuk menimbulkan isu-isu politik tidak habis-habis. Cakaplah soal kepentingan ekonomi, kepentingan rakyat, kepentingan negara, kepentingan kewangan. *[Disampuk]* Inilah tunjukkan kehebatan pembangkang itu. Jangan tunjukkan - apa perkataan saya hendak gunakan ni? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sungai Siput lepas itu Menteri menjawab.

3.27 ptg.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Jempol mengatakan berkenaan dengan perdagangan dan teknologi, Yang Berhormat Pasir Salak cakap itu juga. Jadi ekonomi Amerika pentinglah pada Malaysia tetapi ini tidak boleh isu yang terpenting sekali yang mempengaruhi segala-galanya. Bagaimana dari hipokrasi Amerika Syarikat? Bila kita ambil program nuklear di Iran, mereka kena bawa program nuklear untuk menjana tenaga untuk *civilian purposes*. Amerika bantah sampai hendak bawa *sanction* tetapi negara Israel telah wujudkan bom nuklear. Amerika diam, tidak ada bantah, tidak ada *sanction* dan ini hipokrasi.

Lagi Amerika sendiri mempunyai *arsenal* nuklear yang terbesar di dunia. Itu masih wujud di Amerika. Jadi bila ini semua berlaku, apakah perlunya Perdana Menteri kita pergi ke Amerika untuk sokong pendirian Amerika terhadap Iran? Saya rasa tidak perlu. Jadi, jika kita tengok apakah dasar antarabangsa Amerika Syarikat? Apakah prinsip-prinsip dia? Bila kita kaji daripada dasar, nampaknya kepentingan korporat besar di Amerika ada satu fakta yang utama yang membentuk dasar antarabangsa Amerika.

Lepas itu alasan-alasan lain dicipta untuk bawa kepada rakyat mereka. Umpamanya macam Iraq. Korporat-korporat di Amerika menguasai minyak di Teluk Persia tetapi mereka cipta satu cerita yang besar berkenaan dengan *weapons of mass destruction*. Tipu *public* mereka, tipu dunia, adakan satu perang yang besar, yang hancurkan Iraq. Akan tetapi tidak ada *weapons*. Inilah Amerika. Jadi kita pun mesti waswas pada apa yang dibawa oleh Amerika. Prinsip-prinsip dia ini di pengaruh oleh korporat besar di Amerika. Sama juga dengan Venezuela satu negara yang demokratik di mana presiden dipilih secara demokrasi, di mana ada *referendum* beberapa kali untuk tentukan polisi dia.

Pada masa ini, Amerika sedang mengancam negara itu dengan ada *military build up* dekat Columbia. Ini kerana untuk korporat di Amerika apa yang dibawa oleh Venezuela adalah satu cabaran pada sistem *free market*. Amerika tidak senang dengan apa yang berlaku di Venezuela. Jadi saya rasa Malaysia sebagai satu negara yang merdeka, satu negara yang bermaruah, harus berwaswas bila kita *deal* dengan Amerika.

■1530

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, mesti mempertahankan maruah negara kita. Jangan beri gambaran kita minta sedekah daripada Amerika Syarikat ataupun kita sedia menjadi budak suruhan Amerika Syarikat. [Tepuk] Jadi, saya rasa bila perlu kita sokong Amerika Syarikat, tetapi bila perlu kita kata ini hipokrasi untuk membantah program nuklear dekat Iran itu hipokrasi. Selagi *you* tidak bantah program nuklear di Israel, selagi *you* tidak kurangkan *nuclear arsenal* itu hipokrasi yang besar. Dan tidak perlu kita sokong dia. Terima kasih.

3.32 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2010 di peringkat Jawatankuasa yang telah menyentuh tentang hal-hal Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, Malaysia dan juga Wisma Putra masih pegang kepada polisi yang sama apabila mengadakan hubungan dengan negara-negara luar. Iaitu Malaysia memang menentang apa jua penggunaan senjata nuklear untuk tujuan senjata semata-mata. Akan tetapi Malaysia menyokong atau menerima penggunaan nuklear untuk tujuan tenaga. Tuan Pengerusi, hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat, kita nampak begitu erat dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini kita boleh lihat iaitu dengan pendekatan Presiden Barack Obama sendiri iaitu sikap *multi literalism* dan juga suara yang memahami negara-negara dunia ketiga terutamanya negara-negara Islam.

Berbaik-baik dengan negara-negara ini, sudah pasti akan membawa keuntungan kepada negara kita. Sebagai negara-negara yang besar, berkuasa besar yang ini juga dapat menyelesaikan isu Palestin dan sebagainya. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat Presiden Barack Obama apabila menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada tahun lepas, sebenarnya tidak apa-apa *precondition* bagi lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Malaysia tidak pernah *barter* dalam apa bentuk pun dengan negara-negara lain termasuk Amerika Syarikat. Tuan Pengerusi, dan kalau kita lihat sebenarnya dari segi hubungan Malaysia memang mempunyai hubungan dengan begitu banyak negara termasuk kita boleh lihat dengan negara Turki, Jordan, Egypt dan sebagainya.

Kalau kita lihat negara-negara ini juga, negara-negara Turki, Lebanon, Jordan ini merupakan negara yang menyokong Israel juga. Dan kalau kita lihat, Ketua Pembangkang kita pun adalah kawan baik Turki. Sebenarnya kalau kita lihat Turki pula kawan baik Israel. Kalau kita hendak membawa kepada keamanan...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi...

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: .. kita boleh, kita boleh bekerjasama.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak boleh.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Jadi tidak salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak boleh kelirukan Dewan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Menyentuh negara lain dengan mengelirukan dan tidak faham fakta. Pendirian Perdana Menteri Turki dalam soal Israel dan Palestin termasuk Gaza jauh lebih tegas daripada pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih, saya...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Satu dunia tahu itu.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Saya...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Saya mengatakan hubungan, hubungan baik...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *You need to do your homework.*

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Kita dengan begitu banyak negara.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *I know...*

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut menyokong.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Jadi kita melihat...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saudara menyebut – Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut menyokong Israel.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Menyokong tadi.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ini istilah disebut...

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Menyokong Israel.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Menyokong negara Israel.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, tarik balik.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Perdana Menteri Turki menentang dasar Israel termasuk memenjarakan Gaza. Perdana Menteri Turki menentang tindakan dan cadangan mengenakan *sensation* terhadap Iran. Ini berbeza dengan sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Jauh lebih tegas Perdana Menteri Turki. Dia berani bangun tinggalkan Presiden Israel.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Kalau saya kata menyokong itu saya tarik balik.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata menyokong.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tarik balikkan, tarik balik.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tarik balik menyokong Israel.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Akan tetapi sebagai kawan baik kepada...

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Sebagai kawan baik kepada Turki...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ada *point of order*.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Sebenarnya kita masih boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah selesai Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak dia...

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Memainkan peranan untuk...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dia masih *maintain that*, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata Israel – Turki adalah kawan baik Israel. Saya anggap kita tidak mahu menjemput...

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Sudah selesai sudah. Saya dah kata...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Malaysia ini mempunyai hubungan dengan negara-negara ini. Ya, jadi kalau kita lihat tidak salahlah kalau kita kata Malaysia perlu eratkan lagi hubungan dengan negara Amerika Syarikat, tidak salah. Bila kita berdagang dengan begitu besar dengan Amerika Syarikat, apa salahnya kita mengadakan hubungan dengan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat yang dahulunya mempunyai – hanya *unilateral*, akan tetapi Amerika Syarikat kini mempunyai pandangan yang lebih *tolerance*...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Janganlah tidak, berani... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu duduk, Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Belum jawab soalan lagi. *Gentleman*.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tuan Pengerusi, sebenarnya banyak perkara yang telah dibincang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama dengan Presiden Barack Obama termasuklah isu-isu Afghanistan. Di mana kalau kita lihat perlunya negara Malaysia untuk membantu Afghanistan dalam program-program bina upaya dan sebagainya. Kalau kita lihat program pembangunan semula negara itu adalah amat penting bagi memberikan bantuan kepada perubahan contohnya kepada negara tersebut. Ya.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan cukup bijak hari ini. [*Ketawa*] Saya ingin tahu benarkah dakwaan Ketua Pembangkang bahawa negara kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menghalalkan cara iaitu membenarkan Amerika Syarikat dan Israel menyerang Afghanistan.

Sedangkan Yang Berhormat berkata bahawa kita banyak bantuan kemanusiaan kepada Afghanistan. Cuba beri penjelasan?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tidak, tidak.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidakkanlah *you* bagi jalan, tidak bagi jalan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Selalu berlaku macam itu Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin sebut kita tidak pernah sebut tentang kerajaan kita...

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tuan Pengerusi.. *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita...

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tuan Pengerusi, sebenarnya *[Dewan riuh]*...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Malaysia...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kerajaan Malaysia.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Malaysia kita boleh lihat, ia sebagai negara...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu!

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: .. yang membina negara Afghanistan yang ketinggalan begitu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita tidak pernah sebut...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Minta jalan Yang Berhormat.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Dan kalau kita lihat...

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Don't put words into our mouth. Pleaselah.*

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Lawatan oleh pegawai-pegawai dari...

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Dari Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pertahanan ke Afghanistan, baru-baru ini di atas jemputan rasmi Kerajaan Afghanistan membolehkan Malaysia mengenal pasti keperluan-keperluan Afghanistan. Ya, jadi banyak kita boleh bantu Afghanistan. Tuan Pengerusi, di samping itu kita juga...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Melalui perbincangan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: .. kerjasama dengan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri sini, sini.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Banyak kerjasama ekonomi diadakan. *[Dewan riuh]*
Di mana kita lihat kedua-dua pemimpin telah bertukar-tukar pendapat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak bagi? Yang Berhormat Senator...*[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, sebentar Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Ipoh Timur.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Tadi sudah cakap banyak apa lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, boleh bangun kemudian. Tidak payah memekik! *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Apa lagi!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah memekik Yang Berhormat. Cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kita minta penjelasan.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Keperluan latihan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat jangan begini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak bagi jalan?

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tidak bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Yang lain duduk dahulu Yang Berhormat.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kalau tidak bagi jalan, buat jawapan bertulis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Nanti...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat. Nanti kemudian bangun tanya balik.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak bagi jalan, buat jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai, duduk dahulu.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kita akan baca. Buang masa.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Dari segi latihan...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Perdana Menteri hendak dengar.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Kepada diplomat Malaysia di luar negeri.. [*Dewan riuh*] di mana kalau kita lihat ya, kementerian amat prihatin akan keperluan latihan khususnya sebelum mereka dihantar bertugas ke negara-negara lain. Selain daripada itu pegawai pelancongan Malaysia dan juga MIDA, pegawai Wisma Putra juga turut melaksanakan tugas promosi. Pegawai Wisma Putra diberi latihan dan taklimat khususnya termasuk promosi pelancongan dan juga pelaburan sebelum dihantar bertugas di Perwakilan Malaysia di luar negeri.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat boleh saya...

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Menyentuh tentang... ya, okey.

■1540

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Ramai sekali pegawai-pegawai kerajaan yang kita tempatkan di luar negara. Semua pegawai-pegawai ini memainkan peranan masing-masing. Akan tetapi, adalah lebih baik sekiranya pegawai-pegawai yang kita tempatkan di luar negara ini diberikan maklumat yang cukup berkaitan dengan industri pelancongan, usaha-usaha mempromosi produk negara kita dan juga usaha-usaha untuk menarik pelabur-pelabur luar untuk datang melabur di negara kita. Memang kita mempunyai pegawai pelancongan dan juga pegawai dalam bidang industri kita, tetapi pegawai yang ramai duduk di seluruh dunia ini boleh kita gunakan untuk membantu kerajaan dalam usaha mempromosi negara kita.

Beberapa Ahli: Mana soalan? [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Betul apa Yang Berhormat itu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ipoh Timur keluar dululah.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Saya terimalah sebagai boleh membantu.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Ya sebenarnya Malaysia, Kementerian Luar Negeri melalui Institut Diplomasi ataupun IDFR kita memang memberi latihan dan pendedahan dan kursus kepada para pegawai kami di setiap peringkat bagi memastikan mereka ini memiliki kemahiran dalam bidang diplomasi termasuk juga dalam bidang-bidang pelancongan, promosi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, menyentuh mengenai perkara..

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka bangun Yang Berhormat.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Okey.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang promosi dan diplomasi yang dikatakan, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri jika ada satu keadaan yang Permaisuri Agong dan juga isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada bersama-sama dalam satu *function*. Jika *first lady* itu kita sepatut merujuk kepada siapa? Permaisuri Agong atau isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya kita sedang bincang mengenai latihan dan bukannya *first lady*, *second lady* dan sebagainya.

Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Selangor...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Akan tetapi minta perhatian diplomasi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Di mana kalau kita lihat kementerian memastikan...

Seorang Ahli: Soalan budak-budak *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Calon yang sesuai dan cukup terlatih...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Sebelum diberi tanggungjawab khusus...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Termasuklah tugas di luar negeri. Ya, boleh beri laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rasa soalan daripada Yang Berhormat Kota Melaka sangat penting...

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Saya ingat tidak mengapalah. Saya tarik balik.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ia harus diperjelaskan kepada pegawai-pegawai yang mereka mesti tahu siapa ialah *first lady* dalam negara kita. Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh menjelaskan menjawab soalan Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Okey. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ini memang boleh wujud. *This can happen.*

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Sebenarnya latihan-latihan telah diberikan kepada pegawai-pegawai kami

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Jadi, pegawai-pegawai Wisma Putra tahulah *first lady* ini ialah isteri Perdana Menteri. Jadi. Tidak usah hendak bangkit lagi.

Yang Berhormat Kuala Selangor juga bertanya mengenai Datuk Arshad. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini bekas wakil tetap Malaysia ke IAEA tidak dipecat. Secara kebetulan tempoh kontrak beliau tamat pada 11 Mac 2010. Biasanya kita bagi kontrak satu tahun ke satu tahun ke satu tahun sudah tiga tahun dan habis tiga tahun. Jadi, pengganti beliau pun adalah seorang pegawai yang berpengalaman dan berkelayakan. Jadi, tidak perlu kita bicara di sini siapa yang lebih layak dan sebagainya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit Timbalan Menteri.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Tuan Pengerusi, menyentuh tentang...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Takkan lah Menteri tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri beri jalan Yang Berhormat tetapi tidak pada Yang Berhormat Batu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akan tetapi Yang Berhormat Kota Melaka dan Batu Gajah diberi laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Menyentuh tentang soalan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Malaysia mengutuk segala perbuatan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Timbalan Menteri mengapa takut sangat ini?

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: ...Dan unsur-unsur keganasan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Selalunya jadi *gentleman*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yalah. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: ...Selaras dengan United Nations dan *international* dengan izin. Malaysia bukan sahaja bekerjasama dengan Amerika Syarikat seperti mana yang saya nyatakan malah dengan seluruh masyarakat antarabangsa. Oleh yang demikian tidak perlu timbul soal Malaysia tunduk kepada Amerika Syarikat. Seluruh dunia bersatu dalam menangani masalah-masalah keganasan di dunia ini. Janganlah kita kaitkan orang Islam di Afghanistan dengan para pengganas di sana. Malaysia adalah negara di mana kalau kita lihat berpandangan bahawa Afghanistan memang perlu dibantu untuk dipulihkan.

Tuan Pengerusi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Timbalan Menteri sedikit laluan.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Saya juga memaklumkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak beri jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Batu dan Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Berkenaan dengan isu-isu terbaru.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Janganlah macam itu. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Berkaitan dengan soalan yang ditanya oleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Inikan peringkat Jawatankuasa tidak mahu beri jalan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita sedang peringkat Jawatankuasa.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Okey satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tadi kenyataan tidak beri jalan tidak betul Yang Berhormat. Menteri beri jalan kepada Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kota Melaka dia bagi Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi tidak beri kepada pembahas. Kita yang bahas. Saya hanya...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Di luar sana pun banyak masa Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hanya ingin tahu secara spesifik kerana duta tidak setuju dengan *sanction* terhadap Iran dan saya ingin tahu secara spesifik sama ada Malaysia akan sokong *sanction* terhadap Iran bila Obama membuat deklarasi untuk *impose sanction* ini dalam beberapa minggu ini. Kita hanya minta secara jelas. *Yes or no?*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja Timbalan Menteri sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sudah menyatakan tadi Datuk Arshad bukan dipecat tetapi kontraknya ditamatkan. Sudah tamat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Faham. Sedikit Timbalan Menteri?

- Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Jadi,...
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sedikit sahaja Timbalan Menteri.
- Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tidak usahlah.
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*
- Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tuan Pengerusi...
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat duduk lah Yang Berhormat.
- Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Saya merakamkan terima kasih atas sokongan...
- Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*
- Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian...
- Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Timbalan Menteri, Langkawi Forum tidak jawab.
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Timbalan Menteri...
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak boleh macam ini Yang Berhormat.
- Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Iran tidak jawab, *sanction* ini tidak jawab.
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu tidak boleh macam ini Yang Berhormat.
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta tunggu dulu, nanti sidang diusul bersama dia bentang kita tengok macam mana.
- Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak, takkan bawa dalam isu ini Menteri *choose not to answer, where is the professionalism? We ask for the position whether we support sanction against Iran?*
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini Yang Berhormat. Menteri sudah habis Yang Berhormat?
- Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Sudah habis. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
- Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Setuju atau tidak. Langkawi langsung tidak jawab.
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Pengerusi, kita hendak tanya *sanction* terhadap Israel.
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Sanction is not troubling here. [Dewan riuh]*
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM110,070,000 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita minta belah bahagian.

[Lebih 15 orang ahli bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ada lebih 15 orang bangun. Ahli-ahli Yang Berhormat oleh sebab lebih daripada 15 orang bangun minta diadakan belah bahagian. Maka, mengikut Peraturan 46(4) saya memerintah supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

■1550

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok.

[Pengundian dijalankan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi adalah seperti berikut; Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 68. *[Tepuk]* Ahli-ahli yang tidak bersetuju 34. *[Tepuk]*

YANG BERSETUJU

68

YANG TIDAK BERSETUJU

34

[Nama Ahli-ahli yang bersetuju, yang tidak bersetuju dan yang tidak mengundi akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Wang sebanyak RM110,070,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.21 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, ini belanjawan tadi tidak cukup 2/3 Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah lulus Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tidak cukup 2/3 majoriti Tuan Pengerusi. Tidak cukup 2/3 itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain diminta duduk Yang Berhormat, semua bangun ini, saya tidak tahu siapa yang hendak berucap untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

3.57 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Ipoh Timur, *every ministry* dia berhujah, tahniah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, peruntukan ini ialah untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, RM400 juta yang dibahagi kepada beberapa kepala. RM275 juta untuk insentif pengeluaran padi, RM100 juta hasil peningkatan pengeluaran dan hasil dalam bidang ternakan, pertanian dan perikanan, RM15 juta untuk perkhidmatan, perbekalan, perbelanjaan utiliti sewaan dan RM10 juta untuk bangunan pejabat kuarters kemudahan pengaliran.

Satu prinsip mustahak ialah bagaimana kita boleh membetulkan tidak ada penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dalam peruntukan-peruntukan yang begitu besar di sini? Adalah satu kepercayaan mengenai satu kerajaan yang sebenarnya tulus, jujur dan bersih, di sini ada *news* yang terkini *Palanivel offered Senatorship, likely Deputy Minister's post* dalam harga tarik – tarik harga emas di mana politik macam pasaran jual beli lembu.

Kalau ianya begitu, bagaimana kita percaya bahawa wang yang diperuntukkan ini tidak akan disalahgunakan, sebagaimana kerusi Dewan Negara pun boleh dijual belikan? Tidak dapat pencalonan Hulu Selangor, *offer* ialah *Senatorship, Deputy Ministership*. Saya rasa kalau begitu, apabila kita bahas mengenai peruntukan di hadapan kita, bagaimana kita boleh percaya setiap sen akan digunakan untuk rakyat? Di sini kita mahu *protest* sekeras-kerasnya di mana – mana boleh berlaku *deputy ministership offered, senatorship offered* supaya dia tidak dicalonkan sebagai calon Hulu Selangor. Ini ialah...

Seorang Ahli: Parti rasuah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Total corruption! Total decadence must be condemned in the stronger possible terms.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ini tidak kena mengena ini Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, itu supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berkaitan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point* lembu, jual beli lembu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akhirnya saya harap bahawa pengundi Hulu Selangor tolak sekeras-kerasnya, 100% tolak BN. Ini malu. Mana itu...

■1600

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...semua yang boleh dituduh.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Pengerusi, mengapa biadab sedemikian dalam Dewan ini.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Pengerusi, Tidak relevan. *[Dewan riuh]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur minta...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lebih penting daripada peruntukan yang di hadapan Dewan yang mulia ini.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, baik, baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak boleh sentuh yang di luar daripada kementerian Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Ipoh Timur tidak kalahkah?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya minta penjelasan dengan Yang Berhormat Ipoh Timur sebab dia bercakap mengenai lembu-lembu ini, pertanian lah kot ya. Fasal lembu tadi. Jadi apa yang, Yang Berhormat Ipoh Timur bising-bising ini, bukankah ini amalan biasa Barisan Nasional. *[Ketawa]* Yang korup, *so what is new? Dengan izin.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, tidak ada harap bahawa ada satu Malaysia Perdana Menteri yang baru bahawa tidak lagi *blatant abuse of governmental power*, lembu-lembu sini is *human* lembu. *Human* lembu pun boleh jual kah? Jual beli dalam perkara ini dan saya harap bahawa ini ialah...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, sebenarnya saya hendak bahas mengenai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Iaitu bahagian kedua di mana RM100 juta telah diagihkan untuk penternakan insentif, penternakan, pertanian dan perikanan. Saya ingin... Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa sebelum ini walaupun berjuta-juta ringgit telah diagihkan untuk meningkatkan pengeluaran dan hasil dalam bidang ternakan, nampaknya Malaysia tidak mencapainya kerana ada penyelewengan yang tertentu dan saya hairan bahawa kita perlukan lagi sebanyak RM100 juta untuk meningkatkan pengeluaran ternakan dan sebagainya.

Berkaitan dengan di mana ada Senator dan sebagainya, saya pun setuju kepada Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa ini macam di pasar. Di mana jual beli adalah tertakluk kepada harga dan binatang yang dijual beli dan macam mana bolehkah ini terjadi di sana, di mana dari belakang baru masuk [*Dewan riu*] Dan ini adalah satu perkara yang patut diberhentikan. [*Dewan riu*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya setuju dengan soalan-soalan yang dikemukakan Yang Berhormat Ipoh Barat, kita berharap supaya Yang Berhormat Menteri boleh ambil perhatian dan beri satu jawapan yang serius dan di sini saya setuju bahawa kita janganlah sampai sehari, di mana kita pun akan bincang bajet tambahan untuk lembu *human*, *human* lembu bual jual beli semacam berlaku dalam pemimpin-pemimpin MIC, Barisan Nasional boleh mengangap diri-sendiri sebagai *human* lembu *human* dan boleh jual beli..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang semacam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Semacam jenis di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Timur

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Timur

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa Yang Berhormat Ipoh Timur ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini tidak baik Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh kerana apabila saya baca ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ahli Parlimen yang punya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Afraid* bagaimana boleh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang senior.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Human trafficking*..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta laluan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Human trafficking*, ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Ipoh Timur Ahli Parlimen yang senior...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita membincangkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Berkaitan pertanian...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan kita politikkan apakah pihak pembangkang tidak mahu menyokong...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kerusi

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Peruntukan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Minister* dipolitikkan..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Peruntukan untuk pertanian demi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kerusi *Senatorship* boleh diberi... Dipolitikkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Supaya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa Yang Berhormat tidak membantah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dari pentadbiran, jangan kita politikkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat bantah mengenai jual *and sale senator ship*. Jadi *Senatorship*, adakah Yang Berhormat rela berdiri buat bantah. Kita tidak mahu politikkan perkara macam peruntukan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi apabila jawatan Timbalan Perdana Menteri, jawatan *Senatorship* boleh dipolitikkan bukan ini *disgusting, disgusting outrages*. Kita perlu *condemn in the stronger post mortem* kalau ia begitu apa ertinya?...

Seorang Ahli: Huh!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada perkara yang bersih, tidak ada perkara yang suci. Semua boleh beli jual, beli jual, pemimpin boleh beli jual, boleh jual. UMNO politik ini macamlah, MIC politik ini macamlah, MCA politik ini macamlah. Ini malu, Gerakan semuanya malu dan sebab itu *after disgust and I want to state the protest*, saya percaya semua di sini kita semua memprotes, setuju protes berdiri. Hoi! berdiri protes.

Semua Ahli Pembangkang: *[Bangun] [Dewan Riu]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini politikkan, kotorkan standard politik di negara kita, terima kasih. Sekian, terima kasih. *[Dewan Riu]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun][Menunjukkan sehelai kertas][Dewan Riu].*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya rasa Tuan Pengerusi kalau isu ini dipolitikkan lebih baik kita undi sahajalah, siapa setuju tentang pengundian...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ha, kata hendak reformasi Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah, tidak payah, tidak payah.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya hendak bahas..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerana lari daripada apa... *[Disampuk]*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Pengerusi.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Pengerusi... *[Disampuk]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kata reformasi Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Hulu Selangor ini BN mesti menang... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, dia ajar sesuatu yang tidak baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... Kita undi sahaja. Undi sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Usul undi saja, berdiri!

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ini kita tidak perlu bahas lagi...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Semua Ahli-ahli Barisan Nasional: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa Yang Berhormat? Apa ini Yang Berhormat? *[Dewan Riu]* Duduk Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Jangan bagi dia peluang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak! Ini bukan reformasi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ipoh Timur mahukan reformasi Parlimen...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Reformasi Parlimen tetapi kalau sampai bertegang leher, kalau sampai sakit jantung tengok orang tua itu bercakap, ini bukan reformasi Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Yang Berhormat, Tidak payah berbahas, *you* boleh keluar.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Ipoh Timur cakap integriti Dewan lagi, lepas itu dia tunjuk contoh yang paling teruk dalam Dewan ini, itu sebab saya tidak boleh terima...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ..dan integriti satu Dewan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Keluar dari Dewan.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Dewan ini...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Contoh yang tidak baik kepada Ahli-ahli yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya belum jemput orang bercakap Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Selepas itu pengecut Tuan Pengerusi, lari.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa, Yang Berhormat?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Rasuah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya hanya berharap satu sahajalah Yang Berhormat. Contoh yang buruk, yang jahat jangan diikuti Yang Berhormat...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pada saya, saya juga sudah lama di Dewan ini. Tetapi kalau kita tidak menunjukkan contoh yang baik, saya tidak tahu siapa lagi jadi contoh kalau tidak Ahli Parlimen.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi anak-anak kita dekat belakang sana *[Dewan riuh]* Melihat macam mana perangai Ahli Parlimen.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Jangan ikut perangai DAP ikut BN.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat minta Yang Berhormat Ledang bercakap.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun][Menunjukkan sehelai kertas]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, hah ini contoh yang baik. *[Ketawa]* Butiran Maksud B.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2. Sebanyak RM100 juta adalah dikehendaki untuk menampung intensif kepada pengurusan pertanian 2010 untuk meningkatkan pengeluaran dan hasil dalam bidang ternakan, pertanian dan perikanan.

Dua perkara, Tuan Pengerusi. Pertama, saya ingin bertanya apakah mekanisme yang terbaik dalam usaha untuk melaksanakan insentif ini supaya agihan itu benar-benar berkesan mereka yang benar-benar mengusahakan ternakan, penternakan dan ini, penerima dan keduanya ialah bagaimana kementerian boleh memastikan bahawa dengan agihan intensif ini boleh meningkatkan lagi hasil pertanian, hasil ternakan dan perikanan. Ini contoh yang baik Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Kedah.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya peringatan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya, ringkas sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dalam, bukan soalan ringkas sahaja Yang Berhormat, tumpukan kepada...

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kementerian ini Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Jangan bimbang Tuan Pengerusi, dua isu ringkas di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. *Total* bajet tambahan sebanyak RM400 juta iaitu perkara yang pertama berkaitan dengan soal intensif pengeluaran hasil padi. Buat masa sekarang, kerajaan memberhentikan semua jenis subsidi, subsidi racun, subsidi baja

organik dan juga subsidi untuk putaran tanah dan juga baja di sawah ladang. Adakah dengan bajet ini, satu jaminan daripada pihak kerajaan supaya subsidi yang telah dijanjikan dalam bajet yang lalu dilaksanakan di semua kawasan-kawasan padi terutamanya dalam kawasan-kawasan padi utama negara khususnya di kawasan Muda dan kawasan Kemubu, Sungai Manik, Kerian dan sebagainya.

Jadi oleh sebab itu saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan soal subsidi-subsidi yang sehingga kini, musim telah pun berlalu tetapi petani-petani kita mohon supaya benda itu disegerakan

■1610

Yang lebih utama ialah soal kualiti racun yang nak diberikan kepada petani. Jadi walaupun beberapa bantahan telah dibuat oleh pihak Pertubuhan Peladang tetapi nampaknya kerajaan tidak mengambil pandangan daripada suara-suara peladang ini khususnya dalam memberikan racun yang berkualiti. Apa yang saya timbulkan ini ialah berkaitan dengan soal bajet yang ditumpukan ke peringkat kementerian dan syarikat-syarikat yang memberikan, yang menjadi *suppliers* itu, syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan dengan pihak-pihak atasan di peringkat kementerian lalu kualiti racun yang turun ke peringkat akar umbi, ke peringkat peladang-peladang ini tidak menepati kehendak.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya, sila Yang Berhormat Pendang.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah, Tuan Pengerusi. Selain daripada insentif racun yang diberikan kepada petani, ada juga sebelum ini diberikan tonik padi. Banyak keluhan yang kita dapati daripada petani-petani adalah apabila tonik ini digunakan, padi menjadi lebih teruk. Hasilnya lebih berkurangan daripada apa yang sepatutnya yang didapati oleh petani apabila disembur dengan tonik padi ini, padi menjadi merah dan hasilnya berkurangan. Jadi apakah pandangan ataupun desakan kepada kementerian supaya kita meniadakan tonik-tonik padi ini kepada petani supaya hasil mereka lebih. Bagi tonik, lagi teruk padi dia. Ini yang diberikan oleh Kementerian Pertanian.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Berdasarkan kepada pengalaman saya yang terlibat secara langsung dalam industri padi ini, memang kita memerlukan baja tambahan selain daripada baja urea, baja NPK dan diberikan baja-baja tambahan, baja organik ataupun disebut dalam bahasa yang mudahnya vitamin tetapi yang menjadi persoalan sekarang ini ialah syarikat yang mendapat tender itu, dia memberikan butiran-butiran ataupun persembahan ketika membentangkan untuk mendapat kontrak itu kepada kementerian begitu cantik sekali dengan analisa-analisa ataupun dengan membuat kajian-kajian dan menunjukkan data-data di tempat-tempat tertentu tetapi hasil padi yang berkualiti bergantung pada tanah tempat-tempat yang berbeza. Jadi sebab itulah yang menyebabkan racun ataupun vitamin yang *disupply* oleh pihak kementerian tidak sesuai untuk

semua kawasan. Mungkin sesuai untuk kawasan di sebelah Pantai Timur tetapi tidak sesuai di peringkat Pantai Barat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh laluan?

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Kuala Kedah, sama ada Yang Berhormat Kuala Kedah menyedari ada usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak kementerian untuk projek tanaman padi organik sebab kita lihat sini RM275 juta untuk insentif pengeluaran padi. Berapa peratus agaknya daripada bajet yang disediakan ini untuk insentif kepada tanaman padi organik? Minta penjelasan.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Kalau nak bagi penjelasan berkaitan dengan soal padi organik ini, panjang, tak cukup masa 10 minit Tuan Pengerusi. Ini bidang saya. Sebenarnya padi organik ini dia tidak menggunakan racun, itu hakikat yang sebenarnya tetapi kalau kita teliti balik, walaupun baja organik yang hanya kita pakai, kita tidak pakai tetapi ia tetap mengandungi kandungan kimianya yang serupa. Nitrogen, fosforus, kalium, ferum dan sebagainya. Jadi saya rasa penjelasan itu - saya harap pihak kementerian boleh bagi penjelasan yang secukupnya kerana kita begitu sensitif. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Titiwangsa ini, kita sensitif dengan penggunaan racun kimia yang berlebihan. Itu sahaja dia punya tajuk dia. Jadi adakah kerajaan bersedia untuk melaksanakan tanaman padi yang hanya menggunakan kawalan kimia yang minimum ataupun hampir tidak langsung menggunakan racun kimia.

Itu *point* saya yang pertama. Yang keduanya, berkaitan dengan soal isu RM100 juta untuk menampung insentif kepada pengusaha pertanian dan juga hasil ternakan, pertanian dan perikanan, *one off budget*. Saya nak minta penjelasan kementerian bagaimana bajet ini disalurkan ke peringkat petani-petani dan juga penternak-penternak supaya benda itu betul-betul dapat kepada mereka. Yang menjadi persoalan kita ialah biasanya pihak kementerian akan mengeluarkan borang untuk mana-mana pemohon supaya mereka boleh membuat pinjaman ataupun mendapat bantuan daripada bajet ini dan salah satu daripada kandungan pemohon butiran di dalam borang tersebut ialah sokongan daripada Ahli Parlimen. Maka, kita yang terlibat dalam bidang pertanian dan sebagainya sudah barang pasti kita memberikan sokongan kepada rakyat tanpa mengira mana-mana parti tetapi apabila tandatangan daripada Ahli-ahli Parlimen dalam kawasan-kawasan yang bukan dimenangi oleh Barisan Nasional, biasanya permohonan itu ditolak.

Jadi saya haraplah pihak kementerian berlaku jujur dan kita bersedia untuk berlapang dada demi untuk rakyat, demi untuk petani-petani, demi untuk bajet yang kita luluskan, demi untuk memberikan kepada mereka seperti mana yang disuarakan. Biarlah kita telus dalam hal ini. Ahli Parlimen mana sekalipun yang memberikan sokongan dan dukungan, maka saya pohon

supaya pihak kementerian meneliti ketelusan ini dalam melaksanakan RM100 juta bajet untuk insentif ini. Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberikan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Arau.

4.16 ptg.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Bagi Maksud B.21 - Kementerian Pertanian dan Asas Tani, saya ingin menarik tentang peruntukan RM235 juta yang dikehendaki untuk perbelanjaan di bawah insentif pengeluaran padi bagi tahun 2010 ini. Pada dasarnya kita-kita bersetuju kerana dasar untuk dapat meningkatkan pengeluaran padi pada 10 tan sehektar itu, 10 tan sehektar? Ya, 10 tan sehektar seperti mana yang dihasratkan. Kita lihat hampir-hampir mencapai walaupun masih boleh dibuat pemantauan untuk mencapai ke arah itu. Cuma di sini apabila insentif ini tidak dipantau dengan baik, kita lihat ada petani yang mengambil kesempatan terutamanya mereka yang di peringkat broker ataupun yang menjadi orang tengah dalam mengendalikan urusan penjualan dan mereka juga yang merupakan peminjam-peminjam duit kepada petani.

Ini kerap kali berlaku di kawasan saya yang menyebabkan mereka mengisytiharkan pelbagai. Bermakna kata ada jualan yang dimasukkan kepada orang lain pada musim tuai yang kali ini dan kemudian musim tuai lain dimasukkan untuk mendapatkan bahawa ada pergerakan pertambahan di dalam pengeluaran. Jadi di sini supaya memastikan bahawa penyelewengan tidak berlaku dan kita sebenarnya mahu petani benar-benar berusaha keras bagi mencapai hasrat ini dan untuk mengurangkan sekurang-kurangnya import beras negara yang dianggap juga terlalu tinggi yang selama ini kita meletakkan *self sufficient* itu sebagai satu cara untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara yang kita tidak meletakkan kebergantungan terutamanya di dalam kita berlaku masalah ke masalah yang bersifat darurat yang kemungkinan di negara-negara berkenaan tidak dapat menyediakan keperluan yang diperlukan oleh negara.

Oleh sebab itu dengan peruntukan besar saban tahun yang telah diberikan oleh kerajaan, kita berharap pemantauan yang teliti yang perlu dibuat oleh kerajaan dalam menangani masalah tidak berlakunya penyelewengan dalam peningkatan insentif ini. Seperti rakan-rakan lain, saya juga ini bangkitkan soal kelewatan bekalan baja kerana ianya kerap kali berlaku dan kemungkinan kita tidak boleh meletakkan kebergantungan kepada satu syarikat sahaja yang terlibat untuk *supply* kerana sepatutnya menanam padi ini dia mesti mengikut penjadualan yang betul. Sebab itulah dia ada *stage* satu, dua tiga dan empat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Bermakna kata kalau kita tidak mengikut jadual dan baja mengikut pada masa tumbesaran padi berkenaan, makna kita tidak akan dapat jumlah ataupun kualiti padi yang lebih baik. Kemudian yang terakhir sekali ialah berhubung dengan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan sikit boleh tak Yang Berhormat Arau?

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, sikit sahaja saya nak tanya. Ini pihak mana yang membekalkan baja dan juga racun dalam skim subsidi kepada petani-petani ini dan berapa anggaran jumlahnya dan nilainya setahun? Terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Ini masukkan sebagai ucapan saya untuk dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya tidak tahu berapa jumlah syarikat. Cuma di sini untuk pastikan bahawa kedudukan baja dan juga racun ini dalam sektor pertanian di negara kita adalah melibatkan jumlah yang besar. Saya ingat RM3 bilion lebih setahun. Jadi, saya difahamkan kerajaan pernah menubuhkan Konsortium Baja Nasional di bawah Kementerian Kewangan diperbadankan tetapi setakat ini saya difahamkan ada satu lagi syarikat yang menjalankan aktiviti yang sama, perniagaan yang sama ditubuhkan satu lagi oleh beberapa agensi yang terbaik. Agensi pertanian yang diletak di bawah kementerian lain.

■1620

Jadi boleh atau untuk kita pastikan bahawa sistem yang kita pakai, cara pelaksanaan, cara *delivery* yang sudah ketinggalan zaman itu kita tukar kepada satu syarikat kerajaan yang *vendomya* dibagi kepada semua pengeluar baja di negara kita. Ataupun yang mempunyai rangkaian-rangkaian di luar negara dengan syarikat-syarikat seperti di Uzbekistan, di Rusia yang merupakan pengeksport besar baja *urea* dan lain-lain yang sebenarnya boleh dibuat dengan menjimatkan perbelanjaan dan kita dapat melaksanakan kaedah-kaedah pemberian kepada agensi dan juga petani dengan lebih cekap dan lebih profesional.

Oleh sebab itu untuk tidak berlaku kelewatan ini kita harus sebenarnya memastikan bahawa sekarang ini kalau di sebelah utara ialah musim untuk memulakan menabur benih. Oleh sebab itu saya minta pihak kerajaan juga harus hati-hati sebab kesesuaian tanah seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah tadi. Benih ini sebenarnya tidak sesuai untuk tanah di Selangor, untuk tanah di Kedah. adikalau penerusan kota untuk benih padi sah, ia mesti sekurang-kurangnya dibuat kalau untuk di Kedah mesti dikeluarkan di negeri Kedah ataupun di Perlis. Kemudian untuk di Kelantan dikeluarkan di Kelantan. Tidak perlu ada *transfer interstate* yang boleh menyebabkan kesesuaiannya kerana tidak begitu sesuai dengan keadaan tanah di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Jadi biarlah kelulusan benih padi sah yang dibuat oleh kementerian ini diagihkan dengan sama rata mengikut keperluan negeri dan tidak perlu kelulusan yang dibuat - contohnya di Perak diberi begitu tinggi atau di Selangor dibagi begitu tinggi kemudian di Kedah, di Perlis dan di Kelantan misalnya diberi dengan kuota yang begitu kecil yang menyebabkan berlaku kesusahan

untuk mendapatkan benih padi yang dikawal oleh kerajaan. Jadi terima kasih, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

4.22 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi untuk saya membahaskan Maksud B.21 ini. Peruntukan sebanyak RM100 juta adalah dikehendaki untuk menampung inisiatif kepada pengusaha pertanian tahun 2010 untuk meningkatkan pengeluaran dan hasil dalam bidang ternakan, pertanian dan perikanan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Adakah pihak kementerian telah memiliki satu dasar untuk membebaskan bidang pertanian ini daripada menggunakan bahan-bahan kimia kepada suatu era di mana kita menggunakan sepenuhnya baja-baja ataupun bahan-bahan pertanian yang menggunakan bahan-bahan organik. Dalam dunia semakin maju ini, salah satu kajian yang telah dibuat mendapati bahawa di antara faktor berlakunya pemanasan global ini adalah kerana penggunaan baja-baja kimia yang semakin tidak terkawal dalam bidang pertanian khususnya baja kimia racun yang sudah tentu tidak mesra alam atau tidak mesra kepada persekitaran.

Banyak penemuan baru sebagai contoh penggunaan baja daripada gunung berapi ataupun baja yang sekarang ini telah mula dipromosikan - yang kaya dengan bahan-bahan mineral. Saya rasa ini juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui R&D boleh menyuburkan jenis-jenis baja seperti ini. Kita memang mendapati kebanyakan baja-baja subsidi yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada petani semuanya hampir 90% adalah merupakan baja-baja kimia, baja-baja *Nitrophoska Blue* ataupun *Nitrophoska Green* yang unsur-unsurnya semua *kalium*, *urea* yang ada dalamnya adalah semuanya berunsur kimia. Jadi oleh itu saya ingin mendapat penjelasan, adakah dengan peruntukan yang sebanyak ini maknanya ada satu tempoh masa bahawa kerajaan juga dapat mempromosi baja-baja organik ini untuk keselamatan jangka panjang untuk masa depan bumi kita.

Yang keduanya saya juga mendapat beberapa maklumat daripada pengusaha-pengusaha ayam organik kerana pasaran ataupun permintaan ayam organik ini semakin banyak dan semakin tidak mencukupi. Sebagai contoh, hari ini telah ada restoran *fast-food* yang telah cukup berjaya dalam mempromosi ayam organik ini sebagai contoh *Radix Fried Chicken (RFC)*. Saya dimaklumkan mereka tidak kecukupan untuk mereka mendapatkan bekalan ayam organik ini dan saya juga mendapat laporan salah seorang daripada pengusaha yang berada di Bentong yang memberikan pandangan mereka bahawa kerajaan tidak memberikan subsidi ataupun bantuan yang secukupnya kepada pengusaha-pengusaha ayam organik ini. Jadi saya rasa ini suatu industri baru yang sangat besar manfaatnya daripada aspek kesihatan, daripada aspek mesra alam dan saya rasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu untuk mengambil

serius untuk memberikan bantuan yang secukupnya kepada pengusaha-pengusaha ayam organik ini.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Lalan sedikit.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya mendengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian di mana tidak ada usaha-usaha daripada kerajaan untuk memberi insentif ataupun bantuan ataupun subsidi kepada pengusaha-pengusaha ayam organik. Jadi saya berasa agak terperanjat dan juga kecewa kerana sebagai seorang doktor perubatan dengan insiden kejadian pelbagai penyakit seperti kanser, darah tinggi, kencing manis dan sebagainya begitu tinggi yang ada hubung kaitnya dengan makanan yang dimakan. Jadi saya lihat ini menunjukkan satu ketidaksungguhan daripada pihak kerajaan untuk melahirkan rakyat yang mendapat makanan yang sihat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, sudah pasti pandangan itu satu pandangan yang semestinya diambil perhatian serius oleh pihak kerajaan. Sememangnya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Titiwangsa bahawa isu pemakanan telah menjadi begitu serius. WHO juga sedang begitu giat untuk mengambil langkah-langkah ke hadapan bagaimana faktor-faktor berlakunya penyakit-penyakit seperti kanser ini semakin meningkat dan ia tidak boleh kita nafikan berpunca daripada faktor-faktor pemakanan yang tidak seimbang dan bersesuaian dengan fisiologi ataupun dengan tubuh badan manusia itu sendiri.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan mempromosi ayam organik ini bukan hanya saya dimaklumkan rasanya lebih enak tetapi hasil daripada cara pembiakannya yang tidak dicemari dengan bahan-bahan *inorganic* ataupun bahan kimia yang lain. Maka ia lebih sihat. Ertinya tidak menggunakan hormon tumbesaran ataupun *growth hormone*. Bila tidak guna *growth hormone*, maka pembesarannya lebih natural. Ia mempunyai daya kekuatan, daya tahan penyakit yang lebih baik. Maka sekali gus kita mungkin tidak memerlukan antibiotik misalnya untuk melawan beberapa jenis penyakit yang boleh membunuh ayam-ayam ini.

Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat Kubang Kerian, apakah sebenarnya yang khusus diminta oleh Yang Berhormat Kubang Kerian? Sama ada kementerian membantu dalam menyediakan bahan-bahan makanan organik ataupun memberikan subsidi harga kerana kos yang tinggi atau apa khususnya yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian dalam mempromosi ayam organik ini? Terima kasih.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat daripada Kuala Krai Mengikut maklumat yang saya peroleh, pengusaha-pengusaha ayam

organik ini benar tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai mereka menghadapi yang pertama sekali masalah modal. Itu sudah menjadi satu perkara asas yang seharusnya dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan.

■1630

Keduanya dari segi khidmat nasihat. Di sini saya merasakan perlu ada khidmat nasihat yang profesional. Mereka yang benar-benar faham, yang benar-benar dapat memberikan satu panduan kepada penternak-penternak ayam organik ini supaya mereka dapat memajukan industri ini dengan mengeluarkan hasil pengeluaran yang lebih efisien pada masa yang akan datang.

Ketiganya, saya rasa mereka juga memerlukan kepada pendekatan kerajaan supaya cukai-cukai terhadap bahan-bahan untuk sama ada melahirkan ataupun membuat baja-baja ataupun pemakanan-pemakanan organik ini dapat diberikan subsidi yang sewajarnya supaya mereka dapat memiliki harga yang lebih berpatutan. Saya rasa inilah perkara-perkara yang perlu untuk diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Maka dengan itu saya mengharapkan supaya dengan permintaan dan keperluan semasa dan semua pihak menyedari kepada perlunya rakyat Malaysia untuk mendapat satu bahan pemakanan yang lebih sihat dan terjamin, jadi saya mengharapkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat lebih serius di dalam memajukan industri sama ada baja, pemakanan ataupun maksudnya penternak ayam organik yang saya sebutkan sebentar tadi. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Hulu Terengganu. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.31 ptg.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita menyambut baik langkah kerajaan untuk menambahkan peruntukan sebanyak RM400 juta ini dan saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan B.21 (i) berkenaan dengan perbelanjaan di bawah insentif pengeluaran padi dan meningkatkan pengeluaran serta hasil bidang pertanian.

Tuan Pengerusi, dengan adanya subsidi ini, kita dapati dan harapkan bahawa pergantungan kita kepada bekalan makanan dari luar akan dapat dikurangkan dan sekali gus boleh menambah pendapatan petani-petani kita. Kita berharap pembiayaan yang akan diberikan nanti benar-benar dapat dinikmati oleh petani-petani itu sendiri. Oleh yang demikian, kita minta supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan pemberian subsidi input pertanian merupakan barang-barangan yang berkualiti sama ada seperti racun, baja dan sebagainya.

Oleh yang demikian, dalam soal ini kita mengharapkan juga harga-harga yang diberikan kepada petani-petani ini merupakan harga-harga yang berpatutan dan tidak menjadi satu

bebanan kepada kerajaan dengan menawarkan harga yang tinggi di mana akhirnya yang dapat memperoleh keuntungan ialah pembekal-pembekal, bukan petani-petani itu sendiri.

Tuan Pengerusi, kita harus sedar bahawa petani-petani kecil kita mempunyai masalah untuk memperoleh insentif pertanian ini. Mereka duduk di kampung-kampung di kawasan pedalaman dan sekiranya kita menyediakan borang-borang yang begitu sukar kepada mereka menyebabkan mereka akan merasa *fed-up* dan tidak mengisi borang tersebut dan akhirnya, kesempatan ini akan dinikmati oleh pengusaha-pengusaha yang lebih besar ataupun pemborong-pemborong.

Jadi, saya hendak bertanya juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam soal pemberian subsidi ini, siapakah sebenarnya yang memperoleh keuntungan ataupun yang menikmati bantuan insentif ini? Saya difahamkan bahawa yang menerima ini bukanlah petani-petani kecil, petani-petani di kampung-kampung tetapi sebenarnya adalah pengusaha-pengusaha besar yang membeli daripada para petani, kemudiannya merekalah yang mengisikan borang dan seterusnya mereka yang menikmati keuntungan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian dalam soal pemberian subsidi ini, ada atau tidak bantuan kepada membasmi musuh tanaman? Di dalam usaha kita untuk meningkatkan hasil pengeluaran pertanian, salah satu masalah yang dihadapi oleh petani-petani kita ialah kerana menghadapi musuh-musuh tanaman, bukan sahaja serangga, tetapi juga merupakan musuh-musuh seperti kera, babi hutan, gajah dan sebagainya. Jadi adakah ruang untuk mereka ini mendapatkan bantuan daripada subsidi ataupun peruntukan yang dibentangkan pada petang ini?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian kepada soal bantuan ini. Dalam soal ini, kita mengharapkan bahawa bantuan peruntukan ini akan sebenarnya dinikmati oleh golongan-golongan petani yang kita mengharapkan boleh menambahkan pendapatan mereka. Jadi dalam soal ini, pihak kementerian harus melihat bagaimanakah hasil tersebut dapat disalurkan supaya petani-petani yang miskin ini dapat menikmati dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk mengehadkan masa Yang Berhormat, saya berharap Yang Berhormat jawab sahaja perkara yang ada di dalam Butiran B.21.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur walaupun dia menggunakan platform yang salah, kepada Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Hulu Terengganu kerana telah berbahas di bawah Maksud B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang saya rasa rata-ratanya menyokong sebenarnya insentif-insentif sebanyak RM400 juta ini sebab ia adalah khas untuk meningkatkan pengeluaran padi, pengeluaran makanan dan juga untuk mengurangkan bebanan kepada peladang, penternak dan nelayan kita supaya meneruskan pengeluaran makanan untuk negara.

Jadi Yang Berhormat, saya memang faham akan kegelisahan Ahli-Ahli Yang Berhormat bila menyuarakan supaya apa-apa juga insentif ini sampai kepada kumpulan sasaran itu secara langsung. Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat dan ini memanglah kami pastikan sebab semua petani, penternak dan nelayan yang memohon untuk mendapatkan bantuan insentif ini perlulah berdaftar dahulu. Pendaftaran ini kalaunya mengenai padi, jadi berdaftar melalui pertubuhan peladang kawasan. Kalau ia mengenai insentif yang lain, untuk berdaftar di bawah jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan supaya secara mekanisme ini, setiap mereka yang hendak memohon insentif mestilah ada rekod ladang yang lengkap.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Satu lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri..

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya tidak habis lagi Yang Berhormat. Jadi, macam mana saya tahu apakah dia soalnya? Biar saya habiskan. Mungkin Yang Berhormat tanya itu mungkin ada saya jawab. Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi, rekod ladang yang lengkap supaya diketahui sebelum menanam dan selepas menanam. Insentif-insentif ini akan diaudit juga oleh pegawai-pegawai untuk turun ke padang dan selepas itu apabila pengeluarannya keluar, dimaklumkan juga bila pengeluaran-pengeluaran itu akan mengeluarkan hasil.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Seterusnya, apa-apa perkiraan menggunakan jadual insentif itu akan disalurkan terus kepada akaun. Tidak melalui orang lain Yang Berhormat, kepada akaun penternak, peladang dan nelayan. Jadi bermakna tidak seharusnya berlaku apa-apa penyelewengan kecuali mungkin ada ketidakpuasan dari segi berapa banyak yang dikira sebab kadang-kadang ini semua ada diberi taklimat yang secara khusus kepada semua petani, penternak dan nelayan sebelum program atau insentif dasar jaminan bekalan makanan diteruskan. Yang Berhormat Kota Melaka dahulu.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, oleh sebab saya tidak sempat mengambil bahagian di dalam perbahasan - saya bersependapat dengan Yang Berhormat Hulu Terengganu yang mengatakan bagaimana kita hendak memastikan insentif ini betul-betul sampai kepada petani dan penternak dan bukan

kepada orang tengah ataupun pembekal yang mendapat keuntungan yang lebih besar serta tidak sampai usaha-usaha kerajaan ini untuk membantu kita meningkatkan hasil penternak atau hasil tanam-tanaman.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang Skim Subsidi Lembu yang pada tahun 2008 dimulakan lagi untuk membantu penternak iaitu subsidi lembu dijual kepada penternak dengan harga RM7,000. Dikatakan lembu ini dari Australia di mana yang bunting adalah daripada empat bulan hingga tujuh bulan serta mempunyai berat lebih kurang 260 kilogram.

■1640

Ada kes di negeri Melaka bahawa yang Surabaya untuk beli lembu ini, yang dapat ini lembu kecil. Bukannya yang dijanjikan dan kes ini ada buat laporan polis dan juga sedang disiasat oleh SPRM.

Saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bagaimana kita untuk mengelak perkara ini berlaku? Bolehkah subsidi ini dibayar secara terus kepada penternak seperti RM2,000 kepada penternak supaya mereka dapat beli lembu pilihan mereka sendiri. Bolehkah dapat penjelasan? Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang insentif ayam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkaitan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: [Bangun]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya tadi dalam jawapan saya, saya telah menerangkan dengan secara jelas sejelas-jelasnya bahawa memanglah disalurkan terus kepada akaun. Akaun ini bermakna kepada petani, penternak dan nelayan tersebut, bukan melalui syarikat atau orang tengah dan sebagainya, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: [Bangun]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: [Bangun]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, nanti dulu. Kalau ada, kalau ada berikan nama kepada saya sebab Yang Berhormat, ini adalah dasarnya, prinsipnya. Jadi kalau ada, mungkin pelaksanaan ini lari daripada apa yang kami tetapkan, tolonglah berikan segala maklumat. Barulah kami boleh buat siasatan, Yang Berhormat ya sebab saya tidak boleh menjawab satu-satu kes pada masa ini sebab ini adalah menyeluruh dan Yang Berhormat, saya ingin maklumkan, jangan salahkan peruntukan ini, *supplementary* ini dengan dasar yang biasa itu. Kita bercakap mengenai *supplementary* ini sahaja bahawa RM400 juta ini. Jadi biarlah saya teruskan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Saya hendak penjelasan. Kita tidak salahkan kementerian...

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Janganlah bersoal jawab macam ini, ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang dikatakan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu, kita hendak...

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Betul.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Pastikan insentif ini sampai kepada penternak dan petani.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya sudah kata dasar ini memang memastikan bahawa ia sampai kepada kumpulan sasaran.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Akan tetapi yang kes ini dia beli lembu...

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Dari jabatan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini satu kes terpencil.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya kata ini dasar tetapi kalau Yang Berhormat mengatakan ada penyelewengan, silalah beri kepada saya fakta itu supaya kami menyiasat *case by case*, Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi saya memberitahu bahawa sebagai dasarnya keseluruhan dasarnya memanglah akaun yang diterima itu masuk kepada petani, penternak dan nelayan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Apa, Yang Berhormat Kota Melaka.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya melihat bahawa insentif yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada penternak, pekebun kecil dan juga perikanan banyak memberikan manfaat terutama kepada petani kitalah terutama sebagai contoh di tempat saya memang para

petani kami di Tenom banyak mendapat manfaat yang mana saya difahamkan jumlah insentif - contoh di kawasan saya semakin lama semakin meningkat, semakin bertambah.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah jumlah peruntukan sebanyak RM100 juta ini dibahagikan mengikut kuota bagi setiap negeri sebab kita lihat dari semasa ke semasa, ramai pekebun-pekebun kecil kita ini berminat untuk memperluaskan lagi hasil pertanian mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara sama, perkara sama.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan pendek.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sama, sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri semua sekali dahulu selepas itu jawab? Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Juga berkaitan dengan insentif RM100 juta tadi. Saya ingat barangkali kes yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu Gajah itu kes terpencil. Mungkin boleh dirujuk terus dan tidak melibatkan dasar. Cuma Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu bahawa ini merupakan satu lagi kaedah bagaimana hendak membantu petani di semua peringkat dan lebih penting ialah kita mahu pelaksanaan dapat berjalan dengan baik dan memberi manfaat sama ada nelayan dan sebagainya. Saya hendak tahu adakah ada syarat-syarat tertentu sebab yang mungkin juga kita harap dapat manfaat ialah golongan petani dan nelayan yang berskala kecil ini. Petani yang menanam buah-buahan secara kecil, sayur-sayuran secara kecil. Itu satu.

Keduanya ialah soal hebahan maklumat. Banyak maklumat yang begitu baik, perancangan dibuat oleh kerajaan ini tidak begitu sampai ke bawah dan tidak diketahui oleh petani, pekebun dan nelayan ini.

Jadi bagaimana kaedah yang pihak kementerian lakukan untuk membolehkan dasar dan juga insentif ini benar-benar dapat diketahui oleh golongan petani dan pekebun di peringkat akar umbi. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu soalan sahaja tentang yang tadi punya. Kebanyakan penternak ayam daging melebihi 20,000 ekor tidak diberikan insentif terutamanya di negeri Johor. Saya dimaklumkan bahawa pada tahun 2007, kementerian membuat keputusan supaya penternak ayam daging yang melebihi 20,000 ekor tidak diberi insentif adalah akibat daripada perbincangan kementerian dengan pihak **HLHAN**. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jawapan yang tepat dan memuaskan. Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan untuk saya tapi untuk rakyat-rakyat di Johor, kubu kuat Barisan Nasional seperti yang tadi Persatuan Penternak Ayam Kecil dan Sederhana menghantar memorandum kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Di sini saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ingat lompat partilah, lompat parti. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih. Jadi, Yang Berhormat memanglah keraguan yang disuarakan itu memang berpatutan. Kami di kementerian juga memang memikirkan segala mekanisme yang terbaik supaya tidak ada ketirisan, kebocoran, penyelewengan dan sebagainya. Oleh sebab itulah tadi saya memaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, kalau ada, sila berikan *feedback*, maklum balas kepada kami sebab kita tahu, kita hendak monitor ini satu negara dan pada masa yang sama terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Lenggong dan termasuk Yang Berhormat Bakri.

Ini kerana apa kita kalau dapat Yang Berhormat, sebenarnya hendak memberitahu yang sebenarnya, amaun ini pun tidak cukup, Yang Berhormat. Sebenarnya dari segi apa yang kami terima bahawa amaun itu memang tidak mencukupi dan *insya-Allah* kita sama-samalah memastikan. Kita sama-samalah memohon dan menyokong supaya insentif ini boleh di bawa juga ke Rancangan Malaysia Kesepuluh dan diperkukuhkan dengan mekanisme-mekanisme yang lebih baik seperti yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang memastikan bahawa sebenarnya kumpulan sasar ini yang akan betul-betul menerima manfaat daripada skim ini.

Kami rasa skim ini adalah yang terbaik sebab ia berasaskan kepada pengeluaran. Kalau petani, penternak dan nelayan mengeluarkan lebih, jadi mereka diberi insentif yang lebih. Jadi untuk mengukuhkan apa yang saya beritahu ini, Tuan Pengerusi semenjak kita mengenalkan insentif ini iaitu di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan daripada tahun 2008, didapati dengan ratanya telah menampakkan seperti Yang Berhormat Tenom katakan tadi, menampakkan bahawa satu peningkatan.

Saya ingin petikkan di sini di bawah padi. Katakan di bawah padi atau padi beras meningkat sebanyak 4.57%. Di bawah ternakan pula, di bawah daging lembu atau kerbau ada peningkatan 10.27%, di bawah daging kambing biri-biri meningkat 10.39%, di bawah ayam dan itik meningkat sebanyak 3.39%, di bawah daging babi meningkat 5.62% dan telur. Telur pun ada meningkat. Telur meningkat 6.38% dan susu. Susu pun ada meningkat, meningkat 10.28%. Selepas itu yang terbesar lah, yang kami ingin ucapkan kepada pihak nelayan. Di bawah akuakultur meningkat 19.69% dan di sini pada purata keseluruhannya kepada Yang Berhormat, kita telah dapat meningkatkan dalam masa satu tahun, kita telah dapat meningkatkan puratanya dalam 4%.

Jadi oleh yang demikian, Yang Berhormat memang ini adalah satu kaedah yang digunakan yang telah dapat menunjukkan kesan yang begitu baik sekali. Kesan yang nampak

dan satu saya ingin memperingatkan sebab pertanian ini, kita tidak boleh nampak kesannya dalam masa satu hari, dalam masa satu minggu, dalam masa satu bulan. Kadang-kadang dalam kita bercakap ini, kita belum dapat juga memberi kesan-kesan yang dapat dikeluarkan.

■1650

Jadi kepada Yang Berhormat Bakri tadi, memang kami faham dan sebenarnya Yang Berhormat Bakri mengenai 20,000 ke atas itu bukannya kami yang telah memberi angka ini. Akan tetapi ini datangnya dari Persatuan Penternak Malaysia seperti Yang Berhormat tadi katakan. Jadi sebelum kami mengenakan dari segi *benchmarking*, kami telah panggil semua *major players* atau *stakeholders* bersama di dalam perbincangan supaya kita ada *cut of point*. Jadi kami telah diberitahu di mana penternak ayam ini mengeluarkan 20,000 ekor ke atas. Dia kata tidak perlulah diberi di bawah insentif ini. Sebab insentif ini lebih kepada penternak kecil. Jadi 20,000 ke atas itu kita mungkin ada skim yang lain lagi, yang lebih besar yang menjurus kepada pihak-pihak korporat dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat saya harap Yang Berhormat pun...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Timbalan Menteri, boleh buat satu penjelasan? Masalah ini sudah berlaku tiga tahun. Akan tetapi di bawah polisi sekarang, hampir 50% penternak ayam di Semenanjung Malaysia tidak menikmati manfaat insentif ini. Adakah insentif ini untuk memanfaatkan orang kaya atau pengusaha-pengusaha pertanian yang kurang upaya dari segi persaingan? Kalau insentif ini adalah untuk membantu kita layak. Mengapa hampir setengah daripada penternak ayam komersial di Semenanjung Malaysia tidak dapat menikmati bantuan ini? Kerana syarikat besar ini cuma melindungi kepentingan mereka sahaja.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, kita menjaga petani, penternak, nelayan ini dengan sebegitu rupa, sehingga adanya dasar jaminan bekalan makanan Yang Berhormat. Sebenarnya dasar jaminan bekalan makanan dibahas dengan begitu teliti tahun lepas. Saya ingat lagi saya bertekak dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sebab ini adalah kepentingan untuk rakyat. Akan tetapi Yang Berhormat seperti saya katakan tadi, unjuran 20,000 ekor ayam ini bukan kami yang suka-suka sebut. Kami fikirkan semua. Tetapi ini adalah datang daripada Persatuan Penternak Ayam sendiri.

Yang Berhormat, pagi tadi kita menerima memorandum, biarlah kita mengkaji dahulu memorandum tersebut. Jadi Yang Berhormat jangan *beat the gun*. Baru jam 1 tadi beri kepada saya, ini sudah mengamuk di dalam. Yang Berhormat tidak bolehlah macam itu. Berilah masa untuk kita mengkaji dan *insya-Allah* sebab kita pun sama-sama memikirkan kepada penternak, petani dan nelayan. Jadi Tuan Pengerusi, satu-satulah saya pergi kepada apa yang disebutkan khasnya yang tidak saya sebutkan tadi. Ini mengenai ayam organik. Jadi pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Veterinar belum ada satu dasar khas untuk pengeluaran ayam organik ini. Walau bagaimanapun, jabatan tidak menafikan akan kebaikan ayam organik. Kami tahu ada ayam *air cond*, ada ayam makan jagung sahaja.

Macam-macam ayam kami tahu. Akan tetapi kita pergi kepada *masse*, yang ramai dahulu. Kita bantu dan sehubungan dengan itu kita akan membuat kajian lanjut untuk menentukan ciri-ciri ayam organik dari segi pemakanan dan kandungan nutrisi atau zat ayam. Jadi bermakna kita perlu membuatkan satu garis panduan. Bermakna kita bukan menafikan dari segi membantu yang organik ini. Bahkan kami juga ada satu standard bahan-bahan organik tetapi khas untuk tanaman, iaitu SOM. SOM adalah satu standard untuk tanaman organik. Jadi memang ada. Bagilah kita masa dan kalau dapat Yang Berhormat juga boleh memberi kami input untuk kita bersama-sama menyelesaikan masalah ini.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniahlah kerana ada usaha daripada pihak kementerian untuk membuat satu *research* dan juga mengkaji lebih mendalam lagi tentang isu ayam organik ini. Saya kira ini adalah satu usaha yang baik dan kita mengharapkan insentif yang lebih banyak kepada pengusaha-pengusaha ayam organik walaupun dikatakan ini kementerian lebih menumpukan kepada *mass* kepada massa yang lebih besar. Akan tetapi saya kira kalau sekiranya perusahaan ayam organik ini lebih banyak, jadi akan menyebabkan harga ayam organik ini akan turun dan lebih ramai akan mendapat manfaat terutama dari segi kesihatan. Saya juga harap Timbalan Menteri tidak lupa untuk menyebut tentang padi organik. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yalah, sebab kadang-kadang menjawab ini ia sudah tidak ikut susunan yang menjawab. Saya ikut dari segi jawapan yang saya terima. Terima kasih Yang Berhormat, memang ada. Jadi bekalan baja organik. Mengikut kajian MARDI baja organik adalah perlu untuk menyuburkan tanah. Dia untuk menyuburkan. Kalau kita gunakan untuk banyak kali. Kita perlu menyuburkan balik tanah ini manakala baja kimia diperlukan bagi pertumbuhan dan pembesaran tanaman padi.

Bermakna kita perlu dua sekali. Satu untuk menyuburkan tanah, dan satu itu untuk pembesaran tanaman. Pada masa ini bekalan baja-baja ini diberikan kepada petani mengikut kadar-kadar yang ditetapkan dan juga kita ada MARDI dan Jabatan Pertanian untuk membekalkan tiga pembekal untuk mengkaji dari segi teknikalnya apa-apa baja-baja yang disampaikan atau diberikan kepada kami dari segi tender dan sebagainya. Jadi saya ingin memaklumkan di sini ada tiga pembekal baja organik. Iaitu Syarikat ABH Mega Sdn. Bhd., Syarikat Perintis Pelangi dan Syarikat Nor Infra Feed Meal Sdn. Bhd. Jadi bermakna ada. Jadi terpulang kepada petani-petani untuk mendapatkan baja ini daripada syarikat-syarikat yang telah ditetapkan. Jadi bermakna satu lagi penggunaan baja kimia secara berlebihan dan berterusan akan mengakibatkan kemerosotan tahap kesuburan tanah.

Untuk yang demikian, kita menggunakan baja organik untuk ianya memulihkan semula tanah itu dan pada masa yang sama, jangan lupa juga meneruskan amalan pertanian yang baik untuk memastikan bahawa segala-galanya adalah mematuhi dan juga memastikan bahawa pengeluaran itu adalah pengeluaran yang terbaik. Yang Berhormat Arau membangkitkan kelewatan bekalan baja. Bagi mengatasi kelewatan bekalan baja, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Pengarah LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) dan jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil pembekal baja dan juga agensi-agensinya yang berkuasa. Di samping itu di bawah perjanjian kontrak pembekalan, pembekal yang membekal lewat akan dikenakan penalti. Jadi ini semua Yang Berhormat, banyak perkara di sini, kami memerlukan *feedback*. Jadi Yang Berhormat jangan memikir sebab daripada Yang Berhormat kami tidak layan, tidak. Kami melayan daripada semua pihak segala *feedback* yang diberikan kepada kami.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan perkara baja tadi, saya ingin membetulkan selain daripada tiga syarikat mengeluarkan baja organik itu. FELCRA pun ada keluarkan juga. Kita pun ada banyak kilang buat baja organik dan sasaran kita tahun hadapan 140,000 metrik tan. Tahun ini lebih kurang 40,000 metrik tan. Kita tidak jual. Kita pakai sendiri, tetapi kita keluarkan. Saya ingin bertanya iaitu baja yang dibekalkan kepada pekebun-pekebun kecil, termasuk petani padi. Saya dimaklumkan dibekal secara monopoli oleh NAFAS dan jumlahnya sampai RM500 juta, RM600 juta setahun. Akan tetapi saya juga mendapat maklumat yang NAFAS ini tidak berapa boleh bernafas, apa sebabnya menjadi begitu? Terima kasih.

■1700

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, tahniah Yang Berhormat kepada FELCRA, minta maaf saya tidak sebut FELCRA tetapi ini menjurus kepada padi. Akan tetapi Yang Berhormat, kita ambil maklum bahawa FELCRA ada mengeluarkan baja organik, tapi Yang Berhormat sendiri katakan yang baja organik ini guna sendiri untuk menyuburkan tanah bagi kelapa sawit. Sebab organik ini memang...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Juga padi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, terima kasih. Jadi saya maklumkan kepada pegawai-pegawai saya bahawa FELCRA juga mengeluarkan baja organik untuk kelapa sawit dan padi. Jadi silalah ambil maklum supaya sama-sama kita dapat membantu.

Terima kasihlah Yang Berhormat bila dikatakan baja ini dibekalkan oleh NAFAS, memang betul dan ianya seperti 'tidak bernafas'. Jadi Yang Berhormat tidak lah sebegitu Yang Berhormat. Sebenarnya memanglah NAFAS ini satu daripada yang terutama tetapi selepas itu

memang pengeluaran baja ini, tender adalah terbuka. Sebab itu saya katakan tadi ada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh MARDI dan juga Jabatan Pertanian untuk memastikan bahawa baja-baja ini memanglah baja yang berkualiti, yang boleh digunakan untuk pengeluaran padi dan ianya juga dari segi pembekalan. Sebab kita seharusnya membekalkan kepada 245,000 penanam padi di seluruh negara. Bermakna ini satu angka yang besar sekali.

Yang Berhormat Arau juga menanyakan mengenai agihan padi sah. Pengagihan padi sah telah diberi kepada 13 syarikat pengeluar benih padi sah berdasarkan kepada kapasiti pengeluaran pada kilang, pada loji dan juga kepada boleh atau tidak mereka mengeluarkan benih padi sah yang telah ditetapkan oleh MARDI dan juga jabatan Pertanian. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mencadangkan, kalau dapat bagi sesuatu jelapang, sesuatu tempat sawah itu dibekalkan oleh pengeluar benih padi sah di tempat yang sama sebab memandangkan dari segi jenis tanah, jenis keperluan padi itu adalah sama dengan apa yang dikeluarkan oleh pengeluar benih padi sah. Ya sila Yang Berhormat Pendang.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Benih padi sah ini, daripada janji yang dibuat tidak silap saya Menteri pada masa itu ialah Tan Sri Muhyiddin ke Pendang. Dia kata tahun 2010 dah hendak diwajibkan dan dipastikan padi sah ini 80% sekurang-kurangnya kadar pertumbuhannya. Jadi apabila kita turun kepada petani menanyakan hal kadar pertumbuhan ini, mereka mengatakan tidak sampai 80%. Jadi saya rasa ini perlu di *adjust* sikit misalnya daripada mana padi itu diambil kerana kadar pertumbuhan itu tidak sampai seperti mana yang dijanjikan. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sambung sikit, terima kasih Tuan Pengerusi. Pada pendengaran saya, saya belum mendengar lagi berapa peratus daripada RM275 juta yang diperuntukkan untuk insentif pengeluaran padi organik. Saya belum lagi mendengar jawapan tersebut. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, kepada Yang Berhormat Pendang terima kasih kepada cadangan itu dan *insya-Allah* pandangan-pandangan ini sangat baik sekali untuk sampai kepada pengetahuan kami. Memang betul Yang Berhormat sepatutnya tahun 2010 ini memang semua dikehendaki menggunakan benih padi sah iaitu MR219 yang telah kami buat beberapa kali kajian dan didapati benih ini yang terbaik setakat ini.

Yang Berhormat pun sedia maklum ini adalah sesuatu yang *living*, sentiasa berubah. Akan tetapi setakat ini benih padi sah MR219 adalah yang terbaik, yang secara puratanya boleh mengeluarkan hasil enam tan satu hektar tapi adanya sampai 10 dan ada yang sampai lebih itu bonuslah. Jadi puratanya adalah enam tan satu hektar. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat, itulah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Pendang dan pihak kami akan ambil serius cadangan-cadangan yang telah disebutkan.

Jadi Yang Berhormat Titiwangsa tadi mengenai berapa daripada jumlah itu. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah RM275 juta adalah untuk menampung perbelanjaan insentif pengeluaran padi yang biasa tahun 2010 untuk 245,000 petani yang sudah berdaftar di seluruh negara, tidak termasuk yang organik. Jadi organik ini seperti saya katakan dia mungkin di bawah skim yang lain dan tidak termasuk skim ini. Yang Berhormat, kalau hendak ikut pun belum banyak, jadi kalau ada pun ia komersial, ia berbentuk komersial dan Yang Berhormat betul.

Sesiapa yang mengeluarkan di bawah label organik, selalunya apabila di jual di pasaran akan mendapat harga 30% lebih besar. Kadang-kadang benda itu pun kita kena pantau, dia kata organik jadi kita mesti ada satu pasukan untuk pergi *check*, pergi siasat untuk mengetahui betul ke ianya organik atau yang biasa. Itu satu lagi mekanisme Yang Berhormat ya? Jadi sebab itu Yang Berhormat dalam RM245 juta ini tidak termasuk yang organik sebab organik ada proses dia lagi untuk kita betul-betul menentukan yang dikeluarkan ini sah organik dan mereka mesti mendaftar di bawah SOM.

Jadi sebagai tambahan Yang Berhormat ya mengenai organik ini, kita ada tapi bukan di dalam ini. Kita sebenarnya memberi secara lain, mungkin insentif peruntukan yang disediakan di bawah insentif pengeluaran padi sebenarnya adalah untuk upah bajak, RM54 juta dan RM95 juta adalah untuk baja tambahan. Mungkin Yang Berhormat mahu tahu bagaimana pecahan itu tadi.

Dari segi Yang Berhormat Pendang tadi mengatakan 80% cambah benih sah ini. Jadi Yang Berhormat, memanglah kita mengambil berat tentang kualiti, sudah dinamakan benih padi sah tetapi kita mesti menentukan dan kita akan membuat segala pemantauan dan dari semasa ke semasa Yang Berhormat silalah beri kepada kami kalau ada didapati tidak menepati apa yang sepatutnya, macam percambahan dia kurang daripada 80%.

Jadi Yang Berhormat Pasir Salak sedikit, NAFAS adalah mengenai pembekal baja kimia, baja NPK dan urea daripada kilang NAFAS di Gurun, Kedah iaitu usaha sama dengan Petronas.

Jadi pemilikan NAFAS adalah badan PELADANG yang terdiri daripada ahli-ahlinya, rata-ratanya adalah untuk peladang dan mereka juga diberi keutamaan oleh Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Lenggong pula mengenai hebahan, sebenarnya Yang Berhormat, hebahan memang selalu kita berikan dan hebahan ini macam kita hendak mengembalikan Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Kita mengambil masa tiga bulan untuk kita buat hebahan, sebab kita tidak mahu mana-mana pihak tertinggal atau terlepas daripada sesuatu yang murni yang kita harap akan membantu golongan sasaran yang membekalkan makanan kepada negara. Jadi terima kasih juga Yang Berhormat, mungkin kita mencari kaedah-kaedah lain yang akan memberi yang terbaik.

Dengan kata-kata demikian Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja jawapan saya kepada segala hujahan dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM400,000,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM400,000,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

■1710

**Maksud B.22 [Jadual] –
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2010] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.22 dan Kepada Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

5.10 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut sama bagi membahaskan bagi Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya ingin terus merujuk kepada Butiran yang kedua iaitu peruntukan berjumlah RM600 juta adalah dikehendaki untuk membiayai biasiswa dan pinjaman kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam dan luar negara.

Sesungguhnya tindakan dan inisiatif kerajaan untuk memberikan peruntukan tambahan bagi Maksud Belanjawan 2010 ini memang sangat dialu-alukan. Kita berharap dengan peruntukan tambahan ini kita berharap ianya boleh melibatkan secara menyeluruh dari segi pengagihannya terutamanya kepada pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar.

Saya juga ingin memohon penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan penumpuan bantuan biasiswa ini dari segi mata-mata pelajaran yang diberi keutamaan untuk mendapatkan bantuan biasiswa dan pinjaman biasiswa daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Ianya dipertanggungjawabkan dalam agensi apa, supaya kita pun dapat mengetahui untuk kaedah dan mekanisme bagaimana kita akan mendapat bantuan.

Saya berharap supaya dalam peruntukan tambahan ini juga di samping yang telah diserahkan oleh kerajaan ini supaya kerajaan juga mengambil perhatian untuk menambah dari semasa ke semasa jika diperlukan. Memang baik sekali terutamanya kalau kita memberi penekanan dan pembiayaan biasiswa ini untuk belajar di luar negara terutamanya dalam bidang-bidang yang sangat diperlukan oleh negara kita, sebab ini sesuai dengan kehendak semasa sekarang ini apabila kerajaan menekankan kepada asas inovasi dan kreativiti serta pembangunan modal insan yang berprestasi tinggi.

Jadi kita mahu melihat supaya pembinaan modal insan yang ditekankan oleh kementerian ini perlu diperbanyakkan dan kita berharap juga di masa akan datang supaya pihak kerajaan akan memberi peruntukan yang lebih dalam membelanjakan untuk membiayai biasiswa dan pinjaman ini kepada para pelajar. Ini kerana kita melihat mungkin cadangan ini difikirkan sesuai pada masa sekarang tetapi pada masa-masa akan datang kita berharap supaya pihak kementerian mengambil perhatian yang lebih serius.

Kita berharap juga supaya dari segi nisbah, penawaran biasiswa ini diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang berada di kawasan luar bandar. Ini kerana kita mahu melihat supaya *gap* dengan izin, ataupun perbezaan capaian pendidikan di kawasan bandar dan luar bandar itu dapat dikurangkan dari segi jurang pencapaian dan perolehan yang diperolehi oleh pelajar-pelajar yang akan mengambil pinjaman biasiswa ini.

Saya berharap juga dari segi mekanisme, syarat-syarat untuk mendapatkan pinjaman dan biasiswa ini daripada pihak kerajaan perlu disesuaikan dengan merit para pelajar. Misalnya kalau di kawasan luar bandar mungkin dari segi tahap kelulusan ataupun pencapaian yang diperolehi oleh seseorang pelajar itu tidak begitu terlalu *strict* dengan izin, terlalu ketat sebab kita tidak mahu pelajar-pelajar yang ada di kawasan luar bandar ini ketinggalan.

Kita berharap juga di masa yang sama ini supaya kementerian itu sendiri dapat mewujudkan suatu gerakan untuk mengenal pasti tentang kewujudan pelajar-pelajar yang patut diberi keutamaan dan dari segi galakan tentang subjek ataupun bidang yang akan diberikan kelulusan dari segi pinjaman dan biasiswa ini, ini perlu dapat penjelasan yang lebih lanjut daripada pihak kementerian.

Saya berharap supaya negeri Sabah dan Sarawak itu diberi keutamaan dan lebihan dari segi jumlah pinjaman ini. Ini kerana kita melihat dari segi keseimbangan untuk mendapatkan bantuan biasiswa ini daripada kedua-dua buah negeri ini sangat mengharapkan bantuan daripada kementerian ini yang kementerian ini memang dekat sangat di hati rakyat dan masyarakat kita.

Suatu yang istimewanya kementerian ini ialah ia paling hampir dengan masyarakat luar bandar. Maka, sewajarnya lah untuk pinjaman biasiswa ini dan apa-apa juga bantuan yang diberikan oleh kementerian melalui agensi-agensi yang telah dipertanggungjawabkan ini mengambil peranan yang berat dan perhatian yang bersungguh-sungguh tentang masyarakat luar bandar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pendang.

5.14 ptg.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan B.22 ini, saya hendak berbincang berhubung dengan biasiswa RM600 juta yang diberikan, khususnya melalui MARA kalau tidak silap saya.

Saya berharap di dalam biasiswa – okey, tidak ada masalah tetapi dalam pinjaman itu, saya berharap kita jangan jadikan seperti mana yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang meminjam daripada PTPTN. Ini kerana setiap bulan boleh dikatakan di dalam akaun mereka itu terpaksa ditambah kerana caj perkhidmatan. Jadi saya rasa dalam pinjaman yang diberikan oleh pihak MARA ini supaya memikirkan semula dari segi kadar faedah yang dikenakan terhadap peminjam-peminjam.

Kemudian yang keduanya berhubung dengan pelajar-pelajar yang berada di IPT sama ada tempatan ataupun luar negara, mestilah mengikut jadual yang diberikan. Ini kerana saya biasa mendengar keluhan daripada pelajar-pelajar yang terpaksa mengikat perut kerana mereka diberikan biasiswa ini tidak mengikut kalendar yang tertentu, tidak berkala.

Maknanya, kadang-kadang sampai duit mereka habis langsung barulah pemberian biasiswa ini diberikan. Maknanya mereka terpaksa mendapat biasiswa FAMA (*father and mother*) ini. Kalau *father and mother* ini kekurangan dana, maknanya mereka terpaksa mengikat perut. Ini merupakan salah satu daripada perkara yang perlu diberi perhatian oleh kementerian, terutama sekali pelajar-pelajar yang berada di luar negara.

Saya pernah sentuh pelajar di Germany terpaksa sampai tiga bulan kelewatan biasiswa MARA ataupun pihak MARA menghantar wang biasiswa kepada mereka. Kalaulah sekiranya ini berlaku dalam negara mungkin kita tidak mempunyai masalah tetapi kalau di luar negara dari segi rumah sewanya, dari segi makanannya, maknanya masalah bagi mereka untuk meneruskan pelajaran. Saya rasa itulah dua perkara yang saya hendak sentuh. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

5.16 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut menyentuh dalam Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar. Peruntukan Tambahan sebanyak RM200 juta kepada 140,000 buah rumah terutama di kawasan luar bandar.

Begitu juga dengan jalan luar bandar yang peruntukan tambahan sebanyak RM381 juta yang mana saya melihat Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar. Sejak dari penggal lepas lagi saya juga telah mengemukakan beberapa buah kampung di kawasan saya yang masih lagi tidak mempunyai bekalan elektrik luar bandar ini.

Pada penggal yang lepas, saya melihat terdapat dalam program pihak kementerian untuk memberi bekalan elektrik kepada Kampung Rundum, Kampung Kepulu, Kampung Ketubu dan Kampung Kerolok. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, bilakah

program ini akan dapat diadakan? Ini kerana kita melihat bahawa keempat-empat buah kampung ini – kalau dahulu lima, satu kampung iaitu Kampung Semambu telah kita beri *solar hybrid* yang mana hari ini Kampung Semambu telah terang benderang.

Bagaimana pula empat buah kampung ini? Saya ingin mendapat penjelasan Tuan Pengerusi daripada pihak kementerian, selain daripada talian grid adakah lagi cara yang terbaik supaya kampung-kampung yang terletak di luar bandar ini mendapat bekalan elektrik seperti mana hari ini kerajaan kita menggalakkan teknologi hijau menggunakan solar? Jadi adakah pihak kementerian juga ada mengadakan program tersebut?

Begitu juga jalan luar bandar ini. Tuan Pengerusi, saya ingin menjurus kepada beberapa buah jalan yang saya kira amat penting bagi masyarakat di kawasan saya iaitu di Jalan Inudaipa, Pekan Sangon dan juga Kampung Tilis.

■1720

Saya melihat ini semuanya di bawah NKRA yang mana jalan-jalan ini memang terdapat beberapa buah kampung yang menggunakan jalan tersebut. Saya harap pihak kementerian dapat memberi keutamaan untuk menaik taraf jalan-jalan luar bandar ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas lawatan Yang Berhormat Menteri ke kawasan saya baru-baru ini yang mana telah mengumumkan peruntukan untuk Jalan Bakuku dan Ulu Tomani. Saya harap program ini dapat dilaksanakan mengikut jadual iaitu mengikut yang telah diberitahu kepada masyarakat yang terlibat terutama di Kampung Bakuku dan Ulu Tomani. Cuma saya ingin mengharapkan pihak kementerian supaya jalan-jalan yang telah disyorkan, saya pun tidak mendapat di bawah NKRA jalan-jalan mana yang akan dilaksanakan tetapi saya harap apabila kita menyuarakan antara jalan-jalan ini penting saya harap ini mendapat keutamaan daripada pihak kementerian apatah lagi jalan-jalan di luar bandar sepanjang 900.81 kilometer.

Saya harap di Parlimen Tenom sekurang-kurangnya adalah 30 kilometer ataupun 20 kilometer. Kita lihat hari ini kebanyakan jalan ini masih dalam keadaan yang begitu teruk sekali. Jadi saya harap Kementerian Luar Bandar yang dekat kepada hati luar bandar akan dapat melaksanakan program dalam peruntukan tambahan pada tahun ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

5.22 ptg.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak menyentuh butiran 110600 di mana sebanyak RM151 juta disediakan untuk melaksanakan projek sistem kawalan air pelbagai sumber di seluruh perkampungan Orang Asli di Malaysia. Jadi di sini saya ingin bertanya adakah kementerian bersedia untuk *implement* polisi kerajaan tentang *rainwater harvesting* atau penuaian air hujan. Yang sebenarnya polisi ini telah pun diserapkan dalam polisi-polisi kerajaan sejak tahun 1999 lagi tetapi masih tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh di dalam melaksanakan polisi ini ke peringkat bawahan.

Oleh kerana ini adalah projek baru yang saya kira memang penyediaan sistem air ini kepada Orang Asli ini memang sudah terlambat berpuluh-puluh tahun sebab sekarang ini kita 53 tahun atau 54 tahun sudah merdeka jadi sepatutnya tidak lagi timbul bajet untuk sistem rawatan air atau bekalan air untuk Orang Asli. Walau bagaimana pun oleh kerana ini adalah projek yang baru hendak dijalankan jadi saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil kira untuk melaksanakan polisi *rainwater harvesting* di dalam menyediakan bekalan air kepada Orang Asli ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

5.23 ptg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau dapat ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya, ringkas sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik betul ucapan-ucapan petang ini ringkas sahaja.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, satu sahaja berkaitan dengan jalan luar bandar. Saya mendapat jawapan bertulis apabila saya bangkitkan isu pembinaan satu-satu jalan ke satu-satu buah kampung di kawasan saya yang masih tidak ada jalan penghubung. Hari ini masyarakat kampung hanya menggunakan bot sahaja. Itu di Kampung Beng dan Batu Reng.

Yang Berhormat Menteri telah pun turun ke kawasan Parlimen saya dan meluluskan pembinaan jalan berkenaan tetapi jawapan bertulis yang saya terima sewaktu saya mengumpulkan kepada jawapan pihak kementerian, jawapan pihak kementerian ialah menyebut bahawa tidak ada satu permohonan pun yang saya lakukan kepada pihak kementerian untuk pembinaan jalan tersebut. Saya pun hairan bagaimana perkara itu berlaku, mungkin ada *miscommunication* dengan pihak pegawai-pegawai.

Jadi saya minta – Sebab saya difahamkan dan dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa jalan ini dimasukkan dalam KPI Menteri dan hendak dilaksanakan tahun ini atau tahun hadapan. Jalan yang saya maksudkan ialah jalan daripada Kampung Talong ke Kampung Beng dan Batu Reng yang panjangnya lebih kurang 7 kilometer. Yang Berhormat Menteri telah sedia maklum dan telah meluluskannya sewaktu majlis yang diadakan di kawasan saya. Saya ingat perkara tersebut hendaklah diberikan keutamaan.

Satu lagi berkaitan dengan bekalan air ini, saya ada satu perkampungan Orang Asli di mana keseluruhan kampung tersebut sebenarnya telah pun mendapat bekalan air. Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian tetapi ada sebahagian lagi rumah-rumah yang tidak mendapat bekalan tersebut. Saya harap ia dimasukkan ke dalam projek tahun ini. Itu di RPS Air Dala, Gerik dalam kawasan saya di Lenggong. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]***5.25 ptg.**

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun ringkas juga. Saya ingin tahu Butiran 22 sebanyak RM600 juta untuk biasiswa. Saya ingin tahu dari kementerian berapa dari anggaran bekalan ini diperuntukkan untuk dalam negeri dan juga luar negara.

Saya juga berharap dan memohon bahawa biasiswa atau pinjaman pelajaran ini diberi kepada semua pelajar yang perlu diberi sebab saya rasa - Adalah pendapat saya jika seseorang pelajar itu mahu meneruskan pelajaran mesti diberi bantuan dari segi biasiswa atau sekurang-kurangnya pinjaman. Saya tidak tahu adakah ini jumlah yang disebut di sini adalah cukup. Saya juga menyesal bahawa tidak ada bekalan yang dipohon untuk lain-lain pembangunan di luar bandar seperti saya tengok di Telok Intan, banyak desa-desa dan kampung-kampung yang memerlukan jambatan dan lain-lain peruntukan untuk orang awam yang tidak sedia ada. Saya pohon ini akan diberi pandangan yang serius oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kena tanya Yang Berhormat Menteri apabila Yang Berhormat Menteri menjawab.

Seorang Ahli: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri jangan bagi. Kita sudah putuskan enam orang bercakap Yang Berhormat.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Okey, saya akan buat ringkas. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa telah menyuarakan tentang sama ada kementerian ini masih menggunakan dasar atau polisi menggunakan *rainwater harvesting*. Itu adalah sebagai yang terakhir. Untuk Orang Asli ini kalau ini diluluskan saya yakin ia akan diluluskan di mana bekalan air kepada Orang Asli ini akan mendapat 100% *coverage* untuk air yang dirawat. Akan tetapi polisi itu masih ada di mana tempat kita tidak sampai kepada sistem paip besar iaitu retikulasi, kita akan guna *rainwater harvesting*, *tube well* dan apa jua jenis teknologi yang lain.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya mungkin... Maaf Tuan Pengerusi. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri kurang memahami maksud saya itu. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ini adalah kalau hendak buat *rainwater harvesting* adalah pilihan terakhir, saya agak kecewa. Ini kerana dari tahun 1999, polisi ini tidak

berjalan dengan baik oleh pihak kerajaan jadi kenapa tidak digunakan peluang ini sedangkan tujuan polisi ini adalah satunya untuk menghadapi musim kemarau.

Keduanya, untuk memastikan *treated water* yang begitu mahal harganya itu dapat digunakan hanya untuk keperluan misalnya untuk masakan, makanan, minuman dan sebagainya sedangkan keperluan yang lain ini boleh menggunakan air hujan yang dirawat. Jadi saya agak kecewa kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memahami dasar kerajaan yang sebenarnya. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Kekecewaan Yang Berhormat tidak kena pada tempatnya [*Ketawa*] Ini kerana keutamaan memang kita hendak membekalkan air rawatan ini melalui sistem retikulasi. Kalau tidak dapat kita akan cuba gunakan *tube well* di mana tempat *tube well* boleh dipakai. Di mana tempat *tube well* tidak boleh dipakai, teknologi lain tidak boleh dipakai, sistem retikulasi tidak boleh dipakai, kita akan gunakan *rain harvesting*. Jadi memang kita gunakan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri. Jam pukul 5.30 petang.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tidak boleh teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: [*Ketawa*] Kecewa juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 19 April 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.